

JURNAL ALAMI MAIK



AKADEMI LATIHAN AL-MUHAMMADI

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

Email: masjid@e-maik.my

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Kompleks Islam Darul Naim, Lundang Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu Kelantan.

Diterbitkan Oleh:

AKADEMI LATIHAN AL-MUHAMMADI

Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra,

Lot 2136, Jalan Raja Perempuan Zainab II,

Panji, 16100 Kota Bharu Kelantan

Email: masjid@e-maik.my

Tel: 09-7481512 * Faks: 09-7440722

Jurnal ini diterbitkan sekali setiap tahun

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

SIDANG REDAKSI PENERBITAN JURNAL ALAMI MAIK

PENASIHAT	-	YB. SS Dato' Haji Mohamad Shukri Bin Mohamad Dato' Kaya Perba Mufti Kerajaan Negeri Kelantan
PENGERUSI	-	YABrs. Dr. Hasnan Bin Haji Ramli Timbalan Yang Dipertua Maik
TIMBALAN PENGERUSI	-	YBrs. Haji Muhamad Rasani Bin Ramli Setiausaha Maik
KETUA EDITOR	-	YBrs. Dr. Haji Muhamad Hana Pizi Bin Abdullah Imam Besar Negeri Kelantan
SIDANG EDITOR	-	YBrs. Haji Murtadha Bin Abdullah - YBrs. En. Ridhwan Bin Abdul Rahman - YBrs. En. Ahmad Syazwan Bin Muhammad Hasan - YBrs. En. Roslee @ Mohamad Bin Ismail - YBrs. En. Fathul Hakim Bin Kamarul Zaman - YBrs. En. Muhamad Luqman Bin Ab Rauf
PEMBACA PRUF	-	YBrs. En. Abdul Halim Bin Ab Rahman - YBrs. Pn. Nurul Amirah Binti Ibrahim

KANDUNGAN

HALAMAN

Sidang Redaksi Penerbitan Jurnal ALAMI MAIK	iii
Kandungan	iv
Tinta Perutusan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	v
Sekapur Sireh Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	vi
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: Sejarah Penubuhan, Perundangan dan Organisasi Hasnan Ramli, Baharin Ilias	1
Konsep dan Faktor Kejayaan Menurut Perspektif al-Quran Hasnan Ramli, Ahmad Hafiz Hafifi Mohd Arif	27
Hambatan Kebangkitan Islam di Nusantara A. Aziz Deraman	38
Hubungan Antara Institusi Masjid di Malaysia dengan Konsep Rahmatan Lil-alamin Mohd Aderi Che Noh	54
Prestasi Masjid-masjid di Negeri Kelantan Berdasarkan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) Muhammad Hana Pizi Abdullah, Waheeda Azwa Hussein	67
Masjid Muhammadi: Sejarah, Peranan dan Sumbangannya Terhadap Pengajian Islam (1867M - 2024M) Mohamad Irfan Salleh	81
Sejarah Hidup Imam Al-Ghazali dan Pengembaraan Ilmu: Satu Sorotan Ahmad Mubahideen Yusoff	97
Enhancing The Function of Masjid in Kelantan Ameer Azezy Tuan Abdullah	108
Sejarah Awal Penubuhan Jamaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Ahmad Hafiz Hafifi Mohd Arif	117
Zakat Funding in Ensuring Sustainable Development and Social Welfare: A Case Study of Mosques in Kelantan Afnan Aizzat Adnan	130

**Tinta Perutusan
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan**

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur *Alhamdulillah* ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya jua *Jurnal ALAMI MAIK* telah disempurnakan penerbitan dengan jayanya.

Sesungguhnya pembinaan masjid-masjid menggambarkan perkembangan syiar Islam yang begitu utuh di “Negeri Serambi Mekah”. Masjid bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tempat melaksanakan ibadah solat dan ceramah agama, malah ia sebagai tempat pertemuan para ulama dan cendekiawan Islam, serta menjadi pusat penyatuan ummah di mana segala aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dapat dilaksanakan. Sehingga Jun 2024, terdapat sejumlah 617 buah masjid di seluruh negeri Kelantan, dengan pecahan sebuah Masjid Negeri (Masjid Muhammadi), 9 buah Masjid Bandar, 11 buah Masjid Jajahan dan 596 buah Masjid Mukim. Semua masjid ini, termasuk pelantikan imam dan kakitangan, menurut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Bilangan 4. Tahun 1994), tertakluk di bawah bidang kuasa MAIK.

Usaha murni penghasilan jurnal ini merupakan satu langkah proaktif ALAMi MAIK, dalam mendokumentasi maklumat berkenaan sejarah sumbangan dan peranan MAIK dalam hal ehwal masjid dan aktiviti kemasyarakatan di Kelantan khususnya. Memandangkan jurnal ini diterbitkan dalam gabungan dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, maka ia berpotensi besar untuk diterima oleh para pembaca di peringkat antarabangsa. Penerbitan Jurnal ini boleh dianggap sebagai kejayaan MAIK dalam menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Pentadbiran Masjid, para penulis makalah, editorial makalah, dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan jurnal. Diharapkan, *Jurnal ALAMI MAIK* ini menjadi suatu khazanah warisan yang berharga dan membanggakan untuk semua. Malah, ia juga sebagai perintis kepada penghasilan bahan-bahan bacaan yang berkaitan pada masa akan datang.

Wassalam.

**TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGGU ABDUL AZIZ
(TENGGU TEMENGGONG KELANTAN)**

Yang Dipertua,
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

SEKAPUR SIREH
TIMBALAN YANG DIPERTUA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

Alhamdulillah, saya rafakkan sepenuh kesyukuran yang tulus ke hadrat Allah SWT, dengan restu izinya memungkinkan jurnal Akademi Latihan Al-Muhammadi (ALAMi) dapat disaji dan diterbitkan pada tahun ini.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), yang telah ditubuhkan pada 24 Disember 1915, telah memainkan pelbagai peranan dan tanggungjawab penting sepanjang sejarahnya. MAIK berfungsi sebagai institusi utama dalam menguruskan dan mengawasi hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri Kelantan. Peranannya yang komprehensif merangkumi aspek sosial, kebajikan, dakwah, pendidikan agama, pengurusan masjid, adat istiadat dan pelbagai bidang lain yang berkaitan dengan kesejahteraan umat Islam di negeri ini.

Memasuki abad ke-21, MAIK terus melangkah ke hadapan dengan lebih progresif dan dinamik. Dalam memenuhi keperluan dan cabaran semasa, pelbagai unit dan bahagian telah ditubuhkan. Setiap unit dan bahagian ini mempunyai tanggungjawab yang khusus dalam memantapkan lagi pentadbiran serta pelaksanaan program-program berkaitan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat di negeri Kelantan. Usaha ini bertujuan untuk memastikan MAIK terus relevan dan efektif dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat, selaras dengan perkembangan dan perubahan zaman.

Selain itu, penubuhan Akademi Latihan Al-Muhammadi (ALAMi) merupakan salah satu inisiatif signifikan yang diambil oleh MAIK. ALAMi berperanan sebagai pusat bertauliah bagi program di bawah Sistem Dual Nasional (SLDN), yang menawarkan program bagi Sijil Kemahiran Malaysia. Penubuhan ALAMi bukan sahaja menyediakan latihan kemahiran kepada masyarakat, tetapi juga mempersiapkan mereka dengan kemahiran praktikal yang relevan untuk pasaran kerja.

Tambahan pula, pada tahun 2024, Akademi Latihan Al-Muhammadi (ALAMi) sekali lagi mencipta sejarah dengan berjaya menerbitkan jurnal ilmiah sulungnya. Penerbitan jurnal ilmiah ini adalah bukti nyata keseriusan pihak MAIK dalam menyebarkan dakwah melalui media cetak. Usaha ini bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat di negeri Kelantan, tetapi juga melangkaui perbatasan negara, membuktikan komitmen MAIK dalam menyebarkan ilmu dan dakwah ke peringkat antarabangsa. Terbitan seperti ini juga pastinya akan menambahkan lagi bahan bacaan masyarakat umum serta menjadi sumber rujukan yang berautoriti buat para pengkaji yang lain.

Akhir kata, MAIK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penulis yang telah berjaya menghasilkan penulisan masing-masing. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Jurnal ini. Semoga usaha ini akan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran oleh Allah SWT.

Sekian, wassalam.

DR. HASNAN BIN HAJI RAMLI

Timbalan Yang Dipertua

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

23 Jun 2024M bersamaan 16 Zulhijjah 1445H

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN:
SEJARAH PENUBUHAN, PERUNDANGAN DAN ORGANISASI**

HASNAN RAMLI

Timbalan Yang Dipetua

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

BAHARIN ILIAS

Pegawai Adat Istiadat

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Abstrak

Makalah ini membicarakan tentang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dari perspektif sejarah, perundangan dan organisasi. Penubuhan MAIK pada 24 Disember 1915 telah menjadikannya sebagai institusi agama yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu. Penubuhan MAIK juga memberi peranan yang besar dalam perundangan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam secara tersusun dan teratur. Tujuan kajian ini untuk melihat faktor penubuhan MAIK, evolusi perundangan MAIK dan perubahan Organisasi MAIK sejak penubuhan. Metodologi kajian ini berorientasikan kajian kualitatif iaitu kaedah lapangan dan kajian perpustakaan. Penemuan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga (3) faktor utama penubuhan MAIK iaitu, pertama, Kebangkitan Ulama, kedua, Perjanjian Bangkok 1909 dan ketiga peristiwa kebangkitan Tok Janggut 1915. Terdapat sekurang-kurangnya lima undang-undang MAIK telah wujud. Bermula April 1980, Organisasi MAIK telah diiktiraf sebagai “Badan Berkanun Negeri”.

Kata Kunci: MAIK, Kelantan, Undang-undang, Zakat dan Adat Istiadat

1.0 PENDAHULUAN

Sebelum Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ditubuhkan, pentadbiran hal ehwal agama Islam berpusat di Istana Balai Besar, Kota Bharu. Ia dipercayai telah bermula sejak pertengahan abad ke-19 lagi, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886) (Baharin Ilias 2023: 278). Biarpun pentadbiran negeri telah beroperasi dengan lancar dan baik, namun Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad IV masih belum berpuas hati apabila melihat pentadbiran dan pelaksanaan berkenaan urusan-urusan agama yang masih belum teratur (Mohamad Hussin Khal'e Haji Awang 1970). Menimbangkan perkara ini, maka Duli Yang Maha Mulia dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri telah memperkenankan supaya ditubuhkan sebuah "Lembaga Khas" yang bertugas mentadbir dan mengawal hal-hal yang bersangkutan dengan hal ehwal agama Islam.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan merupakan sebuah institusi agama yang paling awal ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu. Institusi ini mempunyai notis atau undang-undangnya (kemudian enakmen) yang tersendiri dalam melaksanakan peranan dan fungsinya. Undang-Undang pertama bernama "Undang-Undang Bagi Anggota Majlis Ugama Islam Kelantan" telah dikeluarkan pada Oktober 1916, bagi membolehkannya mempunyai kuasa hukum dan berupaya menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dalam meningkatkan syiar Islam; serta menjaga/ mengawasi perkara-perkara yang berhubung dengan agama dan adat istiadat Melayu Kelantan (Abdul Razak Mahmud 2010). Sehingga pada hari ini, MAIK diakui telah memberi impak positif dalam kehidupan keagamaan dan pembangunan sosio-ekonomi negeri Kelantan, terutama dalam pembangunan yang berasaskan syariah Islam yang bukan sahaja boleh dilihat pada kaedah urusan tadbirnya, tetapi malah yang lebih penting, ialah kesan kesejahteraan yang dapat dirasa dan dinikmati oleh rakyat sekarang.

2.0 FAKTOR PENUBUHAN MAIK

MAIK ialah sebuah badan agama yang dinaungi sepenuhnya oleh KDYMM al-Sultan Kelantan. MAIK bergerak sebagai badan induk bebas yang mengelola hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu dan membawahi institusi-institusi agama lain yang ditubuhkan selepasnya di Kelantan. Statusnya sebagai 'badan bebas' telah menjadikan MAIK tidak dipengaruhi atau tidak menerima campurtangan dari mana-mana pihak termasuk kerajaan negeri. Sejarah Penubuhan MAIK sebenarnya berawal dari suatu proses sejarah yang panjang. Terdapat tiga

faktor pokok yang menjadi asas kepada penubuhan MAIK iaitu (1) faktor kebangkitan ulama; (2) faktor Perjanjian Bangkok 1909; dan (3) faktor peristiwa dan impak dari kebangkitan perjuangan Tok Janggut (Abdul Razak Mahmud 2012).

Kemunculan ulama yang telah memainkan peranan penting dalam dinamika sistem pengajian Islam di Kelantan boleh dibahagikan kepada tiga generasi; generasi ulama Kelantan abad ke-18, generasi ulama abad ke-19 dan generasi ulama abad ke-20. Antara nama-nama tokoh ulama ini ialah Sheikh Abdul Halim, Haji Wan Senik (Tok Tebing), Haji Abdul Samad (Tok Pulai Chondong), Haji Ya' qub, Tuan Tabal, Haji Nik Wan Daud, Haji Wan Ismail Qadhi, Haji Awang Alim, Haji Abbas Sungai Budor, Tok Konok, Tuan Padang, Tok Langgar, Tok Mesir dan lain-lain. Kesemua nama ulama ini telah memainkan peranannya yang sangat besar dalam membentuk sebuah sistem pengajian Islam di Kelantan yang dipanggil 'Sekolah Pondok'. Melalui institusi pondok ini, alim ulama aktif melakukan kerja-kerja pengajian, penterjemahan dan penyalinan kitab-kitab Arab. Usaha-usaha ini pada akhirnya berjaya melahirkan satu barisan ulama intelektual yang mencetuskan idea penubuhan MAIK yang menjadikan agama Islam dan adat istiadat Melayu sebagai asas kepada usaha memajukan negeri Kelantan.

Selain daripada faktor kebangkitan ulama, peristiwa Perjanjian Bangkok 1909 juga merupakan antara pendorong penting kepada penubuhan MAIK. Akibat Perjanjian Bangkok 1909 telah menyebabkan negeri Kelantan secara rasminya diletakkan di bawah pentadbiran British. Lanjutannya, British telah membawa perubahan yang sangat ketara dalam sistem pentadbiran tanah, penstrukturan semula sistem kehakiman, keamanan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, British tidak campur tangan dalam urusan pentadbiran agama Islam dan adat istiadat Melayu. Lompang kosong yang ditinggalkan British ini seolah-olah mengisyaratkan bahawa anak negeri hendaklah mengambil daya usaha sendiri bagi mengurus dan mentadbir hal agama Islam dan adat istiadat negerinya. Inilah masanya apabila "orang bertiga"¹ dari kalangan anak negeri Kelantan bangkit mengemukakan cadangan bagi menubuhkan sebuah badan atau institusi khusus bagi menjaga dan mengawal agama dan adat Melayu ini. Cadangan ini, selepas melalui satu perancangan yang rapi dan

¹ Orang bertiga bermaksud, mereka yang terlibat secara langsung dalam penubuhan MAIK iaitu; Haji Muhammad bin Khatib Haji Mohd. Said (kemudiannya Dato' Bentara Jaya), Nik Mahmud Haji Wan Ismail (Dato' Bentara Setia) dan Haji Awang Muhammad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali).

kesepakatan dalam kalangan petinggi kerajaan negeri Kelantan, berhujung dengan penubuhan sebuah organisasi yang sah dan beribawa bernama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 1915.

Selain itu, faktor kebangkitan perjuangan Tok Janggut di negeri Kelantan juga turut menjadi faktor secara tidak langsung kepada penubuhan MAIK. Peristiwa perjuangan Tok Janggut ini berlaku pada tahun 1915, iaitu beberapa bulan sebelum MAIK rasmi ditubuhkan. Peristiwa perjuangan Tok Janggut ini bukan sahaja terjadi disebabkan kerana penghapusan sistem cukai tradisional yang dinikmati oleh pembesar-pembesar Kelantan, akan tetapi apa yang lebih penting ialah perjuangan tersebut telah menjadi momentum bagi upaya membela agama Islam dan adat istiadat Melayu daripada ditindas oleh British. Dalam hal ini, pemberontakan Tok Janggut, secara tidak langsung bolehlah dianggap sebagai pemangkin (*catalyst*) kepada penubuhan MAIK.

3.0 “BUAH FIKIR” PENUBUHAN MAIK

Gagasan penubuhan MAIK pertama kali muncul selepas Haji Muhammad bin Khatib Haji Mohd. Said pulang dari kembara ilmunya (Singapura, Mekah dan Mesir) pada penghujung tahun 1914. Meskipun Dato' Haji Nik Mahmud dan Tok Kenali sering dilihat berdiskusi mengenai hal ehwal agama dan pentadbiran negeri sebelumnya, namun buah fikiran ke arah penubuhan MAIK belum pernah terdengar. Selepas kepulangan Haji Muhammad dari Mesir, baharulah usul atau cadangan ini mulai mengalami proses matang sebelum kemudiannya diangkat ke Majlis Mesyuarat Negeri untuk diluluskan.

Atas sebab-sebab inilah, maka adalah wajar jika ada kecenderungan sebahagian sarjana untuk meletakkan kredit atau pujian penubuhan MAIK ini kepada Haji Muhammad. Walau bagaimanapun, bagi memastikan agar cadangan ini mendapat tempat serta mempunyai daya tawar menawar yang tinggi, terutama bagi memenangi hati golongan aristokrat Melayu Kelantan pada waktu itu, maka idea ini telah dimatangkan terlebih dahulu bersama dua orang tokoh yang sangat berpengaruh; seorang dari kalangan ulama (Tok Kenali), manakala seorang lagi dari kalangan pentadbir (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Haji Nik Mahmud).

Setelah melalui proses panjang pada tahun 1915, ditambah dengan dampak pemberontakan Tok Janggut sebagai pemangkin sebagaimana yang telah dinyatakan, cadangan ini kemudian dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan (*Kelantan State Council*) pada 7 Disember 1915 (bersamaan 30 Muharam 1334H). Cadangan ini kemudian telah mendapat persetujuan para ahli serta ampuni perkenan KDYMM al-Sultan Kelantan. Tidak lama kemudian, pada 24 Disember tahun yang sama, bersamaan 17 Safar 1334H, MAIK telah dimasyhurkan penubuhannya oleh KDYMM Sultan Muhammad IV dalam suatu istiadat gilang-gemilang yang diadakan di hadapan bangunan Pejabat Tanah Kota Bharu (di hadapan Istana Balai Besar sekarang), di hadapan pembesar-pembesar negeri, orang-orang kenamaan, serta dengan disaksikan oleh sebahagian rakyat negeri Kelantan.

Dalam perisytiharan ini, baginda al-Sultan antara lain bertitah; *“Bahawasa kita dalam Mesyuarat Council pada hari Selasa 30 haribulan Muharram 1334H bersamaan dengan 7 Disember 1915 ini sesungguhnya telah suka kita mekurniakan kepada anak-anak negeri kita satu Majlis yang bernama ‘Majlis Ugama dan Istiadat Melayu’ kerana menimbangkan bagi kebajikan negeri Kelantan. Maka dengan sebab yang demikian itu, inilah hari yang kita mulai buka Majlis ini kepada pengetahuan anak negeri kita supaya mereka itu mengetahui akan maksud kita kurniakan Majlis ini. Adalah tujuan kita pada perkataan ‘ugama’ itu ialah tiap-tiap perkara yang bergantung dengan ugama Islam yang mendatangkan masalah kepada sekalian anak negeri kita lagi menambahkan bagi kebajikan Kelantan. Dan kita kehendaki dengan perkataan ‘Istiadat Melayu’ itu ialah yang melengkapinya atas adat dan adab Melayu yang elok yang sayogiya dipelihara akan dia mengikut bagaimana peredaran masa....”* (Teks Pemahsyuran Penubuhan MAIK Disember 1915)

Sejumlah 12 orang telah dilantik oleh baginda bagi menjadi Ahli al-Majlis pada hari perisytiharan ini. Ahli ini terdiri daripada Haji Awang Muhammad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali), Haji Wan Muhammad Haji Wan Abdul Samad, Khatib Haji Mohd. Said Jamaludin, Haji Wan Abdullah bin Wan Abdul Samad, Muhammad Ghazali Ariffin (Dato’ Bentara Luar), Muhammad Daud @ Che Wok bin Salim, Nik Ja’far bin Haji Nik Abdul Kadir (Dato’ Bentara Dalam), Nik Wan Muhammad Amin Wan Musa, Tengku Abdul Rahman ibni Sultan Muhammad III, Tambi Umar bin Tambi Kecil, Nik Mahmud Haji Wan Ismail (Dato’ Bentara Setia), dan Haji Muhammad bin Khatib Haji Mohd. Said (kemudiannya Dato’ Bentara Jaya). Titah

Baginda; “Maka yang akhir ini kita tetapkan dia jadi Setiausaha bagi Majlis ini.” Walau bagaimanapun, jawatan Yang Dipertua MAIK belum diumumkan oleh Baginda pada hari pemasyhuran itu. Akan tetapi baginda bertitah; “Maka bolehlah Ahli al-Majlis yang tersebut itu memilih sesiapa yang mereka suka, kemudian hendaklah mereka itu angkatkan ketetapan itu kepada pengetahuan kita di dalam Mesyuarat”.

4.0 PEJABAT MAIK DULU DAN KINI

Pada bulan-bulan pertama selepas penubuhannya, MAIK menghadapi masalah ketiadaan bangunan yang sesuai bagi menjalankan operasinya sebagai sebuah pejabat, sekaligus menjadi suatu kesukaran pula kepada ahli-ahli MAIK untuk mengadakan perjumpaan atau perbincangan. Lazimnya perjumpaan atau perbincangan diadakan di rumah Dato' Bentara Setia dan kadang-kala di tingkat atas bangunan Pejabat Tanah Kota Bharu. Masalah ini kemudian selesai apabila pihak kerajaan negeri bersetuju membenarkan tingkat atas bangunan Pejabat Tanah Kota Bharu digunakan bagi menjadi pejabat sementara MAIK.

Seiring perjalanan waktu, pentadbiran MAIK kemudiannya bertambah mantap dan tersusun. Pada 9 Ogos 1917 pejabat MAIK telah berpindah ke bangunannya sendiri di Jalan Sultan, Kota Bharu. Bangunan ini ialah sebuah rumah kayu yang dibeli oleh MAIK seharga \$15,000.00 hasil daripada kutipan zakat padi selepas MAIK menjalankan kutipan zakat berkenaan mulai 1916 (Abdul Razak Mahmud 2012). Bangunan ini asalnya ialah sebuah rumah kediaman yang siap dibina pada tahun 1902, milik Dato' Menteri Kelantan iaitu Encik Hassan bin Salleh. Bangunan tersebut kekal menjadi pejabat MAIK sehinggalah apabila MAIK berpindah ke bangunan baharunya di Kompleks Islam Darul Naim, Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang, pada 16 Februari 1990. Bangunan baharu 6 tingkat ini dibina di atas tanah Lot 2594, Lundang Kota Bharu dengan kos pembinaan sebanyak RM4.1 Juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Bangunan tambahan (kiri) pula, dibina pada 2005, manakala bangunan tengah dibina pada 2012, sepertimana kelihatan sekarang.

5.0 PENTADBIRAN AWAL MAIK

Dalam struktur pentadbiran MAIK, kuasa tertinggi terletak pada lujnah yang pada mulanya dinamakan *Ahli al-Majlis*. Ahli al-Majlis ini merupakan badan tertinggi

MAIK yang sangat utama kerana semua perkara yang melibatkan dasar dan pentadbiran MAIK perlu mendapat persetujuan dan pengesahan daripada badan tertinggi ini. Keanggotaan Ahli al-Majlis ini dilantik melalui kuasa al-Sultan Kelantan (Abdul Razak Mahmud 2012). Selepas Undang-Undang No. 14 tahun 1916 dikuatkuasakan, kaedah pelantikan Ahli al-Majlis adalah berdasarkan peruntukan notis atau undang-undang tersebut. Kaedah ini berlanjutan sehingga apabila notis (kemudiannya enakmen) ini berganti-ganti berubah pada tahun-tahun 1938 (Undang-Undang No. 23 Tahun 1938), tahun 1953 (Undang-Undang No. 1 Tahun 1953), tahun 1966 (Enakmen No. 2 Tahun 1966) dan terakhir pada tahun 1994 (Enakmen Bil. 4 Tahun 1994).

Di bawah Ahli al-Majlis terdapat jawatan bernama Setiausaha. Operasi MAIK yang diketuai oleh Setiausaha ini bermula sejak tahun 1915 dan berakhir pada tahun 1945, merangkumi tempoh tiga zaman pentadbiran di Kelantan iaitu dibawah British, Siam dan Jepun. Pada tahap ini semua arahan pentadbiran MAIK dijalankan oleh Setiausaha dengan dibantu oleh Nazir Pelajaran di Bahagian Pelajaran dan seorang 'Wakil Majlis' di Bahagian Baitulmal. Pada tahun 1948, struktur lama ini berubah apabila satu jawatan baharu bernama 'Naib Yang Dipertua' diperkenalkan. Jawatan ini adalah sebuah jawatan dengan tugas sepenuh masa bagi mewakili 'Yang Dipertua'. Orang pertama yang beroleh penghormatan menjawat jawatan Naib Yang Dipertua ini ialah Yang Amat Mulia Tengku Mahmood Mohyeddin ibni al-Marhum Tengku Abdul Kadir Kamaruddin.

Satu perubahan besar dalam sistem pentadbiran MAIK berlaku pada tahun 1943, dengan mengambil contoh struktur pentadbiran yang diamalkan di negara Siam (ingat: pada tahun 1943 negeri Kelantan diserahkan kepada Siam). Perubahan ini menyaksikan MAIK telah menukar sistem pentadbirannya kepada satu sistem bercorak Kabinet (disebut dengan istilah *Montri Spa*). Sejumlah lima (5) kementerian telah dilantik oleh KDYMM al-Sultan Kelantan dalam rangka perubahan baharu ini. Kementerian tersebut adalah; **1) Menteri Hal Ehwal Dalam** **2) Menteri Hal Ehwal Pelajaran** **3) Menteri Zakat dan Fitrah** **4) Menteri Hal Ehwal Agama Islam dan** **5) Menteri Perbendaharaan** (Nik Rosnah Wan Abdullah 2012: 173)Kelima-lima kementerian ini bersatu membentuk Anggota Majlis. Pada tahun 1946, berikutan negeri Kelantan kembali berada di bawah British

(BMA-*British Military Administration*) gelar "Menteri" telah ditukar kepada gelaran "Pegawai". Gelar ini terpakai sehingga ke hari ini.

6.0 UNDANG-UNDANG MAIK

Sebagai sebuah badan yang ditubuhkan secara sah dan menurut undang-undang, maka MAIK tidak dapat tidak mesti mempunyai sebuah 'undang-undang tubuh' atau perlembagaannya sendiri untuk dijadikan garis panduan dalam menjalankan aktiviti dan gerak kerjanya, di samping menetapkan taraf, fungsi, dan bidang kuasa menurut undang-undang negeri. Sehingga tempoh berakhir pada 2024, MAIK setidak-tidaknya mempunyai lima buah undang-undang bertulis yang membolehkannya menjadi sebuah badan yang berkuasa dan sah di sisi undang-undang dengan bidang tugasnya yang telah digariskan, serta mengandungi beberapa peraturan, jadual, dan lain-lain. Undang-undang ini (selepas merdeka dinamakan enakmen) bertarikh 1916, 1938, 1953, 1966 dan 1994. Di bawah ini digariskan kandungan undang-undang ini secara ringkas

6.1 *Undang-Undang No.14 Tahun 1916*

Undang-undang ini merupakan undang-undang pertama bagi MAIK, diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Negeri (State Council) pada 17 Oktober 1916. Undang-undang yang bernama *Undang-Undang bagi Anggota Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan* ini seperti yang teratat pada ceraihan (seksyen) 1 dimaksudkan "menjadi asas panduan bagi menjalankan gerakan tujuannya ... mudah-mudahan berdirilah Majlis itu dengan segala syarat-syarat kehendak dan maksud kita yang terkandung di dalam undang-undang ini menjadi sifat bagi Majlis dengan berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya..." (hlm. 1).

Sejumlah empat ceraihan daripada kesemua 28 ceraihan dalam undang-undang ini adalah mengenai peruntukan kuasa dan tanggungjawab MAIK, manakala bakinya adalah mengenai perkara-perkara am. Ceraihan 24 misalnya adalah khusus mengenai kuasa MAIK "pada mengaturkan segala perkara yang berkenaan dengan masjid-masjid dan surau serta pegawai-pegawainya", dan ceraihan 25 pula menyatakan kuasa MAIK dalam menjaga, menasihati, mengatur, menfatwa, menzahir, menguat, melulus, menimbang, dan menjalankan segala perkara perbuatan, tujuan, dan perkataan yang berkenaan dengan ibadat dan lain-lainnya yang dibangsakan kepada syariat Muhammadiyyah bagi mendatangkan **masalah** yang boleh menambahkan

faedah kebajikan bagi negeri dan orang ramai'.Manakala ceraiian 26 pula mengarahkan MAIK supaya “mengadakan anggaran perbelanjaan yang dikeluarkan ... pada tiap-tiap tahun di dalam segenap perkara yang dikuasakan kepada Majlis”. Undang-undang ini kemudiannya telah dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang tahun 1938 bertarikh 16 Ogos 1938.

6.2 Undang-Undang No. 23 Tahun 1938

Undang-Undang yang digelar “*Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu dan hendaklah dimulai berjalan kuasanya daripada 1 Oktober 1938*” ini antara lain menjelaskan tentang perlantikan ahli-ahli atau ‘Anggota Majlis’ (ceraiian 3), kuasa dan senarai tugas MAIK (ceraiian 6), Baitulmal (ceraiian 7 dan 8), kuasa MAIK mendaftar orang memeluk islam (ceraiian 12), nazir wakaf dan perkara berkaitan (ceraiian 13,14,15, dan 16),zakat, fitrah, dan pungutan khairat (ceraiian 18), dan perkara-perkara am (ceraiian 19, 20, dan 21).

Di samping hal-hal di atas, undang-undang yang sama juga ada memperkenalkan beberapa peraturan seperti ceraiian 12(b) tentang peraturan dan pentadbiran orang-orang memeluk Islam, ceraiian 18(b) tentang peraturan zakat dan fitrah, ceraiian 21 tentang peraturan pentadbiran MAIK, tanggungjawab pegawai, dan prosedur mesyuarat dan kewangan (termasuk mesyuarat ulama), dan lain-lain.

Satu tambahan undang-undang (*Undang-Undang No 24 Tahun 1938*) kemudian diluluskan bagi menggantikan *Undang-Undang No 10 Tahun 1916 dan Undang-Undang No 21, 27, dan 29 Tahun 1916*. Undang-undang yang mengandungi sejumlah 16 ceraiian ini adalah khusus tentang pentadbiran masjid-surau, pegawai-pegawainya, bangunan masjid, sempadan mukim solat Jumaat, tanah wakaf masjid, tanggungjawab anak mukim hadir solat Jumaat dalam mukimnya, dan lain-lain, termasuk beberapa kesalahan dan denda jika didapati sabit menentang undang-undang.

6.3 Undang-Undang No. 1 Tahun 1953

Undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada 5 Mac 1953 dan digelar “*Undang-Undang Majlis Ugama dan Istiadat Melayu dan Mahkamah-*

Mahkamah Qadhi Tahun 1953” ini menggantikan *Undang-Undang No. 23 Tahun 1938*. Undang-undang ini terbahagi kepada 11 bahagian dengan hanya enam bahagian sahaja tentang MAIK, manakala selebihnya adalah tentang pentadbiran Mahkamah Qadhi dan perkara-perkara berkaitan. Enam bahagian yang menyatakan tentang MAIK ialah, Bahagian II (pertubuhan atau institusi MAIK), Bahagian IV (wang amanah kerana kebajikan merangkumi wakaf, baitulmal, dan nazar), Bahagian V (masjid-masjid; pentadbiran dan penyeliaan), Bahagian VIII (mengislamkan orang-orang bukan Islam), Bahagian IX (berkaitan dengan kesalahan-kesalahan seperti tidak hadir solat Jumaat, minum minuman yang memabukkan, makan dalam bulan Ramadan, mendirikan masjid tanpa kebenaran, mengajar ajaran palsu, mengejek ayat-ayat al-Quran, dan lain-lain), dan Bahagian X (perkara-perkara seperti ruyah, perlindungan ke atas MAIK dan kakitangannya, dan lain-lain). Selain bahagian-bahagian yang dinyatakan di atas, undang-undang ini menggalurkan hal-hal berkaitan dengan mahkamah syariah seperti kuasa mahkamah, perkahwinan dan penceraian, nafkah orang-orang yang menjadi tanggungan, dan lain-lain.

6.4 Undang-Undang No. 2 Tahun 1966

Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu (*Undang-Undang No. 2 Tahun 1966*) yang memansuhkan *Undang-Undang No. 1 Tahun 1953* sebelum ini diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 31 Januari 1966 dan ditandatangani oleh KDYMM al-Sultan pada 7 April tahun yang sama. Undang-undang ini mengandungi tujuh bahagian yang dipecahkan kepada 87 seksyen atau ceraian, serta dilengkapi 13 buah jadual.

Bahagian I ialah ‘permulaan’ yang menjelaskan tentang hak-hak prerogatif sultan selaku Ketua Agama bagi negeri Kelantan sebagaimana yang termaktub dalam Pelembagaan Negeri (hlm. 47-48), Bahagian II tentang konstitusi MAIK dan Jemaah Ulama (hlm 48-52), Bahagian III tentang hal-hal kewangan, merangkumi amanah kerana kebajikan, baitulmal, wakaf, dan nazar, penyata kira-kira, dan lain-lain (hlm. 53-62), Bahagian IV tentang masjid-masjid dan surau-surau merangkumi pelantikan imam, sempadan mukim, kuasa pegawai masjid dan lain-lain (hlm.62-65), Bahagian V tentang orang masuk Islam (hlm.65-66, Bahagian VI tentang berbagai-bagai kesalahan seperti tidak hadir solat Jumaat, minum minuman yang memabukkan, mendirikan masjid tanpa kebenaran, mengeji agama, mengajar ajaran yang berlawanan, tidak membayar zakat atau fitrah (hlm. 66-70), dan Bahagian VII adalah

tentang perkara-perkara am yang menyentuh hal-hal rukyah, perlindungan ke atas 'Anggota Majlis' dan pekerja-pekerjanya, serta beberapa peraturan (hlm. 70-73). Undang-Undang No. 2 Tahun 1966 ini berkuat kuasa sehingga 1994 sebelum digantikan oleh Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang baharu (Enakmen No. 4 Tahun 1994).

6.5 Enakmen No. 4 Tahun 1994

Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang (Enakmen No. 4 Tahun 1994) telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 23 Mac 1994. Pada hari ini, MAIK mengingati kedudukannya sebagai badan tertinggi agama diperingkat negeri sepertimana berikut:

6.5.1 Penguasa Utama Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Seksyen 5 (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan", bagi membantu Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan hendaklah bertindak di atas perintah Baginda di dalam semua perkara yang berkenaan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Majlis hendaklah menjadi pihak berkuasa yang utama di negeri ini dalam semua perkara mengenainya (Enakmen No. 4 1994 : 15).

6.5.2 Penguasa Pemegang Wasi

Seksyen 6 (1) Majlis mempunyai kuasa bertindak sebagai wasi atas sesuatu wasiat atau pentadbir harta simati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah (Enakmen No. 4 1994 : 17).

6.5.3 Penganjur Kemajuan Sosio-ekonomi orang-orang Islam

Seksyen 7 (1) Hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menganjur, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam dalam Negeri ini menurut Hukum Syarak (Enakmen No. 4 1994 : 17).

6.5.4 Penubuhan Jemaah Ulama' dan Fatwa

Seksyen 33 (1) Maka hendaklah ditubuhkan bagi maksud menasihati Majlis atau lain-lain perkara berhubung dengan fatwa yang hendak dikeluarkan mengikut mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen ini, suatu Jamaah Ulama' yang terdiri daripada –

- (a) Mufti sebagai pengerusi;
- (b) Timbalan Mufti dan;
- (c) Tidak kurang daripada lapan, tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli lain (Enakmen No. 4 1994 : 30).

6.5.5 Penguasa Hal Ehwal Baitulmal

Seksyen 42 Majlis hendaklah mempunyai kuasa memegang, mentadbir, menukar, memajak, menggadai, menjual, membuat pawahan, melabur wang atau harta-harta Baitulmal alih atau takalih, bagi maksud memaju dan mengembangkan pendapatan dari harta-harta itu (Enakmen No. 4 1994 : 34)

6.5.6 Penguasa Tunggal Zakat dan Fitrah

Seksyen 51. Majlis hendaklah mempunyai kuasa tunggal dan mempunyai kewajipan memungut semua jenis zakat atau fitrah dalam Negeri ini dan membelanjakan hasil pungutan itu sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan berasaskan kepada Hukum Syarak (Enakmen No. 4 1994 : 38).

6.5.7 Pengawal Tunggal Wakaf dan Nazar

Seksyen 61 Walau apapun peruntukan yang berlawanan dengan mana-mana suratcara atau pengisytiharan, Majlis hendaklah menjadi pengawal tunggal kepada semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazar am dan semua amanah khairat untuk kepentingan agama Islam dan orang-orang Islam, setakat mana harta itu terletak kepadanya atau yang terletak di dalam Negeri Kelantan (Enakmen No. 4 1994 : 40).

6.5.8 Pemegang Amanah Tunggal Masjid

Seksyen 80 (1) Walau apapun peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua masjid di dalam Negeri dan setiap masjid bersama-sama dengan tanahnya, dan mana-mana tanah yang berhubungan dengannya dan digunakan bagi faedah masjid

selain daripada tanah Kerajaan atau tanah rizab bagi maksud awam, hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara, tanpa apa-apa penyerahanhak atau pindahtanah, terletak kepada Majlis bagi maksud Enakmen ini (Enakmen No. 4 1994 : 49).

Selain itu, dibawah Enakmen no. 4 tahun 1994 juga MAIK adalah diberi kuasa, antara lain, menjalankan perkara-perkara: Fatwa rasmi bagi negeri Kelantan; juga pelantikan pegawai-pegawai masjid; Hal-hal yang berkaitan dengan pengislaman saudara baru; Tauliah mengajar agama; Ru'yah anak bulan bagi menentukan puasa dan hari raya; Agihan wang zakat kepada asnaf; Pendaftaran sekolah-sekolah agama dan institusi-institusi pengajian agama; dan lain-lain.

MAIK mempunyai 'undang-undang tubuh' atau perlembagaannya sendiri untuk dijadikan garis panduan dalam menjalankan aktiviti dan gerak kerjanya, di samping menetapkan taraf, fungsi, dan bidang kuasa menurut undang-undang negeri.

BIL.	UNDANG-UNDANG/ENAKMEN
Pertama	<i>Undang-Undang No.14 Tahun 1916²</i> <i>(Undang-Undang bagi Anggota Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)</i>
Kedua	<i>Undang-Undang No. 23 Tahun 1938</i> <i>(Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu dan hendaklah dimulai berjalan kuasanya daripada 1 Oktober 1938)</i>
Ketiga	<i>Undang-Undang No. 1 Tahun 1953</i> <i>(Undang-Undang Majlis Ugama dan Istiadat Melayu dan Mahkamah-Mahkamah Qadhi Tahun 1953)</i>
Keempat	<i>Undang-Undang No. 2 Tahun 1966</i> <i>(Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1966)</i>
Kelima	<i>Enakmen No. 4 Tahun 1994</i> <i>(Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994)</i> <i>* Diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 23 Mac 1994</i>

Jadual 1: Lima Undang-Undang Bertulis MAIK.

² Awal sewaktu penubuhan MAIK dikenali dengan nama Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, sejak 1915 sehingga 1966. Kemudiannya dimasukkan perkataan 'adat' kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MUIK). Selepas itu, pada tahun 1994, diubah 'ugama' kepada 'agama' dan dikenali Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sehingga sekarang.

KEGIATAN 10 TAHUN PENUBUHAN MAIK (1915-1925)

Dalam tempoh 10 tahun selepas penubuhannya, MAIK telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan berkesan. Banyak kegiatan yang telah dilaksanakan MAIK dalam memajukan pentadbiran agama Islam di Kelantan, meningkatkan taraf pelajaran, keilmuan serta mengatur pengurusan harta benda orang-orang Islam dalam bentuk wakaf, baitulmal dan nazar (Abdul Razak Mahmud 2012: 33). Dibawah ini, disenaraikan 11 kegiatan yang menjadi tumpuan MAIK dalam memajukan kehidupan keagamaan dan kebajikan rakyat Kelantan.

10.1 Pungutan Zakat dan Fitrah

Pungutan zakat dan fitrah merupakan perkara utama yang dibuat MAIK. Hal ini kerana bagi menjalankan kegiatan pembangunan sosioekonomi yang lebih luas, MAIK perlu terlebih dahulu mendapatkan sumber kewangan yang kukuh dan stabil. Sumber kewangan ini akan disalurkan dan digunakan untuk pembangunan kesejahteraan rakyat Kelantan. Pada tahun 1916, MAIK hanya menjalankan pungutan zakat padi sahaja sehinggalah pada tahun 1917 baharulah dilaksanakan kutipan zakat fitrah. Kerja-kerja pungutan zakat padi dan fitrah ini dilaksanakan berdasarkan notis zakat dibawah Undang-Undang No. 3 tahun 1916.

10.2 Mengambil Alih Kuasa Pentadbiran Masjid

Pada tahun 1916, MAIK telah mengambil alih kuasa pentadbiran keatas masjid di Kelantan. Sebelum ini pentadbiran masjid di bawah kelolaan pejabat mufti negeri Kelantan melalui peruntukan di bawah Undang-Undang Peraturan Bagi Surau-Surau Negeri Kelantan 1908. Sewaktu pengambil alihan ini, terdapat sejumlah 261 buah masjid dan surau di seluruh negeri Kelantan. Turut diambil alih ialah tiga buah masjid utama negeri iaitu Masjid Besar Kota Bharu, Masjid Langgar dan Masjid Kampung Laut. Dalam hal ini, MAIK bukan sahaja berkuasa dalam hal ehwal pentadbiran masjid sahaja malah turut bertanggungjawab memastikan kelancaran

solat jumaat di setiap masjid mukim berjalan dengan baik. Di samping itu MAIK bertanggungjawab dalam menyelia tugas-tugas pegawai masjid dan surau yang lain seperti pungutan zakat dan fitrah, pendaftaran nikah cerai, pengurusan jenazah, ta'mir masjid dan lain-lain. Dengan pengambil alihan ini, MAIK telah berjaya menggalas tanggungjawab itu dengan baik. Segala urusan berkenaan pentadbiran masjid dijalankan dengan teratur dan berkesan sehingga memberi manfaat kepada seluruh rakyat Kelantan.

10.3 Halaqah Kitab di Masjid Muhammadi

Antara sumbangan terpenting MAIK ialah memajukan kegiatan pengajian ilmu Halaqah Kitab di Masjid Muhammadi. Selepas MAIK mengambil alih aktiviti pengajian halaqah di Masjid Muhammadi, kegiatan belajar dan mengajar di Masjid Besar Kota Bharu ini menjadi semakin rancak dan tersusun. Pihak MAIK telah menyelia perjalanan halaqah pengajian yang sedia ada, melantik serta membayar gaji guru-gurunya, mengatur jadual mata pelajaran dan menyusun sebuah kurikulum baharu untuk dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 12 tahun. Usaha-usaha MAIK ini berhasil selepas dilaporkan terdapat seramai 139 orang murid yang aktif mengikuti halaqah ini. Jumlah ini boleh dikatakan jumlah yang ramai, kerana sistem pengajian halaqah ini adalah sistem pendidikan yang bersifat tidak formal. Penuntut-penuntut ilmu yang datang ini hadir dari pelbagai tempat sama ada dari dalam dan luar Kelantan.

10.4 Menterjemah Kitab-Kitab

Kegiatan menterjemah kitab-kitab dari bahasa asing ke dalam bahasa Melayu menjadi antara usaha utama yang dijalankan oleh MAIK. Usaha-usaha ini berdasarkan kepada kesedaran para ulama intelektual Kelantan yang mahukan, kegiatan menyebarkan buku-buku yang berkualiti bagi memberi manfaat kepada rakyat Kelantan. Kebanyakan buku-buku yang diterjemahkan adalah dari buku-buku berbahasa arab dan berbahasa inggeris. Penterjemahan karya-karya ulama intelektual ini merupakan satu alternatif kepada banyaknya kitab-kitab 'kuning' yang menjadi bahan utama kepada kegiatan pendidikan di Kelantan pada waktu itu. Antara kitab-kitab yang telah dihasilkan oleh pejabat terjemahan MAIK ini ialah "*Unwan al-Bayam, Kitab al-Raudh* dan terjemahan buku dari Bahasa Inggeris bertajuk '*Political Economy*' pada tahun 1919. Kegiatan ini berkembang pada tahun seterusnya dengan tercetak buku bertajuk "*pengenal kesucian*", *Peraturan Membahagi Pesaka*, kitab

tafsir *al-Khazin* dan *kitab al-Um*. Namun perkembangan ini terhenti selepas pada tahun 1930 iaitu selepas MAIK terpaksa menutup penterjemahan kitab di atas beberapa alasan tertentu yang tidak dapat dielakkan.

10.5 Mendirikan Sekolah Arab dan Melayu

Penglibatan dan sumbangan MAIK dalam usaha mengadakan sekolah-sekolah Arab dan Melayu di Kelantan tidak dapat dinafikan. Antara sekolah pertama yang diwujudkan oleh MAIK ialah al-Madrasah al-Muhammadiyah al-Kalantaniyyah iaitu sebuah sekolah aliran Melayu. Sekolah ini bertempat di tingkat bawah bangunan dua tingkat yang baharu dibeli oleh MAIK. Terdapat sejumlah 310 orang murid telah mendaftar di sekolah ini sehingga tahun 1917. Manakala terdapat seramai 7 orang guru yang dilantik berkhidmat disitu. Sehingga tahun 1930, Sebuah Sekolah Muhammadiyah (Melayu) untuk perempuan telah dibuka. Pembukaan sekolah perempuan ini bertujuan untuk menampung kemasukan pelajar perempuan yang semakin ramai di Sekolah Muhammadiyah yang ditubuhkan pada tahun 1917 tersebut. Manakala sebuah lagi sekolah yang dibuka oleh MAIK ialah Sekolah al-Madrasah al-Muhamadiyah al-Arabiyyah. Sekolah ini dibuka pada 1 April 1937 dan boleh dianggap sebagai kemuncak kepada perkembangan persekolahan MAIK. Pada tahun 1956, sekolah ini di tukar nama kepada al-Maahad al-Muhammadi yang menjadi nadi utama kepada pelajar dalam aliran agama melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

10.6 Mengadakan Matbaah (Percetakan)

MAIK berperanan penting dalam mengadakan kegiatan percetakan di Kelantan. Ekoran dari bibit perkembangan operasi MAIK, maka Maik perlu memiliki sistem percetakan sendiri. Pada 18 November 1917, MAIK telah membeli sebuah mesin cetak berharga \$1000,00 daripada Haji Jaafar bin Haji Mahmud. Bagi menjalankan urusan ini, Haji Jaafar dilantik sebagai pengurus, Hj. Wan Abd. Majid (pengatur huruf), Hj. Wan Zain (tukang jilid) dan Abd. Hamid (pelayan matbaah) telah diamanahkan menjalankan semua urusan percetakan tersebut. Dalam tahun 1917, Dato' Bentara Setia Haji Nik Mohammad dan Dato' Mohammad bin Daud dilantik menjadi Ketua Matbaah atau Nazir. Disebabkan giatnya aktiviti percetakan, sebuah mesin percetakan tidak mampu untuk memenuhi keperluan. Pada tahun 1919, sebuah mesin cetak jenama *Lye press* di beli oleh MAIK bagi memenuhi permintaan

percetakan tersebut. Aktiviti percetakan ini beroperasi di rumah gudang yang di sewa dan kemudiannya dipindahkan ke bangunan MAIK sendiri.

10.7 Menubuhkan Majlis Ulama

MAIK mempunyai sumbangan yang besar dalam usaha menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan persoalan hukum dan kefahaman agama Islam dalam kalangan rakyat Kelantan. Masalah-masalah atau persoalan yang menjadi pertanyaan fikiran orang awam kini boleh dijawab terus oleh satu majlis yang ditubuh oleh MAIK iaitu Majlis Ulama. Majlis ini ditubuhkan untuk menghimpunkan para ulama bagi mengadakan mesyuarat secara tetap untuk menjawab segala masalah dan pertanyaan yang bergantung dengan hukum syarak. Hal ini bertujuan mengelakkan persoalan-persoalan tersebut dijawab oleh mereka yang tidak arif dalam pengetahuan agama Islam. Dari segi operasinya, majlis ulama ini mengadakan mesyuarat pada setiap malam Selasa. Pada kebiasaannya soalan yang diterima adalah merupakan kiriman penanya tentang soal berkaitan agama. Dari segi kaedah menjawab persoalan tersebut terdapat dua cara iaitu jika soalan yang berkaitan peribadi jawapannya akan dikirim kepada si penanya. Manakala jika soalan yang difikirkan memberi faedah kepada ramai jawapan tersebut akan disiarkan dalam majalah *Pengasuh*.

10.8 Program Guru Pelawat Mukim

Program guru pelawat mukim merupakan antara usaha positif yang dilaksanakan oleh MAIK. Bermula tahun 1916, program ini merupakan sebuah program dakwah pertama MAIK kepada orang awam. Ianya merupakan sebuah program lanjutan yang digerakkan oleh mufti Haji Wan Musa pada tahun 1909 lagi. Tujuan program ini ialah mengajar ilmu fardu ain kepada anak mukim yang berada jauh dalam kawasan pedalaman terutama seperti dikawasan Kuala Krai, Pergau, Dabong, Temangan dan Gua Musang. Guru-guru pelawat mukim ini akan diarahkan untuk menetap selama seminggu di satu kawasan mukim sebelum mereka dibenarkan berpindah ke mukim jumaat yang lain. Dalam tempoh seminggu itu para guru ini perlu mengadakan kelas fardu ain untuk penduduk mukim tersebut. Kaedah yang digunakan lebih kepada kaedah pengajaran *tasmi'* atau mendengar. Ini kerana dalam kalangan orang awam yang datang terdiri daripada mereka yang buta huruf. Pada kebiasaannya bidang pengajaran banyak tertumpu kepada hukum-hukum bersuci, bacaan wajib dalam solat serta hukum halal dan haram.

10.9 Menerbitkan Majalah *Pengasuh*

Penerbitan majalah *Pengasuh* menjadi antara sumbangan terpenting MAIK. Majalah ini mula diterbitkan pada 11 Julai 1918, dengan kekerapan pengeluaran setiap 15 hari sekali. Penerbitan majalah *Pengasuh* ini disebabkan kejayaan MAIK dalam menubuhkan matbaah percetakan pada waktu itu. Maka, dengan dorongan yang kuat itu, majalah *Pengasuh* diterbitkan bagi menjadi lidah rasmi penyampaian ilmu oleh MAIK. Boleh dikatakan pengeluaran majalah *Pengasuh* telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan rakyat Kelantan dan di luar Kelantan. Sejak mula diterbitkan sehingga ke bilangan 336 majalah ini masih dikeluarkan pada tiap-tiap 15 hari sekali. Sehingga kepada bilangan 337, terdapat perubahan apabila ia dikeluarkan hanya pada hari Isnin sahaja, menjadikannya sebuah majalah mingguan pula. Sehingga pengeluarannya berubah pada bilangan 440 dengan dikeluarkan pada hari Khamis. Pengeluaran terbitan terakhir *Pengasuh* ialah pada bilangan 642 yang bertarikh Khamis, 23 Disember 1937. Dengan pengeluaran penerbitan yang banyak dalam tempoh yang boleh dikatakan lama. Sudah pasti majalah *Pengasuh* ini merupakan medium dakwah yang memberi kesedaran kepada orang Melayu supaya menghindari diri daripada berbagai unsur negatif serta mendidik diri masing-masing dengan jalan ilmu agar membawa umat menuju ke jalan kemajuan.

10.10 Mengadakan Kelas Bahasa Inggeris

MAIK telah mewujudkan kelas pemantapan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan anak negeri Kelantan. Usaha mengadakan kelas pemantapan bahasa Inggeris ini merupakan usaha terawal di Kelantan. Melihat kepada kepentingan penguasaan bahasa Inggeris terutama dalam urusan di peringkat pentadbiran atasan. MAIK merasakan rakyat Kelantan perlu didedahkan kepada penguasaan asas bahasa tersebut. Di samping itu, MAIK mengharapkan dapat menghasilkan ramai anak jati yang mampu mengembang potensi diri melalui penguasaan bahasa Inggeris dan mereka dapat mengisi bidang pekerjaan penting dalam negeri sebagai pentadbir, ahli politik, ilmunan dan sebagainya. Kelas Pemantapan bahasa Inggeris ini tokoh dipimpin oleh Megat Uthman bin Megat Ali dan Muhammad Ariffin bin Dato' Seri Maharaja Lela Abu Bakar yang dimulakan pada bulan oktober 1918. Terdapat sebanyak 3 kelas, iaitu *standard 0*, *standard I* dan *Standard II*.

Melalui kelas Pemantapan Bahasa Inggeris inilah anak-anak Kelantan mula diperkemas lagi kaedah dan penguasaan bahasa Inggeris. Beberapa orang putera Kelantan yang kemudiannya dikenali sebagai pentadbir, ahli politik, malah ulama terkenal pernah mempelajari bahasa Inggeris di Kelas Bahasa Inggeris anjuran MAIK ini. Antara mereka ialah Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil, Tengku Hamzah bin Tengku Zainal Abidin, Tengku Mahmood Mohyedin, Dato' Haji Nur Ibrahim dan Haji Yaakub Muhammad.

10. 11 Membina Bangunan Masjid Muhammadi

Penyata Majlis tahun 1917, menyatakan bahawa terdapat cadangan awal pembinaan masjid baharu bagi menggantikan masjid lama yang telah usang. Cadangan ini disebabkan kos pembaikpulih masjid lama tersebut akan menelan perbelanjaan yang besar iaitu menyamai kos pembinaan masjid baharu. Cadangan ini mendapat perhatian yang wajar dari MAIK, namun pelaksanaannya tergendala ekoran masalah kos perbelanjaan yang terlalu besar.

Walaubagaimanapun, usaha-usaha membina masjid lain turut dibuat, contohnya pada tahun 1920, MAIK membina bangunan masjid baharu di Pasir Puteh dan pada tahun 1922, dibina masjid baharu di Bandar Pasir Mas. Pada tahun 1922, usaha bagi membina masjid Kota Bharu baru berjaya dilaksanakan. Kos perbelanjaan tersebut menelan belanja sebanyak \$360,000,00. Keluasan bangunan masjid ini berukuran 132 x 106 kaki persegi. Ruang solatnya boleh menampung sejumlah 2400 ahli Jemaah. Bagi menjayakan pembinaan masjid ini, MAIK terpaksa meminjam wang daripada kerajaan negeri kerana wang tabung simpanan MAIK tidak mampu menampung kos perbelanjaan tersebut. Di atas usaha MAIK ini, sebuah masjid baharu dapat disiapkan pada awal 1931 dan dibuka pada 31 Julai 1931 oleh KDYMM Sultan Ismail dengan diberi nama Masjid Muhammadi (Masjid Negeri Kelantan).

11.0 PENTADBIRAN MAIK SELEPAS DAN PASCA MERDEKA

MAIK telah memasuki fasa baharu selepas kemerdekaan Tanah Melayu dan terbentuknya Malaysia. Pada waktu ini pentadbiran MAIK dibuat melalui kerajaan negeri Kelantan dalam sebuah Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Persekutuan Malaysia.

Pada awal dekad 1980-an, berikutan kajian yang dibuat oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Sumber Manusia (MAMPU), Kerajaan Negeri Kelantan telah mengiktiraf MAIK sebagai sebuah badan berkanun di bawah kerajaan negeri melalui Surat Pejabat SUK (kn) 230/78/55 bertarikh 22 April 1980. Sebagai sebuah badan berkanun, MAIK layak mendapat bantuan daripada kerajaan negeri dalam hal-hal berhubung dengan kewangan, peningkatan pentadbiran dan sebagainya. Kakitangannya juga berpeluang menerima skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah-faedah persaraan sama seperti kakitangan kerajaan dan badan berkanun yang lain.

Pada tahun 1984 pula, berikutan mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 13 Januari 1984, satu keputusan telah dibuat di peringkat pusat bagi mengkaji dan menyemak kedudukan Majlis/Jabatan agama Islam Negeri-Negeri dengan tujuan untuk menyediakan suatu garis panduan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak Majlis/Jabatan berkenaan. Di bawah semakan baharu ini, MAIK kemudiannya telah mendapat ampuni perkenan KDYMM al-Sultan bagi mewujudkan jawatan Naib Yang Dipertua - Eksekutif Majlis Agama pada taraf Tingkatan Tertinggi F. Kedudukan seperti ini selaras dengan taraf dan jawatan yang sama dalam organisasi badan-badan berkanun lain di negeri Kelantan.

Perkembangan kemudiannya menyaksikan, pihak Perbendaharaan Malaysia dalam suratnya pada 1 Oktober 1985 telah meluluskan jawatan Naib Yang Dipertua pada Taraf Tingkatan Tertinggi F berkuat kuasa pada 1hb. Oktober 1985 (Surat Bil BS (32.00) 201/14/2-1/Jld2 (12) bertarikh 1.10.85). Selaras dengan perkembangan ini, semua aktiviti dan urusan pentadbiran MAIK selepas tarikh berkenaan mulai dijalankan oleh Naib Yang Dipertua (sekarang Timbalan Yang Dipertua berdasarkan *Enakmen MAIK no. 4 tahun 1994*) sebagai Ketua Eksekutif dengan dibantu oleh Setiausaha, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua Unit sebagai penyelia dan penyelaras jentera pentadbiran. Di bawah konsep baharu ini, jawatan Yang Dipertua MAIK bukan lagi bertaraf eksekutif, tetapi lebih menjurus kepada 'Pengerusi Majlis' serta menjadi penasihat atau pengawas kepada seluruh organisasi MAIK.

Sungguhpun MAIK diiktiraf sebagai sebuah badan berkanun, namun bentuk atau format pentadbirannya yang asal sebagai sebuah institusi agama tidak berubah. MAIK, secara langsung, tetap berada di bawah naungan kuasa Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Al-Sultan sebagai Ketua Agama negeri Kelantan. Anggota-anggota Jemaah Ulama juga dilantik oleh Baginda bagi satu tempoh yang difikirkan sesuai oleh Baginda. Pelantikan Anggota Majlis adalah bertujuan bagi membantu Baginda dalam perkara-perkara berhubung dengan pentadbiran MAIK, manakala Jamaah Ulama pula bertanggungjawab menasihati baginda dalam perkara-perkara mengenai fatwa. Pada tahun 1986, sebuah badan baharu bernama 'Dewan Syura' telah diwujudkan. Tujuan badan ini adalah bagi membantu MAIK dalam menggembelng tenaga bijak pandai Islam dalam bidang agama bagi mewujudkan satu iklim pembangunan agama Islam yang mapan dan bersepadu. Dewan Syura telah menubuhkan empat buah panel iaitu, Panel Dakwah, Panel Adat Istiadat, Panel Khutbah dan Panel Imarah Masjid. Namun, patut dicatat, taraf panel ini hanyalah sebagai badan perunding kepada MAIK dan bukan sebagai pembuat dasar. Pada hari ini MAIK menikmati kedudukannya sebagai sebuah badan berkanun yang beroperasi mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 yang mempunyai kuasa untuk mewujudkan perjawatan dan organisasinya.

Pada awalnya, sebelum tahun 2008, Pentadbiran MAIK mempunyai beberapa komponen utama iaitu: 1) Pejabat Setiausaha – diketuai oleh Setiausaha, 2) Pejabat Kewangan – diketuai oleh Bendahari, 3) Pejabat Agama – diketuai oleh Pegawai Agama, 4) Pejabat Baitulmal – diketuai oleh Pegawai Baitulmal, 5) Pejabat Zakat – diketuai oleh Pegawai Zakat, dan 6) Perpustakaan Darul Aitam – diketuai oleh Penolong Pegawai Kebajikan (Nik Rosnah Wan Abdullah 2012: 180)

Berikutan penyusunan semula struktur organisasi MAIK yang dibuat pada tahun 2009 (Waran Penjawatan 2008) dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: 1) Bahagian Khidmat Pengurusan, 2) Bahagian Baitulmal dan 3) Bahagian Hal Ehwal Agama dan Masjid. Sungguhpun begitu, pada tahun 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Perjawatan MAIK bil. 1/2020 (16 Feb. 2020) dengan disahkan dalam Mesyuarat Ahli MAIK ke-928 bil. 2/2020 (3 Mei 2020) telah melakar sejarah baharu apabila MAIK telah mengembangkan struktur pentadbirannya kepada lima bahagian utama; 1) Bahagian Khidmat Pengurusan diketuai oleh Setiausaha, 2) Bahagian Hal Ehwal Agama diketuai oleh Ketua Pegawai Agama, 3) Bahagian Pentadbiran Masjid diketuai oleh Imam Besar Negeri Kelantan, 4) Bahagian Baitulmal, diketuai oleh Ketua Pegawai Baitulmal dan 5) Bahagian Pembangunan, diketuai oleh Ketua Pegawai Pembangunan. Di bawah bahagian ini terdapat 33 buah

unit kecil diketuai seorang ketua unit yang berjawatan pegawai (*Sumber Manusia MAIK, Mei 2024*).

Kini, MAIK bergiat berlandaskan visinya “Menjadi Institusi Peneraju Tadbir Urus Hal Ehwal Agama dan Pembangunan Umat Islam Yang Unggul Dan Dihormati” telah merencanakan program agihan dan bantuan zakat kepada para asnaf antaranya: Bantuan Bulanan Fakir dan Miskin, Bantuan Program Ekonomi Asnaf, Program Kemahiran, Bantuan Am, Bantuan Persekolahan, Bantuan Rawatan Perubatan, Bantuan Melanjutkan Pelajaran ke IPT, Bantuan Pelajar Pondok dan Tahfiz, Skim Bantuan Pemulihan Rumah Kediaman, Bantuan Rumah Kediaman, Darul Aitam, Biasiswa Tengku Anis, Dermasiswa Sultan Ismail Petra, Agihan kepada Asnaf Mualaf dan sebagainya (*Laporan Khas Terimaan dan Perbelanjaan MAIK Jan-Jun 2021*).

Sejak penubuhannya sehingga Mei 2024, MAIK telah mempunyai seramai 18 orang Yang Dipertua. Selain itu, MAIK juga mempunyai 19 orang Naib/Timbangan Yang Dipertua, dan 18 orang Setiausaha. MAIK kini mempunyai seramai 465 orang kakitangan yang terdiri daripada Pegawai Tetap JPA, Tetap MAIK, Kontrak, Sambilan dan Berelaun (*Sumber Manusia MAIK, Mei 2024*).

12. KESIMPULAN

Sejarah telah membuktikan bahawa kewibawaan MAIK dalam melaksanakan fungsi dan peranan untuk mencapai matlamat penubuhannya. Segala aktiviti berlandaskan perundangannya dan bersesuaian dengan peredaran zaman sejak dahulu sehingga kini. MAIK kini telah melintasi seabad garis masanya. Penubuhannya telah dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalam negeri Kelantan. Gabungan yang padu antara golongan agama dan pentadbir negeri mewujudkan MAIK yang begitu memberi impak positif kepada anak negeri. MAIK mempunyai perundangannya yang tersendiri dalam melaksanakan setiap fungsi dan dasarnya dalam membangunkan sosio ekonomi ummah. MAIK juga telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai sebuah Badan Berkanun Negeri. Namun organisasinya kekal utuh di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

Lampiran 1: Senarai Yang Dipertua MAIK (1915-2024)

Bil.	Nama Yang Dipertua	Tempoh
1.	Yang Mulia Tengku Muda Hassan bin Tengku Mahmood	1915 - 1919
2.	Yang Teramat Mulia Tengku Ibrahim ibni Sultan Muhammad IV	1919 - 1944
3.	Yang Teramat Mulia Tengku Indra Petra ibni Sultan Ibrahim	12 Disember 1944 - 29 November 1947
4.	Yang Teramat Mulia Tengku Yahya Petra ibni Sultan Ibrahim	1 Januari 1948 - 31 Disember 1953
5.	Yang Berbahagia Dato' Sri Nara D'Raja Nik Ahmad bin Haji Nik Mahmood	1 Januari 1954 - 1 Disember 1954
6.	Yang Berhormat Mulia Tengku Panglima Raja Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghaffar	15 Disember 1954 - 1 Jun 1955
7.	Sahib al-Samahah Dato' Haji Ahmad Maher bin Ismail (pemangku)	7 Jun 1955 - 16 September 1960
8.	Yang Berbahagia Dato' Haji Muhammad Saleh bin Umar	16 September 1960 - 31 Disember 1964
9.	Yang Berbahagia Dato' Bentara Muda Haji Muhammad Yusoff bin Hassan	1 Januari 1965 - 31 Disember 1966
10.	Yang Berhormat Mulia Tengku Sri Utama Raja Tengku Abdul Aziz bin Tengku Hamzah	1 Januari 1967 - 31 Mei 1975
11.	Yang Berbahagia Dato' Adika Haji Nik Mahmood bin Nik Daud (pemangku)	1 Jun 1975 - 31 Mei 1979
12.	Yang Berbahagia Dato' Haji Nor bin Zainal	1 Jun 1979 - 1 Februari 1981
13.	Yang Berhormat Dato' Kaya Nara Haji Nik Ishak bin Dato' Haji Nik Daud (pemangku)	1 Februari 1981 - 1 Julai 1981
14.	Yang Berhormat Dato' Haji Nik Sulaiman bin Dato' Haji Nik Daud	1 Julai 1981 - 30 Jun 1991
15.	Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Razak bin Salleh	15 November 1991-13 Mac 1999
16.	Yang Berhormat Dato' Haji Wan Mohamad bin Wan Konok	14 Mac 1999 - 20 Jun 2009
17.	Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-Iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra (Tengku Mahkota Kelantan)	21 Jun 2009 - 18 Mac 2019
18.	Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam bin Tengku Abdul Aziz (Tengku Temenggong Kelantan)	19 Mac 2019 - Sekarang

Lampiran 2: Senarai Naib/Timbangan Yang Dipertua MAIK (1915-2024)

Bil.	Nama Naib/Timbangan Yang Dipertua	Tempoh
1.	Yang Berbahagia Dato' Bentara Setia Haji Nik Mahmud bin Nik Ismail (Kemudian Dato' Perdana Menteri Paduka Raja)	24 Disember 1915- 1919
2.	Yang Berbahagia Dato' Bentara Jaya Haji Muhammad bin Muhamad Khatib (Kemudian Dato' Laksamana)	13 Ogos 1919 - 1 Disember 1933
3.	Yang Mulia Tengku Mahmood Mahyiddeen bin Tengku Abd Kadir	1 Julai 1948 - 1 Januari 1952
4.	Yang Berbahagia Dato' Seri Amar Diraja Nik Mustapha Fathil bin Nik Mahmud	12 Januari 1952 - 1 Mei 1953
5.	Yang Berbahagia Dato' Kaya Muda Haji Nik Abdullah bin Nik Hassan	1 Disember 1956 - tidak diketahui
6.	Yang Berbahagia Dato' Bentara Muda Haji Muhammad Yusoff Hassan	1 Januari 1964 - 31 Disember 1964),
7.	Yang Berbahagia Dato' Kaya Muda Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Hassan	1 Januari 1965 - tidak diketahui
8.	Yang Berbahagia Dato' Haji Ariffin bin Daud	1 Disember 1985 - 1987
9.	Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Razak bin Salleh	1987- 1989
10.	Yang Berbahagia Dato' Kaya Nara Haji Nik Ishak bin Dato' Haji Nik Daud	1 Oktober 1989 - 30 Jun 1995
11.	Yang Berbahagia Dato' Haji Ashaari Azmi bin Haji Abdullah	1 Oktober 1995 - 30 Jun 2000
12.	Yang Berbahagia Dato' Haji Yusoff bin Ismail	1 Julai 2000 - 30 Jun 2007
13.	Yang Berbahagia Dato' Haji Kamaruddin bin Md Zin	1 Julai 2007 - 31 Mac 2014
14.	Yang Berbahagia Dato' Haji Yusoff bin Ismail	1 April 2014 - 12 Julai 2014
15.	Yang Berbahagia Dato' Nik Kamaruddin bin Ismail	13 Julai 2014 - 13 Oktober 2014
16.	Yang Berbahagia Dato' Haji Serpudin bin Mohamad	14 Oktober 2014 - 12 Januari 2016
17.	Yang Amat Berusaha Dr. Nik Mohd Azlan bin Abd Hadi	14 Januari 2016 - 30 Jun 2019
18.	Yang Amat Berusaha Tuan Haji Zulkifle bin Ab Rahman	1 Julai 2019 – 5 Disember 2023
19.	Yang Amat Berusaha Dr. Hasnan bin Ramli	10 Mac 2024- sekarang

Lampiran 3: Senarai Setiausaha MAIK (1915-2024)

Bil	Nama	Tempoh
1	Yang Berbahagia Dato' Haji Muhammad Khatib Haji Mohd. Said (Dato' Bentara Jaya kemudiannya Dato Laksamana)	24 Disember 1915 – 1919
2	Yang Berbahagia Dato' Megat Uthman bin Ali (Dato' Lela Megat Diraja)	1920 – 17 November 1930
3	Yang Berbahagia Dato' Wan Mohd. Hanafi bin Wan Mahmood (Dato' Lela Jasa)	1 Januari 1934 – 30 September 1949 (Menjadi Pemangku Setiausaha mulai 1 Januari 1931 hingga akhir Disember 1933)
4	Yang Amat Berusaha Encik Hussin bin Abdul Ghani	1 Januari 1959 -31 Ogos 1976
5	Yang Amat Berusaha Nik Ismail bin Nik Hussin	1 Januari 1977 – 27 Julai 1980
6	Yang Amat Berusaha Haji Ramli bin Ibrahim	1 Januari 1981 – 30 Mac 1982
7	Yang Amat Berusaha Che Dir bin Ibrahim	1 April 1982 – 31 Ogos 1991
8	Yang Amat Berusaha Haji Abdul Majid bin Haji Osman	1 September 1991 – 1 November 1993
9	Dato' Haji Nik Kazim bin Haji Nik Yusoff	4 November 1993 – 16 Oktober 1995
10	Yang Amat Berusaha Abdullah bin Mohd Yusoff	1 Julai 1997 – 16 Ogos 1998
11	Yang Amat Berusaha Rusli bin Yaacob	16 Ogos 1998 – 1 Januari 2000
12	Yang Mulia Tuan Zainal Abidin bin Tuan Yusuf	1 Januari 2000 – 1 September 2006
13	Yang Amat Berusaha Rosnazli bin Haji Amin	1 september 2006 – 16 Julai 2007
14	Yang Mulia Tengku Adli bin Tengku Abdullah	16 Julai 2007 – 16 Disember 2008
15	Yang Amat Berusaha Haji Che Hamat bin Che Muda	16 Disember 2008 – 21 Oktober 2013
16	Yang Amat Berusaha Mohd Azri bin Abd Rahman	28 Jun 2015 – 15 Februari 2017
17	Yang Amat Berusaha Haji Rusydee bin Abdullah	16 Febuari 2017 – 30 September 2020
18	Yang Amat Berusaha Haji Muhamad Rasani bin Ramli	1 Oktober 2020- Sekarang

RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmud. 2010. *MAIK: Peranan Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan, dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Mahmud. 2012. *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Sejarah Penubuhan dan Kegiatan Awalnya Sehingga 1925*. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, Abdul Razak Mahmood dan Nik Safiah Karim (Eds.), *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Ab ad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* (h: 1 - 73). Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Baharin Ilias dan A. Aziz Deraman. 2024. *Sultan Mansor ibni Almarhum Sultan Ahmad dan Tengku Kaya Pahlawan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Baharin Ilias. 2023. *Institusi Pentadbiran Agama Islam Negeri Kelantan*. Dalam, Zulkifli Abd Rahman dan Baharin Ilias (Ed.), *Ketatanegaraan Negeri Kelantan: Sejarah, Pemerintahan dan Pentadbiran Sehingga 2020*(h: 275-288). Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Baharin Ilias dan Zulkifli Abd Rahman. 2023. *Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: Fungsi Dan Peranannya Mengikut Undang-Undang*. Kertas kerja sempena Muzakarah Perundangan Syariah Negeri Kelantan 2023, pada 20 November 2023, bertempat Hotel River View Kota Bharu, anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan.
- Baharin Ilias. 2018. *Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: Sejarah Penubuhan, Struktur dan Fungsi*. Kertas kerja sempena Seminar Sejarah dan Budaya Kelantan-Patani pada 11-12 Ogos bertempat di KIJP, Panji Kota Bharu, anjuran Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Majlis Dakwah Negara.
- Enakmen No. 4. Tahun 1994 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*
- Muhammad Hussin Khal'e Haji Awang. 1970. *Kelantan dari Zaman ke Zaman*. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd.
- Nik Rosnah Wan Abdullah. 2012. *Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Seratus tahun di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, Abdul Razak Mahmood dan Nik Safiah Karim (Eds.), *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Ab ad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* (h: 148 - 206). Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Teks Pemahsyuran Penubuhan MAIK Disember 1915*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan* (Mengandungi segala Pindaan hingga 1 Januari 2008)
- Undang-Undang No.14 Tahun 1916* (Undang-Undang bagi Anggota Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)
- Undang-Undang No. 23 Tahun 1938* (Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu dan hendaklah dimulai berjalan kuasanya daripada 1 Oktober 1938)
- Undang-Undang No. 1 Tahun 1953* (Undang-Undang Majlis Ugama dan Istiadat Melayu dan Mahkamah-Mahkamah Qadhi Tahun 1953)
- Undang-Undang No. 2 Tahun 1966* (Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1966)

Konsep dan Faktor Kejayaan Menurut Perspektif al-Quran

YABrs. Dr Hasnan bin Hj Ramli

YBrs. Ahmad Hafiz Hafifi bin Mohd Arif

ABSTRAK

Al-Quran sering memberikan penekanan kepada aspek kejayaan. Berdasarkan indeks, perkataan *al-falah* (kejayaan) diulang sebanyak 40 kali dalam al-Quran sama ada diulang dengan sighthah *fi'il madi*, *fi'il mudari'* atau *isim fa'il*. Ini tidak termasuk pengulangan perkataan kejayaan yang diungkapkan dengan lafaz lain iaitu *al-fauz*. Penekanan terhadap kejayaan ini menimbulkan suatu persoalan penting berhubung konsep kejayaan sebenar yang dimaksudkan dalam al-Quran. Justeru, penulisan ini akan membincangkan tentang konsep dan faktor-faktor yang menentukan kejayaan yang dicapai oleh seseorang peribadi muslim menurut perspektif al-Quran. Hal ini penting memandangkan pemaknaan kejayaan yang sebenar adalah berdasarkan parameter yang digariskan oleh al-Quran. Kajian ini dilaksanakan menerusi pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan sepenuhnya bagi mendapatkan data-data yang diperlukan untuk melengkapkan kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa konsep kejayaan menurut perspektif al-Quran adalah bersifat multi dimensi yang meliputi antara dimensi duniawi dan ukhrawi. Faktor-faktor yang mendorong peribadi seseorang muslim kepada kejayaan pula tidak terbatas kepada ketaatan yang bersifat peribadi, malah turut meliputi kompetensi mukallaf dari aspek duniawi. Faktor-faktor yang memacu kepada kejayaan ukhrawi yang berakar umbi daripada iman perlu diiringi dengan amal soleh. Interpretasi soleh dalam al-Quran merangkumi kompetensi mukallaf dalam mengimarahkan dunia. Menerusi pengimarahkan dunia, kemahiran pengurusan dan pentadbiran dapat dikuasai. Selain itu, jihad yang terhasil daripada pemaknaan amal soleh juga dibahagikan kepada dua kategori jihad iaitu jihad *bil mal* (jihad luaran yang melibatkan aset) dan jihad *bi al-nafs* (jihad dalaman melawan nafsu). Jihad *bil mal* memacu pembangunan ekonomi dan kewangan Islam. Manakala jihad *bi al-nafs* pula mendorong kepada *takziyyat al-nafs* iaitu pembangunan diri yang berkualiti yang akhirnya menentukan acuan pembangunan sosial dalam sesebuah organisasi, komuniti dan negara.

Kata kunci: Kejayaan, pembudayaan ilmu, perspektif al-Quran, pembangunan diri

PENDAHULUAN

Secara umumnya, kejayaan adalah merupakan suatu perkara yang diimpikan oleh setiap individu. Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat banyak kajian berhubung kejayaan yang dianalisis dalam pelbagai aspek seperti dalam aspek kejayaan pemikiran, kejayaan kerjaya, kejayaan perniagaan industri, kejayaan dalam kesejahteraan ekonomi dan lain-lain. Sebagai contoh kajian kejayaan dalam konteks kerjaya, didapati bahawa terdapat beberapa pengukuran konvensional berhubung tahap kejayaan dalam pekerjaan iaitu pengiktirafan terhadap sumbangan kepakaran, kenaikan pangkat dan reputasi.¹ Dalam kajian ini, kejayaan yang dianalisis adalah meliputi konsep dan faktor-faktor yang menentukan kejayaan seseorang peribadi muslim menurut perspektif al-Quran. Kajian ini penting bagi melihat bagaimana konsep kejayaan menurut perspektif al-Quran dapat dimanifestasi dan diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menyumbang kepada kejayaan duniawi dan ukhrawi.

KONSEP KEJAYAAN DALAM AL-QURAN

Dalam al-Quran, terdapat beberapa perkataan yang digunakan bagi merujuk makna kejayaan iaitu menerusi perkataan *al-falah* dan juga *al-fauz*. Kejayaan dengan kata akar أفلح dalam al-Quran diulang dalam sighthah *fi'il madi*, *fi'il mudari'* dan *isim fa'il* sebanyak 40 kali. *Al-Falah* bermaksud kemenangan dan keadaan yang baik sama ada keadaan ketika di dunia mahupun akhirat.² Manakala *Al-Fauz* pula menurut para ulama mufassirin bermaksud kejayaan di akhirat kelak dengan mendapat anugerah syurga dan dielakkan daripada azab neraka.³ Perkataan *al-fauz* dalam al-

¹ Al-Mansur Abu Said & Roziah Mohd Rosdi, *Tinjauan Faktor-faktor Pendorong Kejayaan Kerjaya Ahli Akademik: Konteks Universiti Penyelidikan di Malaysia*, SOSIOHUMANIKA, 5(2) 2012, hlm, 186 & 187

² Mukhlis, Mahmud Ahmad, *Muqawwimat al-Falah fi al-Quran al-Karim: Dirasah Maudu'iyah*, Majallah Kulliyah Usuluddin wa al-Da'wah bi al-Manufiah, 2016, hlm, 8

³ Shahin, Sultan bin Ali, *al-Faizun fi al-Quran al-Karim*, Majallah Jamiah Tayyibah li al-Adab wa al-Ulum al-Insaniyyah, Bilangan 5, Tahun 2015, hlm, 181

Quran disusuli dengan tiga sifat iaitu *al-azim*, *al-kabir* dan *al-mubin*. Perkataan *al-fauz* yang diiringi dengan sifat *al-azim* bermaksud seseorang yang terselamat daripada api neraka dan dimasukkan ke dalam syurga. Perkataan *al-fauz* yang diiringi dengan sifat *al-mubin* merujuk kepada kebahagiaan dan kegembiraan di akhirat. Perkataan *al-fauz* yang diiringi dengan sifat *al-kabir* pula bermaksud kejayaan yang mendapat kenikmatan yang abadi dan syurga yang banyak.⁴ Dapat disimpulkan bahawa secara umumnya ketiga-tiga sifat yang menyusuli perkataan *al-fauz* tersebut membawa makna kejayaan di akhirat.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEJAYAAN PERIBADI MUSLIM MENURUT AL-QURAN

Al-Quran menjelaskan beberapa faktor tertentu yang mempengaruhi kejayaan peribadi seseorang mukallaf sebagaimana keterangan berikut:

Iman dan amal soleh

Iman menurut ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah merujuk kepada membenaran dalam hati yang diucapkan dengan lisan dan dibuktikan dengan perbuatan. Manakala amal soleh pula merujuk kepada setiap ketaatan yang diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Dalam surah al-Taghabun menjelaskan bahawa gabungan antara iman dan amal soleh mendorong seseorang kepada kejayaan. Iman disini merujuk kepada iman yang sentiasa diperbaharui secara konsisten sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Biqā'i. Iman adalah merupakan revolusi kekuatan ilmiah. Manakala amal soleh pula adalah revolusi kekuatan amaliyyah. Amal soleh yang dilakukan adalah sebagai bukti membenaran (*tasdiq*) terhadap iman yang tersemat

⁴ Ibid, hlm, 189

kukuh di dalam jiwa.⁵ Individu yang memenuhi dua kriteria ini iaitu beriman dan beramal soleh akan mendapatkan kejayaan yang sebenar. Firman Allah SWT:

﴿وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُكْفِرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ ۖ وَيُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۚ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٩﴾﴾

Terjemahan: “Dan (ingatlah), sesiapa yang beriman kepada Allah serta mengerjakan amal soleh, nescaya Allah mengampunkan dosa-dosanya dan memasukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; yang demikian itulah kemenangan yang besar.”

Al-Taghabun: 9

Dalam al-Quran, terma soleh tidak hanya dikaitkan dengan pembangunan jiwa mukallaf untuk menuju kejayaan akhirat, malah turut meliputi kompetensi mukallaf dalam mengimarahkan dunia. Firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ ﴿١٠٥﴾﴾

Terjemahan: “Dan demi sesungguhnya, Kami telah tulis di dalam kitab-kitab yang Kami turunkan sesudah ada tulisannya pada Lauh Mahfuz: “Bahawasanya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh.”

Al-Anbiya: 105

Terdapat beberapa pendapat mufassir dalam menafsirkan ayat ini sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Mawardi dalam tafsirnya⁶ seperti berikut:

⁵ Al-Biqā'i, Ibrahim bin Umar, *Nazm al-Durar Fi Tanasub al-Ayat wa al-Suar*, (Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami), 20:120

⁶ Al-Mawardi, Ali bin Muhammad, *al-Nukat wa al-'Uyun*, ed. Al-Sayyid Ibn Abd Maqsud Ibn Abd Rahim, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah), 3:475

- Pendapat pertama: Bumi syurga yang akan diwarisi oleh orang-orang yang taat pada Allah SWT. Ini merupakan pendapat Said bin Jubair dan Ibn Zaid.
- Pendapat kedua: Bumi yang disucikan (الأرض المقدسة) akan diwarisi oleh kaum bani Israil. Ini merupakan pendapat al-Kalbi.
- Pendapat ketiga: Bumi dunia yang akan diwarisi oleh umat Nabi Muhammad SAW. Ini merupakan pendapat Ibn Abbas. Pendapat ini juga disokong oleh Ibn Juzai di dalam tafsirnya.⁷

Memandangkan kalimah *al-Ard* disebut secara umum dalam ayat di atas, jalan yang terbaik dalam mentafsirkannya adalah dengan menggabungkan antara bumi yang merujuk bumi dunia dan bumi di akhirat (syurga). Begitu juga digabungkan makna kalimah *al-Salihun* antara makna individu yang memiliki kompetensi dalam mengurus dan mengimarahkan dunia serta mampu untuk menunaikan hak-haknya dan juga makna yang merujuk individu-individu mukmin yang melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT. Tafsiran ini lebih harmoni dan holistik kerana mencakupi kesemua pendapat mufassir dalam ayat ini.

Oleh yang demikian, berdasarkan huraian di atas, difahami bahawa antara isi kandungan yang tertulis dalam kitab-kitab yang diturunkan dari langit seperti Suhuf Ibrahim, Taurat, Injil dan al-Quran setelah ianya direkodkan di Lauh Mahfuz adalah keseluruhan bumi yang meliputi bumi dunia dan juga bumi akhirat (syurga) yang akan diwarisi oleh hamba-hamba Allah SWT. Hamba-hamba Allah

⁷ Ibnu Juzai al-Kalbi, Muhammad bin Ahmad, *al-Tashil li 'Ulum al-Tanzil*, ed. Abdullah al-Khalidi, (Beirut: Syarikah Dar al-Arqam Ibn Abi Al-Arqam, 1996), 3:31

SWT tersebut memiliki dua sifat yaitu pertamanya, berkompetensi dalam mengurus dan mengimarahkan dunia serta mampu untuk menunaikan hak-haknya. Sifat kedua, mereka beriman dan beramal soleh. Ini bermakna, golongan yang memiliki dua sifat tersebut sahaja yang dijanjikan oleh Allah SWT untuk diberikan kekuasaan dalam membangun serta mengimarahkan dunia. Di akhirat kelak, golongan ini dikurniakan pula syurga yang seluas langit dan bumi. Ini membuktikan bahawa orang-orang soleh tidak hanya menumpukan target untuk kejayaan akhirat sahaja, malah tidak meninggalkan dunia untuk dibangun dan ditadbir urus dengan baik.

Antara bentuk pelaksanaan amal soleh yang disebut secara jelas dalam al-Quran yang membawa kepada kejayaan adalah “*Amar Makruf Nahi Munkar*” iaitu menyeru kepada kebaikan dan menegah kegiatan mungkar. Allah SWT berfirman:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ﴾

﴿وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Terjemahan: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu kelompok yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Ali Imran: 104

Menerusi ayat di atas, difahami bahawa tiga ketaatan yang membawa kejayaan iaitu pertamanya menyeru kepada kebaikan, menyuruh berbuat perkara yang makruf dan menegah perkara yang buruk. Berdasarkan uslub *al-qasr* dalam ayat diatas iaitu pada ayat وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ menunjukkan bahawa kejayaan hanya


dibataskan kepada umat Nabi Muhammad SAW sekiranya mereka benar-benar melaksanakan “*Amar Makruf Nahi Munkar*”.⁸

Para ulama menetapkan syarat untuk melaksanakan “*Amar Makruf Nahi Munkar*” iaitu seseorang itu mestilah memiliki sifat ‘*adalah*’ iaitu tidak melakukan dosa-dosa besar dan tidak konsisten melakukan dosa-dosa kecil serta tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah.⁹ Hal ini kerana bagaimana mungkin seseorang itu menyeru kepada orang lain untuk meninggalkan maksiat sedangkan diri sendiri terjebak dalam lembah kemaksiatan.¹⁰ Selain itu, disyaratkan juga untuk menyeru kebaikan dan menegah kemungkaran mestilah berpandukan kepada ilmu. Hal ini kerana mungkin seseorang itu hanya mengetahui pendapat dalam mazhabnya sahaja namun tidak mengetahui pendapat dalam mazhab lain, lalu dia menegah sesuatu yang bukan mungkar, namun ianya termasuk perkara khilaf yang muktabar. Mungkin juga seseorang itu akan bersikap kasar dalam perkara yang sepatutnya perlu berlembut atau berlembut dalam perkara yang sepatutnya perlu kepada ketegasan. Mungkin juga seseorang itu bertegas dalam menegah kemungkaran kepada individu yang jika semakin ditegah, semakin bertambah pengingkarannya. Ilmu dan hikmah sangat perlu diterapkan dalam mengamalkan “*Amar Makruf Nahi Munkar*”. Oleh kerana itu Imam Fakruddin al-Razi menegaskan bahawa “*Amar Makruf Nahi Munkar*” ini hanya boleh dilaksanakan oleh para ulama sahaja. Ini menunjukkan amal soleh tanpa didasari ilmu tidak sesekali membawa kepada kejayaan yang dimaksudkan.

⁸ Manahij Jamiah al-Madinah al-‘Alamiyyah, *Al-Tafsir al-Maudu’i*, Jil. 2, hlm, 13

⁹ Amir Badishah al-Hanafi, Muhammad Amin bin Mahmud, *Taisir al-Tahrir*, (Mesir, Mustafa al-Halabi, 1932), 3: 44 & 45

¹⁰ Al-Razi, Fakruddin, *Mafatih al-Ghaib*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, 1999), 8:315



Rajah 1 menunjukkan pelaksanaan *Amar Makruf Nahi Munkar* melahirkan pembudayaan ilmu dan hikmah

Jihad harta dan nyawa

Selain itu, amalan jihad yang juga terhasil daripada pemaknaan amal soleh dibahagikan kepada dua kategori jihad iaitu jihad *bil mal* (jihad luaran yang melibatkan aset) dan jihad *bi al-nafs* (jihad dalaman melawan nafsu). Dalam al-Quran, Allah SWT menyifatkan golongan yang beriman, berhijrah serta berjihad menerusi harta dan nyawa adalah golongan yang berjaya. Berhijrah yang dimaksudkan disini ialah mereka yang meninggalkan kecintaan terhadap dunia. Penghayatan terhadap makna hijrah ini membawa kepada jihad harta dan jihad nyawa.¹¹ Firman Allah SWT:

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ

اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾﴾

Terjemahan: “(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

Al-Taubah: 20

¹¹ Al-Razi, Fakhruddin, *Mafatih al-Ghaib*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, 1999), 16:14

Jihad harta bermaksud menguruskan kewangan berdasarkan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT. Antara salah satu saluran jihad harta ialah mengembangkan ekonomi Islam menerusi penerokaan sumber-sumber baharu Baitulmal di samping mempertimbangkan untuk meningkatkan pendapatan sumber am menerusi instrumen pelaburan Islam seperti sukuk, unit amanah, unit amanah hartanah dan saham. Selain itu, tahap sistem pengurusan yang profesional dan efisien juga perlu sentiasa ditambah baik bagi melonjakkan prestasi dan fungsi institusi Baitulmal ke suatu pencapaian yang lebih cemerlang.

Pemaknaan jihad *al-nafs* atau jihad dalaman melawan nafsu pula tercapai dengan melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT dan meninggalkan segala perkara yang dimurkai oleh-Nya.¹² Menerusi jihad *al-nafs*, jiwa seseorang itu dapat disucikan daripada kerosakan dalam akidah yang meliputi syirik, syak, was-was dan juga penyakit hati seperti angkuh, panas baran, hasad, nifaq dan lain-lain.¹³

Faktor-Faktor Kejayaan Peribadi Muslim Menurut al-Quran		
Indikator	Produk	Implikasi
Iman		
Amal Soleh	Amar Makruf Nahi Munkar	Pembudayaan ilmu dan hikmah
	Imarah	Pengurusan dan Pentadbiran
Jihad	Harta	Ekonomi dan kewangan Islam
	Diri	Tazkiyyat al-Nafs (Pembangunan diri)

¹² Faizah Ahmad Salim, *Jihad al-Nafs wa Thamaratuhu fi Dau' al-Kitab wa al-Sunnah*, (Arab Saudi, Kulliyah al-Dakwah wa Usuluddin, Jamiah Umm al-Qura, 1992), jld. 1, hlm, 114

¹³ Ibid, hlm, 117

Jadual 1 menunjukkan faktor-faktor yang menentukan kejayaan peribadi muslim menurut al-Quran

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa konsep kejayaan menurut perspektif al-Quran adalah bersifat multi dimensi yang meliputi antara dimensi duniawi dan ukhrawi. Faktor-faktor yang memacu kepada kejayaan ukhrawi yang berakar umbi daripada iman perlu diiringi dengan amal soleh. Interpretasi soleh dalam al-Quran merangkumi kompetensi mukallaf dalam mengimarahkan dunia. Ini bermakna, kesolehan bukan sahaja mewujudkan ketaatan peribadi, malah meliputi pengimarahan yang berbentuk duniawi bagi menjaga masalah manusia di atas dunia ini. Menerusi pengimarahan dunia, kemahiran pengurusan dan pentadbiran dapat dikuasai. Antara bentuk pelaksanaan amal soleh yang disebut secara jelas dalam al-Quran yang mendorong kepada kejayaan adalah “*Amar Makruf Nahi Munkar*” jika ianya benar-benar diimplementasi oleh umat Nabi Muhammad SAW. Namun amalan “*Amar Makruf Nahi Munkar*” perlu didokong dengan pembudayaan ilmu dan hikmah serta sifat ‘*adalah* kerana ia tidak boleh dilaksanakan tanpa menerusi ketiga-tiga elemen tersebut. Selain itu, jihad yang terhasil daripada pemaknaan amal soleh juga dibahagikan kepada dua kategori jihad iaitu jihad *bil mal* (jihad luaran yang melibatkan aset) dan jihad *bi al-nafs* (jihad dalaman melawan nafsu). Jihad *bil mal* memacu pembangunan ekonomi dan kewangan Islam. Manakala jihad *bi al-nafs* pula mendorong kepada *takziyyat al-nafs* iaitu pembangunan diri yang berkualiti yang akhirnya menentukan acuan pembangunan sosial dalam sesebuah organisasi, komuniti dan negara. Kesemua indikator kejayaan menurut al-Quran ini bukan sahaja menyumbang kepada kejayaan ukhrawi, malah turut meliputi kejayaan duniawi.

RUJUKAN

Al-Mansur Abu Said & Roziah Mohd Rosdi, *Tinjauan Faktor-faktor Pendorong Kejayaan Kerjaya Ahli Akademik: Konteks Universiti Penyelidikan di Malaysia, SOSIOHUMANIKA*, 5(2) 2012

Al-Biqa'i, Ibrahim bin Umar, *Nazm al-Durar Fi Tanasub al-Ayat wa al-Suar*, (Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami)

Amir Badishah al-Hanafi, Muhammad Amin bin Mahmud, *Taisir al-Tahrir*, (Mesir, Mustafa al-Halabi, 1932)

Al-Razi, Fakhruddin, *Mafatih al-Ghaib*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, 1999)

Faizah Ahmad Salim, *Jihad al-Nafs wa Thamaratuhu fi Dau' al-Kitab wa al-Sunnah*, (Arab Saudi, Kulliyyah al-Dakwah wa Usuluddin, Jamiah Umm al-Qura, 1992)

Al-Mawardi, Ali bin Muhammad, *al-Nukat wa al-'Uyun*, ed. Al-Sayyid Ibn Abd Maqsum Ibn Abd Rahim, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah)

Ibnu Juzai al-Kalbi, Muhammad bin Ahmad, *al-Tashil li 'Ulum al-Tanzil*, ed. Abdullah al-Khalidi, (Beirut: Syarikah Dar al-Arqam Ibn Abi Al-Arqam, 1996)

Mukhlis, Mahmud Ahmad, *Muqawwimat al-Falah fi al-Quran al-Karim: Dirasah Maudu'iyah*, Majallah Kulliyyah Usuluddin wa al-Da'wah bi al-Manufiah, 2016

Shahin, Sultan bin Ali, *al-Faizun fi al-Quran al-Karim*, Majallah Jamiah Tayyibah li al-Adab wa al-Ulum al-Insaniyyah, Bilangan 5, Tahun 2015.

Manahij Jamiah al-Madinah al-'Alamiyyah, *Al-Tafsir al-Maudu'i*, Jil. 2

HAMBATAN KEBANGKITAN ISLAM DI NUSANTARA

Oleh: A. Aziz Deraman

Abstrak

Konsep dan gagasan Nusantara tidak lari dari dunia Melayu atau induk kepada Kepulauan Melayu. Abad ke-20 dan awal abad ke-21, kelihatan timbul kesedaran umat Islam mahu membangunkan semula peradaban Islam yang hilang. Penganjur-penganjur Islam perlu perkuatkan konsep perjuangan (*jihad*) Islam yang sebenar. Para pemimpin Islam dan ulama tidak sepatutnya mementingkan kelompok sendiri, tidak mahu memperjuangkan transformasi dan reformasi dalam pemikiran Islam.

Apabila agama menjadi simbol semata-mata, terlihat muncul pelbagai faktor hambatan kepada kebangkitan Islam di Asia Tenggara atau di Nusantara. Pelbagai hambatan menjadi halangan kepada suatu kebangkitan. Kenapakah tidak dicarikan jalan penyelesaiannya? Pergolakan dunia abad ke-21 dijangkakan lebih parah dengan konflik politik antara barat dengan timur dan pertarungan ekonomi.

Peradaban Islam itu terbina atas prinsip *aqidah*, *syariat* dan *akhlak*. Umat Islam di Nusantara hendaklah dengan penuh iltizam meletakkan arah tuju khusus guna mencemerlangkan dan menggemilangkan lagi peradaban dan kebangkitan Islam di Nusantara ini. Dinamikkah, cemerlangkah dan akan gemilangkah bangsa dan umat Islam sekiranya banyak faktor hambatan tidak diselesaikan? Lihatlah antaranya hambatan dan kelemahan dalam *Kedinamikan Ilmu; Kepemimpinan; Pembangunan Modal Insan; Perspektif Sejarah; Kedinamikan Ekonomi serta hambatan Sains dan Teknologi*.

Umat Melayu-Islam adalah pendukung peradaban Islam Nusantara. Jadi lakukan imbauan kembali kepada persoalan membina sebuah landasan peradaban yang teguh berpegang kepada *al-Quran* dan *al-Sunnah*. Dengan itu kebangkitan Islam di Nusantara akan terus utuh dan dinamik sebagai sebuah peradaban yang disegani dan dihormati. Semua lapisan dan peringkat umatnya memerlukan kepemimpinan yang bijaksana, beriman dan bertakwa.

Kata kunci : Kebangkitan Islam, Peradaban Nusantara

Pendahuluan

Apabila disebut Islam di Nusantara, maka konsep dan gagasannya tidak lari dari dunia Melayu atau bahagian daripada Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*). Dalam konteks rumpun Melayu, lingkungannya meliputi negara Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Thailand (khususnya Selatan Thailand), Laos, dan Kemboja-Vietnam (warisan zaman Empayar Champa) dan Filipina. Negara-negara Nusantara itu bahagian geografi besarnya berada di utara garis Khattulistiwa. Wilayah

besar ini disebutkan sebagai dunia Melayu. Majoriti manusianya menganut agama Islam melainkan di beberapa wilayah sahaja yang menganut agama Kristian. Corak demografi Nusantara bercitrakan manusia serumpun terbahagi kepada ratusan kumpulan etnik, suku bangsa atau puak-puak yang dikenali dengan pelbagai nama.

'Nusa' itu maknanya negeri dan kalau Nusantara pula dimaksudkan kepada gugusan pulau-pulau atau negeri dan negara. Dari luar Indonesia, istilah ini digunakan bagi maksud yang lebih besar dan luas, iaitu cakupan negara-negara berbahasa Melayu atau bahasa Indonesia di sebahagian besar Asia Tenggara ini. Sungguhpun demikian, di Indonesia ada kecenderungan tanggapan bahawa istilah Nusantara ini dianggap khusus penggunaannya untuk Indonesia sahaja. Pada suatu waktu dahulu umat Melayu-Islam itu tersohor dengan panggilan orang Jawi, terutama panggilan oleh kalangan orang Arab atau dunia Arab.

Selama ini sejarah bangsa rumpun Melayu di Asia Tenggara ini dikaji atau ditentukan oleh para sarjana dan pengkaji asing yakni orientalis, terutama mereka yang berasal dari Eropah dan Rusia. Pandangan mereka itu ternyata diselaputi '*preconceptions*' dan rekonstruksi sejarah dari sudut pandangan kehendak mereka. Peradaban Melayu (*Malay Civilization*) sejak zaman prasejarah berada dalam lingkaran sejarah Asia. Rumpun Melayu itu disebut sebagai *Malay*, *Malayan*, *Indonesian*, *Austronesian* dan *Malayo-Polynesian* atau *Malayonesia* [Mohd Arof Ishak, 2007]. Istilah ini digunakan secara bersilih ganti tetapi tetap merujuk kepada manusia sewilayah dengan wajah tamadun khusus yang unik dan tersendiri.

Senario Dunia Abad Ke-21 dan Nusantara

Menurut Dr. Yusuf Qardhawi, kegagalan umat Islam sepanjang abad ke-20 kerana hancurnya kekhilafahan; kekalahan melawan atau menentang zionisme; kegagalan di bidang pembangunan dan pertumbuhan; kegagalan dalam usaha membebaskan diri dari kebergantungan kepada Barat; kegagalan dalam Syura; kebebasan umum dan hak asasi manusia; kegagalan dalam mempersatukan umat atau perpaduan; kegagalan dalam mewujudkan keadilan sosial; kegagalan dalam masalah isu perempuan atau wanita dan kegagalan di bidang pendidikan moral umat [Dr. Yusuf Qardhawi, 2001; hal. 167]. Pandangan Dr. Yusuf Qardhawi tersebut patut dianalisis senario dan implikasinya ke atas umat Islam di Nusantara.

Dalam abad ke-20 membawa ke dekad-dekad awal abad ke-21, kelihatan timbul kesedaran demi kesedaran dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia. Kesedaran demikian sebenarnya sudah sekian lama bertunas dan memang wujud pada setiap zaman, lebih-lebih lagi mutakhir ini akibat adanya gerakan anti-Islam dan Islamofobia. Barat khususnya Amerika Syarikat banyak mencampuri urusan politik di negara-negara Islam seperti Kuwait, Iraq, Afghanistan, Sudan dan menaja zionisme Israel dalam perang dengan Palestin. Perkembangan Islam di dunia Melayu menunjukkan kecemerlangan yang tidak pernah putus [A Aziz, 2022; hal.123]. Di sana sini kedengaran laungan suara para penganjur Islam yang menyesali sikap kaum Muslimin sendiri yang membiarkan kemerosotan citra Islam. Misalnya mengapakah Islam telah sengaja dijadikan sebagai agama pegangan individu bukannya dalam konteks besar ummah dalam mendepani cabaran zaman globalisasi ini.

Apakah tidak difahami bahawa tindakan kembali ke pangkal jalan Islam itu yang akan memberikan peluang umatnya membangun dan meneguhkan dasar-dasar keadilan kemasyarakatan yang jitu lagi wajar. Malahan itulah antara peluang bagi mewujudkan kembali keperibadian Muslim yang berjiwa Islam. Memang benar apabila dijangkakan pada abad sebelum ini, bahawa kuasa abad ke-21 ialah kejayaan daripada suatu pertarungan antara kuasa-kuasa besar dunia. Kesenambungan abad dibuktikan oleh adanya penerusan kekuasaan membolot kekayaan harta (*wealth*) dalam sistem ekonomi kapitalisme dan pengaruh politik demokrasi. Ada penonjolan manifestasi kekuatan pertahanan dan ketenteraan melalui peperangan, misalnya antara Rusia dan Ukraine sejak tahun 2022 atau Israel-Palestin sejak tahun 2023. Pada masa yang sama kuasa ke atas ilmu pengetahuan (*knowledge is power*) khususnya sains dan teknologi. Abad ke-21 ini juga menunjukkan pertarungan politik dan penguasaan ekonomi di antara kuasa-kuasa besar dunia, misalnya antara Amerika Syarikat dengan China.

Kedatangan Islam ketika dunia sedang mengalami zaman gelita pekat adalah suatu keajaiban (*miracle*) yang telah memulihkan suasana yang memancarkan sinar cahaya *addin* dengan kecemerlangan dan kegemilangan peradaban selama beberapa abad. [A.Aziz, *ibid.*; hal. 124]. Cahaya Islam berjaya menerangi semula peradaban manusia yang manusianya sedang menuju ke jurang keruntuhan jiwa rohaniah, intelektualisme (*aqliyah*) dan akhlak. Cuma sayangnya kegemilangan Islam hanyalah terbangkit buat sementara sahaja. Sesudah abad ke-15, selepas kejatuhan Andalusia,

umat Islam kemalapan arah tuju, alpa dan mula cuai, ditambah lagi dengan kekurangan daya inisiatif dalam strategi perlumbaan untuk kemajuan. Budaya ilmu dalam dua coraknya iaitu penyelidikan dan penyebaran ilmu pengetahuan serta penyelidikan bercorak inovatif semakin kurang sehingga mengakibatkan umat Melayu-Islam tertinggal dalam kemajuan yang lebih besar [A.Aziz,2023; hal.230-231].

Api pemikiran Islam telah padam selama empat abad selepas bangsa Turkiye menguasai dunia Islam. Kelihatan penganjur-penganjur Islam tidak lagi mementingkan konsep perjuangan (*jihad*) Islam yang sebenar, tetapi lebih mementingkan kelompok sendiri mempergunakan konsep kekuasaan khalifah. Malah ulama-ulama lebih berusaha menguatkan pemerintah dan memaksa rakyat mematuhi pemerintahan. Golongan ulama yang sepatutnya memperjuangkan transformasi dan reformasi dalam pemikiran Islam kian membisu seribu kata. Pintu ijtihad telah terkunci Maka berlalulah umat Islam dalam keadaan lemah dan beku. Agama menjadi simbol semata-mata.

Soalnya apakah senario dan kebekuan peranan pemerintah dan fungsi ulama seperti di atas itu akan dibiarkan berleluasa merebak dalam kalangan umat Melayu-Islam? Jika benar mengapakah dibiarkan terjadi dan kenapakah muncul pelbagai faktor hambatan kepada kebangkitan Islam di rantau Asia Tenggara atau di Nusantara ini tidak dicarikan jalan penyelesaiannya? Keruntuhan Islam itu sudah terjadi di kala kerajaan Moghul di India yang berpunca dari keruntuhan akhlak Muslim dan pimpinan, bersengketa sesama sendiri, berbangga dengan kemajuan lama tanpa menempa kemajuan baharu. Faktor-faktor tersebut mengakibatkan kehidupan mereka berkeadaan statik, berbangga kosong dan bersemangat tewas. Apakah senario politik, perpecahan dan perbalahan pimpinan kini boleh menjamin kestabilan negara pada masa depan atau apakah perpecahan rakyat tidak membawa kemudaratn?

Dalam abad ke-20 dan memasuki abad ke-21 ini, dunia tidak pernah sunyi dengan letupan bom dan roket, asap perang memenuhi angkasa, tembak menembak tidak reda dan gencatan senjata diabaikan, hatta selepas diluluskan sebagai resolusi Majlis Keselematan Bangsa-bangsa Bersatu. Lihat sahaja Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, perang menentang penjajahan, kekacauan di Asia Barat dan Afrika, campurtangan Amerika ke atas negara-negara Islam atau mencero bohi mana-mana negara yang mereka benci tidak pernah henti. Perbalahan Israel dengan Palestin sejak 1948 berulang kali terjadi tetapi dipandang sebelah mata oleh dunia, dipekakkan telinga dan suara-suara laungan kedamaian bungkam tidak berbunyi.

Pergolakan dunia menjelang pertengahan abad ke-21 ini dijangka akan terjadi sesuatu yang sangat luar biasa. Konflik politik antara barat dengan timur dan pertarungan ekonomi akan lebih memuncak. Penjajahan budaya melalui kemajuan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) sedang bergerak seiring dengan penjajahan ekonomi. Sebagaimana disebutkan tadi perang antara Rusia-Ukraine tercetus pada tahun 2022, zionisme dan penghapusan etnik (*genocide*) oleh Israel ke atas Palestin mulai Oktober 2023, tidak mudah dunia selesaikan melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Banyak negara dijangka akan mempunyai kecenderungan baru, pergolakan dalaman yang tidak diduga, konflik dan perubahan dalam kehidupan sosioekonomi dan budaya.

Implikasi ke atas Peradaban Nusantara

Senario yang cuba penulis gambarkan di atas tadi lazimnya berlaku apabila terjadinya pertukaran tampuk pimpinan politik di masing-masing negara. Apa akan jadi kepada peradaban dunia dan kepada kebudayaan bangsa-bangsa Islam? Apakah implikasi akibat dan impaknya kepada negara-negara Nusantara? Penulis maksudkan di sini bahawa sekiranya tanpa keprihatinan dan tumpuan perhatian, umat Melayu-Islam akan berdepan dengan pelbagai hambatan jika mereka tidak mahu selesaikan secara tuntas ke arah tuju kebangkitan umat membina kegemilangan peradaban Islam.

Kedatangan Islam ke dunia Melayu telah mengubah sistem kepercayaan, berasaskan Tauhid yakni ketuhanan Yang Maha Esa, kemanusiaan, pemikiran rasional dan teladan, Ada banyak citra kehidupan budaya berpandukan *Al-Quran* dan *Al-Sunnah*. Istilah dan konsep keilmuan dalam pelbagai bidang diperkenalkan berhubung dengan *aqidah* (tauhid), *syariat* (muamalat, munakahat dan jenayah) dan *tasauif* (akhlak). Manusia serumpun Melayu diperkenalkan dengan ilmu ketuhanan berasaskan kepercayaan kepada keEsaan Tuhan serta persoalan keadilan dan kebenaran. Kemajuan tradisi ilmu di Nusantara melalui pesantren dan sistem pendidikan pondok, madrasah telah wujud dan kekal sampai sekarang. Kebudayaan Melayu menerima pengaruh peradaban baru yang dibawa Islam dan sekali gus membentuk identiti dan jati diri keMelayuan.

Dengan kedatangan Islam pedoman budaya bersandarkan *aqidah*, *syariat* dan *akhlak* tadi sentiasa diberikan perhatian, meskipun perubahan sering mengambil masa. Peradaban Islam itu memang terbina atas ketiga-tiga prinsip berkenaan.

Kebudayaan Melayu-Islam berkesinambungan dari zaman ke zaman, dari wilayah pusat ke wilayah pinggir, generasi ke generasi, membentuk nilai dan norma dan sekaligus nilai kolektif masyarakat (*common shared value system*) seperti nilai-nilai budaya kerjasama, gotong royong, muafakat atau seumpamanya dalam kemandirian, keutuhan dan kecemerlangan melalui pencapaian budaya tahap tinggi tinggi. Budaya tinggi sahaja, akhirnya membangunkan peradaban. Seorang manusia Melayu dianjurkan menjadi seorang “budiman”, berilmu, beriman, beramal lalu berbakti. Perangai baik seseorang yang beriman, berilmu dan beramal itu akan membawanya kepada manusia *insanul kamil* yang mengerjakan kebaikan dan kebajikan.

Gerakan pelaksanaan dasar dan program dalam konteks umat Melayu-Islam perlu berpandukan nilai-nilai yang sudah ada secara muafakat, kerjasama dan kesepakatan sebagaimana amalan tradisi dan memenuhi tuntutan Islam. Umat Melayu-Islam hendaklah sentiasa mewaspadaikan musuh dari luar dan dalam, hubaya-hubaya dengan ungkapan asing atau dari golongan bukan Islam yang mengatakan bahawa untuk menghancurkan sesuatu tamadun atau peradaban bangsa-bangsa, racunilah sejarah bangsa mereka agar dilupai kegemilangan bangsanya, rosakkan *aqidah* dan musnahkan akhlak generasi muda mana-mana bangsa berkenaan

Dalam peradaban serumpun terlihat kebudayaan Melayu, keperibadian dan jati diri umatnya telah sekian lama disemai, dipupuk dan tumbuh subur sejak zaman berzaman. Penulis menggariskan melalui makalah ini, sejumlah 15 perkara tumpuan yang menjadi faktor-faktor hambatan kepada kebangkitan Islam di Nusantara tetapi perkara-perkara inilah yang perlu diatasi sebagai aspek-aspek penting untuk didorong dinamikanya secara benar-benar bersungguh. Ambillah cakna dan ditumpukan secara efektif oleh kepemimpinan peradaban Melayu-Islam di Nusantara ini.

Selain daripada apa yang dituliskan ini, mungkin ada faktor-faktor lain yang boleh difikirkan bersama. Umat Melayu-Islam hendaklah memahami dan dengan penuh iltizam meletakkan arah tuju berfokuskan matlamat khusus guna mencemerlangkan dan menggemilangkan lagi peradaban Islam di Nusantara ini, atas citra Melayu-Islam. Juga pada bicara ini, penulis ingin menanyakan apakah hambatan kebangkitan kepada peradaban Melayu-Islam? Hambatan itu ialah tentang persoalan isu dan perkara-perkara yang menjadi faktor, cabaran dan daya usaha yang harus ditumpukan perhatian dan dilakukan tindakan dengan pemikiran yang tepat. Ingatlah

umat Islam di Nusantara, hendaklah mengatasi kelemahan mereka satu persatu. Matlamatnya adalah ke arah mendinamikkan, mencemerlangkan dan menggemilangkan masyarakat, bangsa, ummah dan peradaban Islam.

Berikanlah perhatian kepada faktor-faktor hambatan berikut dan atasilah secara hikmah :

1. Hambatan Kedinamikan Ilmu.

Islam itu meletakkan tradisi ilmu dan keilmuan yakni budaya ilmu di tangga yang tertinggi. Sebab itu ada konsep iman, ilmu dan amal. Malahan wahyu pertama dengan maksud firman "*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menjadikan (sekalian makhluk); Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu yang amat Pemurah; Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.*" [Al-Quran, Surah al-Alaq.96: 1-5]. Budaya baca (Iqra') dan tulis (pena dan tulisan) adalah tuntutan pertama diwahyukan Allah SWT.

Semua bidang kemajuan bergantung kepada tradisi ilmu dan keilmuan sebagaimana dipelopori sejak zaman permulaan Islam dan kegemilangan Andalusia sepanjang 800 tahun di Eropah. Segala khazanah kebudayaan Melayu-Islam sebagai warisan jati diri bangsa serumpun Melayu pun tidak terkecuali. Jalan-jalan kebangkitan perlu terus diteliti dan gerakannya dilakukan bersandarkan ilmu sesuai dengan tujuan kepentingan dan tuntutan baru merentasi zaman.

Peranan dan sumbangan para ulama di pusat-pusat pengajian agama Islam melalui sistem pondok dan pesantren jangan sekali-kali diabaikan. Pengajian ilmu-ilmu Islam di seluruh Nusantara amat signifikan. Demikian citra tradisi keilmuan itu yang maju berkembang dari Banjarmasin ke Palembang, Aceh ke Melaka, atau Kelantan-Patani-Terengganu. Kitab-kitab karya asli dikarang dan terjemahan dilakukan. Sikap berhikmah, kesederhanaan, toleransi dan kebijaksanaan para ulama berdakwah telah mempermudah penerimaan ajaran Islam, di semua peringkat, dari raja kepada rakyat.

2. Hambatan Kepemimpinan

Keunggulan kepemimpinan negara haruslah datang daripada saf pemimpin yang memiliki tiga ciri kewibawaan yakni: berakhlak mulia, berilmu dan berwawasan.

Dalam konteks keislaman, pemimpin harus mempunyai cita-cita atau hasrat yang tinggi untuk membentuk dasar-dasar negara dan kenegaraan secara benar dan adil, merealisasikan kesempurnaan dan keunggulan dinamika Islam. Rakyat pula sebagai pemilih dan penentu barisan kepemimpinan negara dalam sistem demokrasi atau lainnya hendaklah bijak memilih dan tahu mempertahankannya. Pemimpin yang rosak akhlak, buruk perangai, tidak berilmu dan tiada wawasan hanyalah mengakibatkan kepada merudumnya sesebuah negara ke lembah kemunduran. Islam tidak akan bangkit dari fenomena gelagat sedemikian. Apatah lagi jika sesebuah negara itu berada di bawah pemerintahan pemimpin yang rasuah, kaki maksiat dan liar dengan suka kepada penyelewengan, penipuan, khianat atau asyik mengumpulkan harta bagi kepentingan diri, keluarga dan kroni.

Di peringkat Nusantara, kebijaksanaan harus menjadi dukungan utama para pemimpin umat. Umat Islam, khasnya golongan generasi muda, tidak seharusnya dididik dengan ilmu keagamaan Islam semata-mata, sehingga sahaja, itulah ilmu yang ada, walhal terbentang segala macam jenis bidang keilmuan lain. Justeru, penguasaan pelbagai ilmu lain ini, misalnya perekonomian bukan sahaja berguna bagi dinamika kecemerlangan ummah dan peradaban Islam, malah sesungguhnya segala ilmu itu adalah bidang-bidang pembinaan peradaban, tanpa meninggalakan khazanah ilmu berpandukan *Al-Quran* dan *Al-Hadis*. Keperluan baharu negara ialah ilmu sains dan teknologi, sains politik, sains sosial, perdagangan, perindustrian, pengurusan dan berbagai lagi. Jangan disempitkan skop penguasaannya.

3. *Hambatan Pembangunan Modal Insan*

Pembangunan modal insan dalam kalangan umat Melayu-Islam atau di Nusantara ini haruslah mengambil modul ke arah tujuan melahirkan manusia berakhlak mulia, kaitan modul dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan falsafahnya, penekanan kepada peranan pendidik, pengukuhan keimanan, penerapan nilai-nilai budaya murni, moral dan etika, kemahiran keusahawanan, pengajian aspek ekonomi, pemerkasaan kekeluargaan Islam yang mana kesemua aspek ini mengarah kepada modal insan cemerlang sehingga terbentuk manusia budiman dalam falsafah Melayu-Islam dan sehingga lahirnya manusia *Insanul Kamil* di Nusantara ini. Jadi pembangunan modal insan itu akan melengkapkan seseorang individu Islam dalam persepsi Islam dalam satu cara hidup yang komprehensif meliputi semua bidang kehidupan dalam makna

ad-din bagi menebarkan rahmat dan kasih sayang Ilahi bukan hanya buat manusia malah kepada semua jenis makhluk ciptaan-Nya [Lihat Fathiyah et.al. 2022].

4. *Hambatan Sejarah.*

Sejarah bangsa dan negara adalah wajib diajar di sekolah dan dipelajari oleh generasi muda. Sejarah bukan sekadar tarikh dan fakta, tetapi juga untuk diteladani dan diinsafi tentang bagaimana jatuh banggunya bangsa sendiri dan teladan dari sesebuah peradaban di dunia ini. Kesedaran dan keinsafan bersumberkan sejarah dapat dimanfaatkan untuk melestari dan mengukuhkan peradaban sendiri. Almarhum Bung Karno, pemimpin ulung, Presiden tersohor Indonesia dalam pidato akhirnya pernah berkata: *“Bangsa yang besar adalah bangsa yang mengenal sejarah. Jangan sekali-kali melupakan sejarah.”*

Memang banyak kisah dan teladan yang boleh ditimba daripada sejarah dunia sejak sebelum Masehi, antaranya pada zaman falsafah Greek dan China, kebangkitan Empayar Islam Andalusia di Eropah, zaman Ming di China dan di Nusantara ialah zaman Sriwijaya, Majapahit, Empayar Melayu Melaka abad ke-15 dan zaman kolonial Barat. Buatlah kajian tentang pertarungan ideologi kapitalisme, sosialisme dan komunisme. Begitu juga sejarah zaman perjuangan kemerdekaan, bagaimana rakyat Indonesia menentang Belanda, zaman Inggeris, Sepanyol, Perancis di negara-negara Asia dan Afrika. Kolonialisme telah mengakibatkan pengaruh yang sangat berbahaya apabila mereka telah ‘menghisap’ seluruh kekayaan ekonomi. Buta sejarah adalah antara hambatan atau penghalang kesedaran terhadap kebangkitan baharu.

5. *Hambatan Kedinamikan Ekonomi.*

Kemakmuran hidup masyarakat, rakyat dalam sesebuah negara tidak hanya ditentukan oleh keamanan, keselamatan, perpaduan dan semangat muhibah, tetapi kekal berlandaskan kemakmuran dan kedinamikan ekonomi. Justeru, negara yang miskin diramalkan akan berdepan dengan seribu satu masalah, sukar mewujudkan kesejahteraan dan memenuhi keperluan hidup rakyat secara lengkap dan sempurna.

Pada masa ini, kebanyakan negara dalam lingkungan Nusantara ini, boleh dikatakan sedang membangun dan mundur dalam beberapa segi. Namun, tumpuan ke arah usaha mendinamikkan ekonomi harus terus ditingkatkan. Masyarakat, bangsa, negara, peradaban dan agama Islam di rantau ini jangan selama-lamanya mudah diperkotak-katikkan oleh Barat. Nusantara akan lebih maju, sekiranya kedinamikan

dan keperkasaan ekonomi berada di mercu kemajuannya, bisa setaraf atau lebih utuh daripada kelompok negara-negara maju di dunia. Kedinamikan ekonomi ini penting, kerana kemajuan hidup manusia dalam bidang ekonomi merupakan suatu faktor utama yang berupaya mencorakkan sistem politik dan kehidupan sosial di negara sendiri dan di peringkat global pada zaman abad ke-21 ini.

6. Hambatan Sains dan Teknologi.

Kemajuan sains dan teknologi di Nusantara belum sehebat mana berbanding dengan sesetengah negara, lebih-lebih lagi jika dipadankan dengan barat atau beberapa negara di Asia sendiri seperti Jepun, Korea, China dan Taiwan. Faktor ini akan menjadi suatu faktor hambatan kebangkitan umat jika tidak diselesaikan segera melalui kaedah sendiri sesuai dengan faktor kemasyarakatan dan sosiobudaya tempatan. Tiada siapa dapat menafikan kepentingan bidang sains dan teknologi. Tetapi agak dukacita, bukan sahaja isunya semata-mata di Nusantara bahkan di dunia Islam masakini masih sangat jauh dalam menguasai sebahagian besar kecanggihan bidang ini. Kemungkinannya ialah kerana hampir keseluruhan reka cipta teknologi di dunia ini adalah berumbar ciptaan Barat dan beberapa negara lain, termasuk Jepun dan Korea. Roket yang dapat meluncur ke angkasa dan pesawat terbang datangnya daripada hasil sumbangan ciptaan Amerika Syarikat dan barat. Penerokaan penyelidikan atau penelitian juga adalah datangnya daripada orang bukan Islam.

Ahli sains dan ilmuwan Islam sehingga kini masih belum mampu mereka cipta satelit, sebagai antara contoh. Usaha bersifat sains misalnya nuklear sedang diusahakan oleh Iran. Dengan kecanggihan satelit, kuasa Barat telah dapat menguasai pengaruh di dunia, termasuk digunakan sebagai peranti penting untuk mengintip rahsia keselamatan serta dijadikan strategi menyerang atau berperang dengan negara-negara Islam yang dianggap musuh atau ancaman kepada mereka. Umat Islam diseluruh dunia harus perkuatkan kemahiran atau kepakaran sains dan teknologi serta perkembangan yang selari di peringkat global hendaklah menjadi daya juang di Nusantara sama.

7. Hambatan Kedinamikan Pertanian, Perladangan dan Perikanan.

Di rantau Nusantara ini, bidang pertanian, perladangan dan perikanan merupakan sektor ekonomi yang menjadi bentuk kepada bahagian-bahagian industri yang penting kepada semua negara. Sifat pertanian bukan sahaja lagi sebagai pertanian sara hidup, dan perniagaan sambilan, malah menjadi penyumbang kepada pendapatan besar negara. Sungguhpun, sesetengah negara di rantau ini berusaha melangkah berubah

kepada kemajuan perindustrian, namun ketiga-tiga sektor ini terus perlu dijaga kepentingannya dan dijana dengan sebaik-baiknya.

Sekiranya berlaku apa-apa kejadian dan peristiwa besar yang mengancam negara misalnya peperangan, maka dalam apa-apa keadaan sekalipun, keterjaminan hidup dengan tersedianya kecukupan bekalan makanan pasti tidak akan menjejaskan situasi kehidupan rakyat. Dalam konteks ini, sektor ini selalunya wajar ditingkatkan lagi dari segi asas, kepelbagaian jenis, pengeluaran, dan eksport agar tidak menjadi hambatan kepada kebangkitan bangsa dan agama.. Jika ditingkatkan lagi penjanaannya, sektor pertanian tetap akan dapat membantu memperkukuh dan memperkasa lagi ekonomi negara dari segi eksport.

8. Hambatan Bagi Membanteras Kapitalisme.

Kapitalisme, sebenarnya, merupakan suatu sistem ekonomi yang diasaskan, dipegang dan diamalkan oleh Barat. Dunia Barat mendominasi sistem ekonomi dunia yang turut mempengaruhi amalan dalam kebanyakan negara Islam di dunia, melalui teori dan amali mengenai kapitalisme ini. Amalan riba, sistem perbankan dan kewangan misalnya, adalah sebahagian daripada ciri kapitalisme ini yang hakikatnya merupakan suatu sistem yang cukup menindas dan menganiayai bahkan menzalimi manusia. Maka, sistem amalan ekonomi Islam wajar diaplikasikan. Kejayaan sistem perbankan Islam, *ar-rahnu* (pajak gadai) antara bukti daya usaha amali sistem ekonomi yang tidak terkeluar dari daya saing yang sempurna bahkan menjadi ikutan kepada sistem ekonomi barat dalam kaedah kapitalisme. Penerokaan terhadap sistem ekonomi Islam seharusnya diteruskan tanpa henti dan diaplikasikan biarpun pertama kalinya di Nusantara.

9. Hambatan Kekuatan Bahasa Melayu dan Penguasaan Bahasa Asing.

Di dunia Melayu atau Asia Tenggara, bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan bagi Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura dituturkan di selatan Thailand, Kemboja-Vietnam, tenggara Myanmar, Mindanao-Sulu dan asalnya dari rumpun bahasa Austronesia di kepulauan Pasifik menjalar ke barat Lautan Hindi dalam geobudaya luas Malayo-Polinesia atau Malayonesia.

Dalam perkembangan dan keperluan baharu, Bahasa Melayu memiliki paling minimum dua tugas yakni sebagai bahasa kebangsaan dan matlamat mengangkat perkembangannya ke peringkat antarabangsa [A Aziz, 2023; hal.178-179. Apabila wujudnya suatu kemahuan dan kesedaran tinggi, tidak mustahil dalam masa terdekat bahasa Melayu/Indonesia kerana potensinya yang besar akan menjadi bahasa

komunikasi di Asia Tenggara (di kalangan negara-negara ASEAN). Bahasa asas pembinaan tamadun atau peradaban bangsa. Bahasa Melayu ialah bahasa Nusantara. Seluruh rakyat Nusantara wajib menguasainya dengan baik sebagai bahasa ilmu, wahana komunikasi, dan segala macam keperluan yang lain.

Penulis tidak ingin berpanjang lebar tentang kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris, malah ada keperluan bagi umat Islam di Nusantara mengukuhkan penguasaan bahasa Arab dan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain bagi tujuan komunikasi seperti bahasa Perancis, Sepanyol dan satu dua yang lain. Cuba pula direnungi salah satu perspektif atau rasional kenapa keperluan kita hanya untuk menguasai bahasa Inggeris? Ya! Mungkin kerana kebanyakan penemuan-penemuan ilmu baharu hari ini datang dari Eropah atau Barat serta disebar dalam bahasa Inggeris. Masakini pula, bahasa Inggeris berperanan dan berfungsi menjadi bahasa pertama di dunia.

Hambatan dan kelemahan umat Melayu-Islam dikatakan nyata kurang dalam penguasaan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa ilmu dan bahasa pengantar komunikasi dunia hari ini. Jika orang umat Melayu lemah bahasa Inggeris, persoalannya bagaimanakah mereka hendak memperoleh ilmu-ilmu baharu ini dalam masa yang singkat. Masalahnya ialah cara kita meletakkan perspektif yang betul terhadap bahasa, Perkasakan bahasa Melayu kerana fungsinya ada perbezaan dalam aspek-aspek tertentu, maka junjunglah ia, tetapi bahasa-bahasa lain perlu dikuasai mengikut golongan berkepentingan, misalnya orang-orang profesional, diplomat, para pedagang, pengamal undang-undang dan bermacam bidang kepakaran lagi. Menguasai bahasa-bahasa utama tidak akan merugikan kerana ada keperluan dalam konteks situasi masing-masing.

10. Hambatan Persuratan dan Kesusasteraan.

Persuratan dan kesusasteraan tidak sepatutnya dipandang remeh dan diabaikan. Peranan dan signifikan persuratan dan kesusasteraan adalah besar impaknya terhadap peradaban bangsa, bagi mana-mana bangsa pun di dunia ini, dan sudah tentulah termasuk dampaknya pada Peradaban Melayu Islam Nusantara. Amerika, Eropah, Rusia, China, Jepun dan lain-lain tidak hanya mementingkan bidang sains dan teknologi, sebaliknya amat berbangga dengan kegemilangan dan kemasyhuran bidang persuratan dan kesusasteraan masing-masing. Peradaban mereka ikut terserlan melalui persuratan. Pencapaian martabat kesusasteraan diterima sebagai salah satu bukti pencapaian tinggi peradaban mereka. Peradaban Melayu Islam

Nusantara harus memperkasa lagi akan signifikan ini kerana persuratan dan kesusasteraan juga merupakan sebahagian antara kedinamikan bangsa dan peradaban. Lihatlah tradisi ini di Eropah, Rusia, China dan seumpamanya [lihat A.Aziz, 2015; Bab 11].

11. Hambatan Melihat Kepentingan Bahasa Arab.

Bahasa Arab adalah bahasa utama agama Islam. Peranannya jauh lebih besar berbanding dengan bahasa-bahasa agama Islam yang lain seperti bahasa Parsi, bahasa Urdu, bahasa Melayu, bahasa Turkiye dan satu dua bahasa yang lain. Jadi dunia Islam hendaklah menggalakkan golongan terpelajar untuk menguasai bahasa Arab. Bahasa ini bukan sahaja bermanfaat untuk lebih memahami dan mendalami *Al-Quran* dan *Al-Sunnah*, tetapi bertujuan mewujudkan lebih ramai golongan intelektual dan sarjana untuk melakukan kerja-kerja kajian dan penyelidikan terhadap banyaknya khazanah keilmuan Islam yang tertulis dalam bahasa Arab oleh para cendekiawan Islam silam. Pakar-pakar bidang ilmu boleh membuat kerja-kerja penterjemahan ke bahasa Melayu atau kepada umat Islam yang lain bagi tujuan perkongsian ilmu secara lebih meluas, apabila mereka kuasai bahasa Arab dengan baik.

12. Hambatan Dalam Penterjemahan Ilmu.

Terjemahan adalah penting, bukan sahaja untuk segala warisan dan khazanah keilmuan Islam pada zaman lampau, tetapi juga penulisan dan persuratan oleh para cendekiawan Islam pada masa kini. Hal ini, sebagai contohnya bukan sahaja dalam konteks dari Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu, tetapi sebaliknya dari khazanah keilmuan dari peradaban Melayu ke dalam Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan lain-lain. Justeru, hakikat kedinamikan peradaban adalah juga melalui kesilangan penterjemahan, ada perkongsian ilmu dan pemanfaatan bersama oleh umat Islam di persada global. Gerakan secara serius patut disepakati oleh keserjanaan Nusantara dan dirangkaikan secara strategik kerjasama institusi dan organisasi di rantau ini.

13. Hambatan Kearifan Tempatan.

Kearifan tempatan dalam serba-serbi aspek dan bidang yang dapat diwarisi daripada kegeniusan nenek moyang – meliputi kesusasteraan, seni budaya, tradisi lisan, perubatan tradisional, makanan tradisional, ketukangan tradisional tidak sepatutnya diabaikan sehingga pupus di arus peredaran zaman. Kearifan tempatan itu harus dipulih, dipelihara, dijana dan dikedepankan pemanfaatannya. Teras ini berguna bagi mengutuhkan jati diri dan wawasan peradaban bangsa. Selain contoh dari beberapa

buah negara barat dan negara maju, misalnya seperti Jepun dan Korea, teras ini tidak diabaikan. Peradaban Melayu Islam Nusantara, sebenarnya, boleh dan harus berbangga kerana sudah memiliki dan mewarisi sekian banyak kearifan tempatan. Kearifan ini boleh diperkasakan bagi mengutuhkan peradaban pada masa kini dan untuk sepanjang zaman. Bangsa-bangsa Nusantara kaya budaya kerana memiliki aneka warisan tradisional dalam ukiran, kerajinan tangan, perusahaan batik, songket, pembikinan pengangkutan air atau sebagainya yang boleh dibangun dan dimajukan secara moden.

14. Hambatan Hala Tuju Kehidupan Generasi Muda.

Generasi muda merupakan golongan yang paling penting untuk diambil cakra dalam sesebuah negara. Masa depan sesebuah negara, peradaban bangsa, dan peradaban Islam adalah terletak pada generasi muda. Golongan ini harus dididik menjadi manusia berilmu dan sahsiah bermutu tinggi. Jika rosak generasi muda, maka rosaklah masa depan agama, bangsa dan negara yang akan mempengaruhi kebangkitan citra peradaban sendiri. Oleh itu, generasi muda hendaklah terbimbing dan terarah kepada hala tuju yang tepat, diasuh akhlak, diperkasa dengan ilmu dan didorongkan cita-cita tinggi dengan berjiwa besar.

15. Hambatan Persahabatan Antarabangsa.

Silaturahmi masyarakat Islam, *ta'aruf* dalam kalangan negara bangsa dan dalam lingkungan peradaban di rantau ini amat perlu ditingkatkan. Hal ini dapat menyempurnakan lagi isu persahabatan antarabangsa, ukhwah dan setiakawan dalam konteks hubungan diplomatik. Dari sudut ini, pada masa sekarang, syukur alhamdulillah, kerana persahabatan antarabangsa kelihatan kukuh kerana masyarakat Islam di rantau ini begitu padu hubungan silaturahmi. Bagaimana pun, tentu sekali masih banyak langkah dan ruang usaha yang boleh dilaksanakan ke arah memperkasa keutuhan rasa persaudaraan serantau ini. Untuk itu hal ini harus benar-benar dijaga dan diutamakan kerana keutuhan berbangsa dan bernegara serta kelahiran peradaban adalah ikut diasaskan oleh silaturahmi dan persefahaman antarabangsa. Hubungan dan jalinan setiakawan memang menjadi suatu tuntutan dalam Islam. Perhubungan mesra diplomatik kenegaraan, jika benar-benar dijalinan persefahamannya, maka banyak lagi hasil-hasilnya dapat dicapai.

Kesimpulan

Umat Melayu-Islam adalah pendukung peradaban Islam Nusantara, sewajarnya mengimbau kembali kepada persoalan membina sebuah landasan peradaban yang berpegang kepada *al-Quran* dan *al-Sunnah*. Kedua-dua sumber itu hendaklah dijadikan rujukan dan pedoman untuk membina, memaju dan mengembangkan kandungan peradaban di bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Tumpuan perhatian kepada kebudayaan meliputi aspek-aspek pembinaan dan pengembangan bahasa, persuratan, kesusasteraan, kepustakaan ilmu dan kesenian serantau dan sebagainya. Citra peradaban terhasil dari budaya tinggi yang dapat disaksikan melalui kestabilan politik, kemajuan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemampuan kebudayaan. Maka telitilah dahulu kelemahan dan kekuatan yang ada. Kebangkitan Islam di Nusantara tetap terletak di bahu umat rumpun Melayu-Islam.

Penulis pernah menjelaskan pada suatu bicara dahulu bahawa hakikat yang benar-benar harus disedari ialah: *Sesebuah peradaban tidak terbina kukuh di landasan perbezaan, tetapi tegak atas perkongsian persamaan* (A Aziz: 2021). Maka, pencapaian dan kedinamikan peradaban Melayu-Islam Nusantara ini hanya akan berdaya tegak tegap kukuh berdiri dengan utuh secara mandiri bersama. Dinamikkanlah peradaban Melayu-Islam. Citra praktis amalan antara pelbagai budaya ialah wujudnya garis perbezaan antara kebudayaan Arab-Islam, Parsi-Islam, Pakistan-Islam, Cina-Islam, India-Islam atau seumpamanya, tetapi umat Islam itu ada kesatuan dalam kepelbagaian, tetap disatukan oleh akidah Islam. Maka dorongan kepada kedinamikan yang lebih ke depan sepatutnya dapat disepakati bersama antara negara-negara Nusantara, "hati hendak seribu jadi".

Bangsa-bangsa Islam itu selamanya hendaklah bijaksana dan berhikmah menyelesaikan isu-isu, menghindari permasalahan dan mengatasi segala hambatan yang menyebabkan terkikis dan terhakisnya keunggulan peradaban sendiri. Kebangkitan Islam di Nusantara akan terus teguh dan utuh, bertambah dinamik sebagai sebuah peradaban yang disegani, dihormati sekiranya semua lapisan dan peringkat umatnya dipimpin oleh para pemimpin yang bijaksana, beriman dan bertakwa. Justeru, peradaban Islam di Nusantara ini akan dapat meneladankan citranya kepada mana-mana peradaban bangsa-bangsa lain dan negara-negara lain di dunia ini.

Bibliografi:

A Aziz Deraman, **Minda Dunia Melayu**, 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A Aziz Deraman, **Jati Diri Bangsa**, 2021. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

A Aziz Deraman, **Pasak Citra IV, Islam dan Globalisasi Dalam Pembinaan Peradaban**, 2022. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A Aziz Deraman, **Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia**, 2023. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Arof Ishak, **The Malay Civilization**, 2007. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Dr Yusuf Qardhawi, **Umat Islam Menyongsong Abad Ke-21**, 2001. Laweyan Solo: Era Intermedia.

Fathiyah Mohd Fakhruddin et.al, **Pembangunan Modal Insan Menurut Islam**, 2022. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Salleh, **Negara Bangsa Malaysia**, 2024. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A AZIZ DERAMAN

Dato' Haji A Aziz Deraman kelahiran 1948 ialah Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN) sejak penubuhannya tahun 2011. Beliau merupakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan pernah menjadi Ketua Pengarah Kebudayaan (1981-1987) dan Setiausaha Kebudayaan (1987-1989). Jawatan terakhir beliau ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1994-2004). Dato' Aziz telah dilantik Prof Tamu (Kehormat) *Guangdong University of Foreign Studies (GDUFS)*, Guangzhou, China (2001 – 2006), Prof Adjung Universiti Utara Malaysia (UUM) (2007-2009) dan Penerima Anugerah *Culture and Education*, Universiti Sokka, Tokyo, Jepun (2006). Beliau banyak menerima anugerah dari dalam dan luar negeri. Dato' Aziz menulis makalah dan buku tentang pemikiran kebudayaan, peradaban dan terkenal sebagai budayawan-pentadbir dan sasterawan-penyair.

HUBUNGAN ANTARA INSTITUSI MASJID DI MALAYSIA DENGAN KONSEP RAHMATAN LIL-ALAMIN

MOHD ADERI BIN CHE NOH

Abstrak

Penulisan ini memuatkan perbincangan berkaitan konsep Masjid di Malaysia, sejauh mana menepati konsep rahmatan lilalamin yang merupakan asas utama perutusan Nabi Muhammad SAW. Berasaskan konsep rahmatan lilalamin maka muncullah Masjid Rahmah yang mementingkan penyatuan dan keamanan ummah sejagat. Ini sekaligus menangkis fahaman sempit kepada fungsi masjid. Dalam penulisan ini, penulis membincangkan cabaran dalam mewujudkan institusi masjid yang menepati konsep rahmatan lilalamin agar dapat memberi pendedahan kepada pembaca agar menangkis segala pandangan ekstrim berkaitan fungsi masjid. Di akhir penulisan, ditegaskan sekali lagi bahawa fungsi masjid seharusnya selari dengan konsep rahmatan lilalamin. Ini berasaskan kepada pengurusan, pengimarahannya, kemudahan prasarana dan persekitaran masjid yang mampu mewujudkan kasih sayang sesama Islam dan merai masyarakat yang berlainan agama.

Kata kunci: Masjid, Rahmatan lilalamin, kasih sayang, persaudaraan, Rasulullah SAW

Pengenalan

Masjid merupakan institusi yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan spiritual, sosial dan budaya umat Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid adalah asas utama perjuangan Rasulullah SAW sebagai “rahmatan lil-alamin” iaitu membawa kedamaian dan ketenteraman dalam kehidupan sekaligus sebagai asas menuju kebahagiaan dunia dan akhirat. Menurut Shahirah et al. (2015), dalam membawa risalah Islam melalui masjid, Rasulullah SAW memulakan misi mempersaudarakan muhajirin dan ansar. Mereka hidup penuh kasih sayang, hormat menghormati antara satu sama lain. Begitu juga pandangan Zaleha Embong (2016), melalui masjid juga Rasulullah SAW dapat meyakinkan masyarakat Madinah yang pelbagai kaum dan qabilah bahawa Islam adalah agama yang mengamalkan prinsip toleransi. Mereka boleh mengamalkan ajaran agama masing-masing tanpa sebarang gangguan.

Persoalannya, apakah kesan rahmatan lil-alamin berasaskan institusi masjid boleh dirasakan oleh seluruh masyarakat, samada Islam mahupun bukan Islam. Apakah Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) yang telah dibangunkan semenjak 2009 mampu menepati konsep RLA? Sedangkan berdasarkan seerah menunjukkan kesan kerahmatan yang terpancar melalui masjid pertama di Madinah munawwarah bersinar terus

sehingga pembukaan Kota Mekah pada tahun ke 8 Hijrah. Masjidil Haram adalah Baitullah yang mengumpul seluruh umat Islam tanpa mengira pangkat, darjat mahupun keturunan dan warna kulit. Ini adalah lambang kerahmatan yang dibawa melalui masjid. Ia berkembang ke seluruh dunia sejak 1440 hijrah yang lalu.

Di Malaysia khususnya, pancaran rahmat melalui roh pembinaan masjid dalam kalangan umat Islam menjadi menjadi wadah penyatuan ummah, payung keamanan sejagat antara pelbagai kaum serta lambang toleransi keagamaan dalam negara. Di mana letaknya Profesionalisme dalam urus tadbir masjid berasaskan RLA? Jakim telah merekodkan sejumlah 6,315 buah masjid seuruh negara. Ini membuktikan bahawa masjid mempunyai fungsi yang penting dalam pembinaan negara bangsa. Menurut Mohd Kamarul Amree et.al (2014) pembinaan Masjid Quba' dan seterusnya Masjid Nabawi membuktikan asas perpaduan ummah dan pengukuhan Islam telah terbina sejak dahulu lagi. Ini merupakan salah satu daripada contoh hifz al-din (pemeliharaan agama) yang menjadi teras rahmatan lil-alamin. (Justeru, Apakah indikator memastikan Profesionalisme dalam urus tadbir masjid berasaskan RLA dibuat dan difahami secara berobjektif)

Kajian Ari Saputra & Bayu Mitra Adhyatma Kusuma (2017) mendapati institusi masjid semakin mengalami penyempitan peranan dan fungsinya sehingga menimbulkan pelbagai persepsi negetif yang boleh menghalang ke arah penyatuan ummah. (Adakah hal ini timbul, di mana letaknya Profesionalisme dalam urus tadbir Masjid RLA) Asalnya masjid sebagai pusat ketamadunan ummah, kini menjadi sekadar sarana ibadah pelengkap di berbagai tempat. Pandangan tersebut disokong oleh Nor Azlina Abd. Wahab et.al (2016) yang menyatakan masjid bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan yang menjadi rujukan utama berkaitan hal ehwal agama dan menghimpunkan para alim ulamak bagi menyampaikan ajaran Islam. Institusi masjid juga berfungsi sebagai agen sosial dalam sesebuah masyarakat (sejauh mana terlaksana?).

Penulis berpandangan bahawa, cabaran terhadap memperkasakan masjid kearah rahmatan lil-alamin perlu diperjelaskan kepada umat Islam supaya usaha dakwah dan sistem penyampaian, boleh menarik minat seluruh umat manusia tanpa mengira agama, bangsa, budaya, kaum, keturunan, dan sebagainya. Kefahaman yang ekstrem terhadap masjid semata-mata hak umat Islam telah menghalang usaha ke arah rammatan lil

alamin. Kefahaman yang jitu terhadap fiqh berkaitan masjid mampu mengembalikan semula kegemilangan institusi masjid sebagai asas rahmatan lil alamin.

Adakah masjid boleh didatangi oleh orang bukan Islam untuk mendalami ilmu Islam?. Bolehkah wang zakat atau sedekah melalui masjid diberikan kepada non muslim yang memerlukan?. Bolehkah non muslim menyertai aktiviti kemasyarakatan dan sosial bersama umat Islam di masjid. Bagaimanakah tindakan institusi masjid melaksanakan hak-hak kejiwaan terhadap non muslim. Apakah “*dakwah bil-hal*” telah terhakis dalam usaha dakwah umat Islam sehingga institusi masjid kurang pancaran rahmatan lil-alamin. Ia boleh dilihat dalam pelbagai polimik pemikiran, isu sosial, serta fenomena negatif yang dikaitkan dengan institusi masjid.

Cabaran Semasa Terhadap Institusi Masjid

Konsep rahmatan lil-alamin dalam pemeraksanaan masjid sebagai institusi utama menjadi semakin pudar apabila pelbagai isu negatif dikaitkan dengan masjid sentiasa dilaporkan dalam media sosial. Islam sering dipandang negatif dan fenomena islamofobia semakin hari semakin merebak di dalam masyarakat sama ada di Malaysia mahupun di arena antarabangsa. Umat Islam sering sahaja dikaitkan dengan keganasan dan perang. Kesanya, Umat Islam menjadi mangsa keganasan. Pembunuhan kejam terhadap 50 umat Islam yang ingin menunaikan solat jumaat. Dua buah masjid di Christchurch, New Zealand telah menjadi sasaran kumpulan Islamofobia untuk melakukan pembunuhan (Berita Harian 15 Mac 2019).

Apakah minda masyarakat moden hari ini lebih teruk atau sama dengan masyarakat jahiliah. Persoalannya, apakah persediaan umat Islam Malaysia untuk membuka minda manusia sejagat bahawa Islam adalah agama yang penuh toleransi. Islam amat memahami kepelbagaian agama di dunia. Perlembagaan Negara Malaysia dalam perkara 3(1) jelas memberi ruang yang cukup harmonis dalam mengamalkan ajaran agama masing-masing. Menurut Wan Ahmad Fauzi et. al (2017) bahawa masjid adalah tempat ibadat umat Islam yang mampu melahirkan insan yang bersifat berkasih sayang antara satu sama lain.

Sultan Selangor, Sultan Sharifuddin Idris Shah pada 4 Mac 2019 telah menzahirkan rasa bimbang dengan pelbagai ancaman yang boleh mencemarkan kesucian dan kemuliaan agama Islam serta melemahkan umatnya. Masjid menjadi asas sebagai institusi

penyatuan ummah bukan tempat melemparkan pelbagai propaganda dan ajaran sesat (Utusan Malaysia 4 Mac 2019a). Kajian yang telah dibuat oleh M. Zohdi Et.al (2014) mendapati terdapat empat faktor ketegangan kaum. Salah satunya isu pengurusan rumah ibadat yang tidak mencerminkan konsep rahmatan lil-alamin. Isu pemecatan 25 imam di perlis dan saranan mufti supaya imam melakukan sihir, membawa kepada beberapa laporan polis dibuat terhadap mufti boleh mencemarkan imej pengurusan institusi masjid (Utusan Malaysia 20 Januari 2019b). Isu lemparan kepala khinzir ke dalam masjid (Malaysiakini 27 Januari 2010). Begitu juga berlaku perebutan

Melalui pemerhatian penulis, masyarakat hari ini melihat masjid sebagai tempat ibadah khusus dalam kehidupan muslim. Persepsi sedemikian perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memahami konsep sebuah masjid dan menyedari pentingnya peranan sebuah masjid dalam membangunkan ummah. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan lebih penting dari itu di mana masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam. Oleh itu kehebatan sesebuah masjid bukanlah bergantung kepada senibinanya semata-mata tetapi juga kepada tahap pengimarannya. Segala aktiviti dan program pengimaran masjid hanya tertumpu kepada pelaksanaan solat wajib sahaja dan ia hanya dipelopori oleh golongan dewasa dan vateran. Golongan belia dan remaja merupakan aset penting masa depan umat Islam. Namun kenapa golongan ini kurang kelihatan dalam memenuhi saf-saf di masjid. Apakah ruh rahmatan lil alamin daripada masjid tidak wujud? Kajian yang dilaksanakan oleh Mohamad (2016), terhadap tiga buah masjid sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati masjid tersebut kurang mesra remaja.

Penulis menekankan golongan remaja kerana tenaga dan potensi golongan muda dan remaja sebagai mata rantai perjuangan Islam. Itulah yang perlu digilap dan ditarbiah agar mereka dapat lahir menjadi insan rabbani. Bayangkan jika masjid dipenuhi dengan golongan belia, remaja setiap waktu dengan pelbagai aktiviti, sudah pasti Allah menurunkan rahmatnya. Impaknya lahir masyarakat rabbani sekaligus matlamat “*dakwah bil hal*” kepada seluruh umat manusia termasuk bukan Islam menjadi kenyataan. Remaja sebagai golongan yang masih kuat fizikal dan segar pemikirannya mesti diberi perhatian sepenuhnya supaya mereka tidak terus terabai dan terlibat dengan aktiviti tidak bermanfaat yang akan merugikan masa depan ummah. Oleh demikian umat Islam harus memantapkan lagi peranan masjid dalam usaha membangunkan

ummah yang cemerlang memandangkan hubungan masyarakat Islam dan masjid tidak boleh dipisahkan kerana saling berkait dan saling memerlukan.

Masjid dan Konsep Rahmatan Lilalamin

Istilah masjid adalah berasal dari bahasa arab yang diambil dari perkataan “sajada, yasjudu, sajan”. Perkataan sajada ini merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat. Apabila merujuk kepada sesuatu tempat maka istilahnya menjadi “masjidun” yang membawa kepada maksud tempat sujud menyembah Allah SWT. Oleh itu istilah masjid merujuk kepada suatu tempat atau bangunan yang fungsi utamanya adalah sebagai tempat solat, bersujud menyembah Allah SWT.

Perkataan masjid dalam bahasa Arab juga bermaksud tempat beribadah atau dinamakan ‘jamik’ atau tempat berkumpul. Masjid juga bermaksud suatu binaan atau bangunan yang diperbuat daripada kayu atau batu yang dijadikan sebagai tempat umat Islam mengerjakan ibadat sembahyang Jumaat dan berjemaah serta lain-lain kegiatan agama di dalamnya.(Hidayat et al. 2012). Konsep masjid pada hari ini perlu difahami secara lebih luas. Masjid bukan sahaja tempat umat Islam menunaikan solat berjemaah, malah lebih dari itu, masjid asas kepada pembinaan peradaban manusia Walau bagaimanapun konsep masjid bagi pandangan penulis luas dari itu. Fungsi masjid boleh diperluaskan kepada seluruh umat manusia dalam pelbagai aspek samada pendidikan, ekonomi, politik, dan sosial tanpa mengira agama, bangsa dan sebagainya. Ia mesti berlandaskan Al-quran dan as-sunnah tanpa melanggar hukum dan syariat Islam. Mangkaji fiqh masjid dalam kontek Mu’asarah (semasa) memberi impak yang besar dalam mencapai realiti masjid sebagai asas rahmatan lil-alamin.

Masjid merupakan institusi pertama dibina Rasulullah s.a.w. sebagai bukti rahmatnya kepada pembinaan tamadun manusia. Hari ini sungguhpun masjid bukan lagi pusat pemerintahan dan pengurusan negara, tetapi peranannya tetap kekal sebagai institusi sosial, pusat khidmat setempat, kepada penduduk sekitar. Dalam persekitaran masyarakat majmuk, institusi masjid tentunya perlu membuka ruang yang lebih luas dengan menghulurkan sumbangan dan peranan sesuai terhadap keperluan persekitaran seluruh masyarakat. Apakah wajar masjid terus kekal sebagai milik peribadi umat Islam semata-mata tanpa boleh dikongsi sama oleh orang lain? Persoalan lain yang turut

pentingnya ialah sejauh mana masjid prihatin dengan lingkungan dan persekitaran masyarakat majmuk yang menghuni di persekitarannya?

Konsep rahmatan lil alamin terhadap institusi masjid boleh menjawab pelbagai persoalan berkaitan dengan bagaimana kesan “*rahmat kepada sekalian alam*” boleh dirasakan oleh semua makhluk bukan sahaja insan, malah haiwan dan tumbuhan. Mustahak juga untuk menjelaskan keperluan bukan Islam memperoleh ilmu dan hidayah melalui masjid. Bolehkah mereka sama-sama mendengar dan mempelajari Islam di masjid? Bolehkah bukan Islam menyertai aktiviti kemasyarakatan bersama muslim dimasjid. Bolehkah mereka menerima sumbangan, wang derma, zakat daripada institusi masjid. Bolehkah mereka menjadikan masjid sebagai tempat perlindungan? Bagaimana rahmat boleh berlaku sekiranya keterbatasan ini tidak diperjelaskan sebaiknya. Islam adalah agama rabbani bersifat alamiyyah, waqiiyyah, syumuliiyyah. Islam juga bersifat Murunah, Namun Islam tetap tegas dalam perkara-perkara thabat terhadap hukum yang tiada khilaf. Oleh itu, dalam menjelaskan konsep rahmtan lil-alamin melalui masjid, penulis membahaskan hukum-hukum yang terdapat khilaf antara ulamak serta mengaitkannya dengan konsep rahmatan lil-alamin.

Para sarjana berpendapat bahawa konsep rahmatan lil-alamin ada begitu luas. Ia adalah gabungan kalimah “Rahmat” yang membawa maksud belas kasihan. Manakala kalimah “lil-alamin” membawa maksud alam semesta yang meliputi langit dan bumi. Dua kalimah tersebut telah difirman oleh Allah SWT dalam salah satu ayat dari surah al-anbiya’ 17 : 107.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Tidaklah Kami mengutusmu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Abdullah Basmeih 2000: 687)

Al-Imam al-Tabari menghuraikan pengertian rahmat sebagai satu elemen ketuhanan yang bersifat universal (alamiyyah) yang menaungi setiap makhluk. Al-Imam Ibn al-Jawzi (1987) menghuraikan kalimah rahmat yang terdapat dalam al-quran dengan kepelbagaian maksud nikmat, kesihatan, kehalusan (al-riqqah), pengampunan, kasih sayang (al-mawaddah), pemeliharaan (al-‘ismah), dan beberapa pengertian yang lain. Ahmad Mushthafa al-Maragy menjelaskan bahawa rahmat dibawa dibawa oleh Nabi

Muhammad SAW berupa Al-Quran dan Syariat serta hukum untuk kebahagiaan makhluk di dunia dan akhirat. Manakala H.M. Quraish Shihab (2009) dalam menafsirkan ayat tersebut dengan mengatakan rasul adalah rahmat, bukan saja kedatangan beliau membawa ajaran, tetapi juga sosok dan kepribadian baginda adalah rahmat yang dianugerahkan Allah Swt kepada baginda. Pandangan Fuad Jabali terhadap konsep rahmatan lil-alamin merangkumi kasih sayang pada semua makhluk termasuk manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, air, tanah, api, udara dan sebagainya. Kerana semua makhluk di alam ini mempunyai hakikat kehidupannya yang tersendiri. Ahmad Nadjib Burhani, pula berpendapat Islam rahmatan lil-alamin melahirkan sebuah sikap yang bijaksana dalam pelaksanaan, iaitu sikap yang profesional, tidak mudah terpengaruh, tidak emosional, tetapi tetap sabar sambil memberikan pemahaman yang lengkap tentang Islam. Pelaksanaan Islam rahmatan lil-alamin menjadikan seseorang rasional, dapat menguasai diri diri, sabar, terus mencari jalan keluar, persuasif, pemaaf, kasih sayang, husnu al-dzann (berbaik sangka), tasamuh (toleran), tawasuth (moderat), adil, dan demokratik.

Daripada pengertian yang dikemukakan oleh beberapa sarjana tentang konsep rahmat, penulis dapat menggambarkan bahawa wujudnya perkaitan yang erat antara fungsi institusi masjid yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dengan keperluan dakwah kontemporari. Ia memperatikkan amalan toleransi, belas kasihan, kasih sayang, hormat menghormati, sifat kasih belas kasih, sifat sayang sesama insan walaupun mereka bukan dari kalangan orang Islam.

Kesan Kerahmatan terhadap bukan Islam melalui institusi masjid perlu bermula dengan kekuatan yang dibina oleh umat Islam terlebih dahulu. Contohnya sifat berlapang dada dan toleransi serta pemaaf yang ditunjukkan oleh umat islam di New Zeland terhadap kes pembunuhan tidak berperi kemnusiaan. Umat Islam mengutuk kekejaman tersebut tetapi tidak mengambil tindakan membalas dendam. Ini merupakan rahmat kepada bukan Islam. Masyarakat bukan islam di sana semakin bersifat memahami islam. Peluang beribadat diberi ruang yang lebih luas. Inilah yang diktakan rahmat disebalik dugaan dan ujian.

Dalam kontek masyarakat berbilang kaum di Malaysia, umat Islam perlu lebih terbuka untuk menerima mesyarakat bukan Islam mengambil bahagian dalam aktiviti masjid. Anggapan segolongan umat Islam bahawa orang bukan Islam haram sama sekali

menghadiri dan menyertai aktiviti masjid perlu diperbetulkan. Suatu perancangan perlu dilakukan kerana pendekatan dakwah pada bukan Islam sekarang tidak berlaku dalam institusi Islam. Pada peringkat awal mungkin beberapa perkara yang berhubung dengan hukum perlu difahami. Halangan pemikiran (mental block) dan cara berfikir lama perlu diganti dengan cara berfikir baru yang progresif dan sesuai dengan tuntutan semasa.

Sebagai dalil, Rasulullah s.a.w. menerima tetamu asing sama ada muslim atau tidak untuk datang berbincang di masjid. Rasulullah saw juga telah memberi kebenaran kepada ketua negara Najran untuk menunaikan sembahyang mereka di masjid al-Rasul ketika dalam satu sesi pertemuan mereka dengan Rasulullah saw. Ketika itu Rasulullah saw baru sahaja selesai menunaikan solat Asar Al-Qasim (1984). Khalid al-Walid telah mengadakan perjanjian dengan penduduk Anat setelah berjaya mengalahkan mereka. Khalid al-Walid telah memberi keizinan kepada mereka meniup naqus pada bila-bila masa siang atau malam kecuali pada lima waktu orang-orang Islam menunaikan sembahyang Abu Yusuf (1382).

Jika dianalisis dari aspek hukum syarak, Ulama Islam membahagikan masyarakat bukan Islam kepada enam kategori, iaitu ahlu al-kitab, al-Saibah, Majusi, al-Dahriyah, Musyrikun dan murtad. Bagi orang bukan Islam yang tinggal dalam negara Islam pula ulama Islam membahagikan kepada Zimmi, Musta'min, Muaahad dan kafir harbi (Zaydan, 1976, hlm 15). Mengikut mufti Terengganu, Yusuf al-Zawawi (1971) yang pernah mengeluarkan fatwa, orang-orang bukan Islam yang terdapat di Malaysia ialah kafir zimmi. Dan mengikut mufti Kelantan, Ismail Yusof (1981) orang-orang bukan Islam yang tinggal di Malaysia ialah bukan kafir harbi. Oleh itu boleh dibuat kesimpulan bahawa golongan bukan Islam yang terdapat di negara ini dikenali sebagai kafir zimmi kerana mereka menghormati dan patuh pada perlembagaan negara, membayar cukai-cukai yang dikenakan dan tidak menentang pemerintah.

Oleh itu, Perkara yang menyentuh tentang hukum masjid antara Islam dan bukan Islam adalah muktamad dan perlu ada garis sempadan. Tetapi perkara yang berhubung dengan aktiviti sosial, ia perlu dikembangkan supaya masjid menjadi medan dakwah terbaik kepada pelbagai masyarakat. Aktiviti yang telah dilakukan selama ini yang khusus kepada orang Islam boleh dikembangkan kepada masyarakat bukan Islam.

Antara cadangan kearah masjid sebagai asas rahmatan lil alamin ialah membuka ruang dan peluang kepada bukan Islam menyertai majlis ilmu melalui masjid. masjid boleh menjadi medan dakwah kepada bukan Islam amnya. dengan penubuhan suatu unit atau jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam ruang lingkup pendekatan dakwah Kewujudan kelas-kelas pengajian umum berkaitan tasawwur Islam oleh ahli-ahli jawatankuasa masjid merupakan antara usaha dakwah yang boleh dirancangan. Sebagai model contoh, Rumah al-Arqam ibn Arqam dipilih sebagai tempat Rasulullah SAW mengajar agama atau dikenali sebagai kelas fardu ain kepada golongan yang baru memeluk Islam . Oleh itu. satu ruangan pembelajaran umum boleh disediakan persekitaran masjid iuntuk tujuan tersebut.

Jika ditinjau pada hari jumaat, mereka datang ke masjid untuk mengiklankan pelbagai produk jualan mereka. Mereka sanggup berdiri di pintu-pintu persekitaran masjid untuk menyebarkan pelbagai risalah. Pihak masjid boleh merebut peluang ini menyediakan ruang di persekitaran masjid untuk mereka sama-sama mendengar khutbah jumaat. Selain itu, penggunaan perpustakaan masjid perlu lebih terbuka dan mesra bukan Islam. Sebagai contoh, masjid yang berhampiran dengan sekolah, boleh memberi ruang kepada pelajar-pelajar bukan Islam untuk menggunakan perpustakaan masjid bagi mendoatkan maklumat. Sebagai masyarakat Malaysia yang majmuk, umat Islam perlu lebih terbuka dalam melaksanakan usaha dakwah kepada seluruh masyarakat termasuk bukan Islam.

Masjid adalah institusi rahmat. Islam membenarkan orang bukan Islam melawat masjid. Binaan masjid yang indah dengan kepelbagaian reka bentuk boleh menjadi salah satu medium “ *Dakwah bil-hal*” untuk menarik lebih ramai pelancong untuk membuat lawatan seperti Masjid Putrajaya. Menurut pandangan Umar & Ashaari (2019) Kekuatan umat Islam dan pengaruh agama sebagai ramat kepada seluruh alam dapat digambarkan melalui kekuatan pengimarah masjid oleh umat Islam. gambaran utama yang boleh membuktikan perkara ini ialah kewujudan masjid di setiap penempatan masyarakat seluruh negara. Ia disokong oleh Aziz et al. (2016) yang menyatakan statistik JAKIM tahun 2018 merekodkan bilangan masjid di seluruh negara adalah sebanyak 6,315 buah. Oleh kerana itu, usaha mempromosikan masjid sebagai destinasi menarik di Malaysia kepada pelancong bukan Islam akan membantu dalam

memulihkan salah anggap mereka terhadap Islam dan isu Islamofobia melalui pendekatan dakwah yang disampaikan.

Selain daripada itu, adalah mustahak fungsi masjid diperluaskan dengan program kemasyarakatan terhadap bukan islam. Aktiviti ziarah, terhadap bukan islam yang berkeperluan, sakit dan miskin boleh dianjurkan oleh pihak masjid. Bantuan kewangan zakat, derma, boleh dihulurkan. Rasulullah saw telah menunjukkan contoh tauladan kepada bukan islam sehingga mereka tertarik kepada keindahan islam. Persoalan hari ini adakah zakat dibolehkan kepada bukan islam. Hal ini telah menjadi khilaf dalam kalangan ulamak. Masalah bolehkah bahagian sadaqah wajib atau yang dinamakan zakat diberikan kepada bukan muslim adalah masalah khilafiyah (perbezaan pendapat) dalam kalangan fuqaha (sarjana fekah). Al-Imam al-Syafi'i r.h (w. 204H) berpendapat tidak boleh tokoh-tokoh dalam mazhab al-Syafi'i akan menegaskan hal yang sama. Ini seperti al-Imam al-Syirazi dalam al-Muhazzab, al-Imam an-Nawawi dalam al-Majmu' dan lain-lain. Berdasarkan asas 'kekufuran' itu menghalang bukan muslim menerima peruntukan zakat, maka –dalam Mazhab al-Syafi'i mereka tidak boleh menerimanya samada atas tiket kefakiran ataupun muallaf.

ika kita melihat pendapat yang lain, sebahagian para fuqaha menyatakan mereka boleh menerima zakat atas peruntukan 'al-muallafah qulubuhum' iaitu yang dijinakkan jantung hati mereka kepada Islam. Ini seperti yang dinaskan oleh al-Quran dalam Surah al-Taubah ayat 60. Peruntukan ini merangkumi mereka yang masih kafir dan yang telah menjadi muslim. Kata al-Imam Ibn Qudamah (w. 620):

“Muallaf itu dua bahagian: kuffar dan muslimin yang mana mereka itu pemimpin yang ditaati dalam kaum dan keluarga mereka. Bahagian kuffar ini pula ada dua kelompok: pertama; orang yang diharapkan dia menganut Islam, maka diberikan zakat agar hasrat keislamannya bertambah dan jiwanya cenderung kepada Islam, lalu dia menjadi muslim...kelompok kedua; orang yang dibimbangi kejahatannya. Diharapkan dengan pemberian kepadanya akan menghalang kejahatannya dan mereka yang bersamanya..”

(Ibn Qudamah, al-Mughni 9/317. Kaheran: Hijr).

Inilah pendapat yang ditarjihkan (dinilai lebih kuat penghujahannya) oleh Dr Yusuf al-Qaradawi dalam Fiqh al-Zakah, Dr ‘Abd al-Karim Zaidan dalam al-Mufassal, juga Dr ‘Umar Sulaiman al-Asyqar dalam kertas Ta’lif al-Qulub ‘ala al-Islam bi Amwal al-Sadaqah dan lain-lain. Maka, berdasarkan pendapat ini boleh diberikan zakat bahagian muallaf kepada bukan muslim yang berpengaruh dalam kaum atau masyarakat mereka yang diharapkan pemberian itu menggalakkan dia atau pengikutnya menerima Islam, atau mengurangkan sikap permusuhan dengan Islam. Pendapat ini disokong oleh pelbagai riwayat yang mana Nabi s.a.w memberikan kepada pemimpin-pemimpin Arab yang masih kafir seperti Sofwan bin Umayyah. Sehingga Sofwan pernah berkata:

“Demi Allah! Rasulullah s.a.w memberikan kepadaku begitu banyak. Dahulunya, dia adalah orang yang paling aku benci. Dia terus memberi kepadaku sehingga dia menjadi orang yang paling aku sayangi”

(Riwayat Muslim).

Daripada pendapat Fuqaha’ tersebut, maka penulis mencadangkan agar masjid boleh mengambil pendekatan sewajarnya dalam membantu masyarakat bukan islam yang memerlukan tanpa menafikan hak masyarakat islam. tidak semua oran bukan islam hidup dalam kesenangan lebih lebih lagi mereka yang telah berjinak-jinak untuk mendekati islam. Masjid boleh menyediakan keperluan asas makanan, kepada memerlukan termasuk bukan islam. Ada sesetengah masjid telah memulakan usaha ini, namun belumdiperluaskan kepada bukn islam. Alangkah rahmatnya islam jika nikmat yang dikurniakan allah swt dikongsi bersama walaupun dengan bukan islam.

Tidak dinafikan bahawa sudah banyak masjid melakukan usaha kearah mencapai mtlamat rahmatanlil alamin. Pelabgai program dilaksanakan, pelbagai kemudahan disediakan untuk keperluan ummah. Namun alangkah baiknya masjid dikembangkan lagi fungsinya sesuai dengan perubahan zaman. Sekarang, masyarakat agak menjauuhkan diri dari masjid mungkin kerana keperluan kepada kehidupan mereka jauh dengan persekitaran masjid. Bank, Klinik, pusat sukan, rekreasi, pusat internet, pejabat mini berkaitan urusan kerajaan, perpustakaan, bengkel-bengkel kenderaan, restoran, ruang perniagaan jauh dari masjid. Persoalan ini boleh dikaji secara akademik untuk mengetahui kebenarannya samada masjid sebagai “one stop centre”, senang dikunjungi dan mesra pengunjung boleh merealisasikan matlamat rahmatan lil-alamin.

Kesimpulan

Berdasarkan kemampuan masjid dengan mempelbagaikan fungsinya, sudah tiba masanya umat islam mengembalikan kegemilangan masjid sebagai asas rahmatan lil-alam. Masjid adalah medan bermulanya ikatan persaudaraan, kasih sayang, hormat menghormati, perhubungan yang erat antara pelbagai kaum. Masjid sebagai sumber kekuatan ilmu, iman dan taqwa, ejen perkembangan ekonomi islam, tapak memenuhi keperluan hidup, serta pusat pembangunan masyarakat secara total. Ia juga merangkumi pusat pembelajaran, pusat bantuan masyarakat dan pusat rujukan kepada agensi nasional, menjalin rangkai kerja dengan badan-badan keagamaan dan masyarakat setempat. Ia akan menjadikan masjid sebagai nadi kehidupan masyarakat dan institusi yang diiktiraf, sama ada bagi masyarakat Islam mahupun yang bukan Islam.

Inilah ciri-ciri kerahmatan melalui masjid dalam memaksimumkan manfaat daripada setiap sesuatu fungsinya. Kepelbagaian fungsi masjid tidak layak dibazirkan. Selagi mana ada ruang untuk memberikan khidmat, bangunan masjid akan digunakan sepenuhnya. Sirah perjuangan Rasulullah SAW telah membuktikan betapa pentingnya fungsi masjid kepada perkembangan syiar Islam sehingga menjadi asas kepada pembinaan sebuah negara Islam yang berdaulat di Madinah Al-Munawwarah. Kesannya seluruh alam sarwajagat mendapat limpah rahmat Ada masjid-masjid di negara-negara Islam yang sampai terkenal di dunia sebagai bukan pada fungsi masjidnya sahaja, tetapi juga sebagai sebuah universiti. Contohnya masjid Zaituna di Tunisia, masjid Qarawain di Maghribi dan masjid Al-Azhar di Mesir. Masjid- masjid ini merupakan model yang boleh dicontohi. Pihak berkepentingan perlu menfokuskan kepada pemerksaan peranan masjid yang perlu dilakukan sebagai asas untuk mencapai matlamat rahmatan lil-alam.

RUJUKAN

- Abu Daud. 2009. *Sunan*. Dar Al-Risalah Al-Alamiyyah.
- Ahmad Sanusi. 2018. Konsep Rahmatan Lil-Alamin Dalam Hadis: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal Of Hadith Studies* 3(1): 331–334.
- Ahmad Mushthafa Al-Maraghy, Tafsir Al-Maraghy, Juz Xvii, (Beirut: Dar Al-Fikr, Tp. Th).
- Al-Khatib., M. „Abdullah. 2008. *Penjelasan Di Sekitar Risalah Ta'alim*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

- Al-Tabari. 2000. *Jami' Al Bayan*. Muassasah Al-Risalah.
- Aqsha. 2016. *Falsafah Dan Pedagogi Pendidikan Islam, Isu Dan Cabaran*.
- Ari Saputra & Bayu Mitra Adhyatma Kusuma. 2017. Revitalisasi Masjid Dalam Dialektika Pelayanan Umat Dan Kawasan Perekonomian Rakyat □. *Al-Idarah: Jurnal Manajemen Dan Administrasi Islam Revitalisasi I*(1): 1–16.
- Aziz, M.A., Ibrahim, M. & Jahnkassim, P.S. 2016. Issues And Potential Of Mosque As A Spiritual Tourism. *Proceedings Of Iser 22nd International Conference, Hong Kong* Hlm. 1–54
- Fuad Jabali, Dkk, Islam Rahmatan Lil Alamin (Jakarta:Kementerian Agama:Direktorat Jenderal Pendidikan Islam, Direktorat Pendidikan Agama Islam, 2011), Hal. 42
- Harian, B. (T.Th.).
<https://www.bharian.com.my/Dunia/Asia/2019/03/541892/Angka-Maut-Insiden-Masjid-Nz-Meningkat-50-Orang-11-Kritikal>
- Harun Nasution, Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya Jilid Ii, (Jakarta:Ui Press, 1979), Hal. 61-62
- Hidayat, B., Shafie, M., Hayati, N., Talib, F., Polytechinc, B., Tamuri, A.H. & Talib, A.T. 2012. Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani (January): 127–137.
- H.M. Quraish Shihab, Tafsir Al-Mishbah, Pesan, Kesan Dan Keserasian Al-Qur'an, Jilid 8, (Ciputat:Lentera Hati, 1430.2009), Hal. 159
- Ibn Al-Jawzi. 1987. *Nuzhah Al-A'yun Al-Nawazir*. Muassasa Al-Risalah.
- Imam Al-Jurjawi, Hikmatu Al-Tasyri' Wa Falsafatuha, (Beirut: Dar Al-Fikr, Tp. Th), Jilid I, Hal. 115-268
- Kurniawan, S. 2014. Masjid Dalam Lintasan Sejarah Umat Islam. *Jurnal Khatulistiwa – Journal Of Islamic Studies 4*(September): 169–184.
- Mohamad, M.A. Et. A. 2016. Pembangunan Potensi Remaja Melalui Institusi Masjid Hlm. 1–7
- Mohd Kamarul Amree Et.Al. 2014. Satu Kajian Di Masjid Al-Muttaqin Wangsa Melawati ., *Proceeding Of The International Conference On Masjid, Zakat And Waqf*Hlm. 72–79
- Nor Azlina Abd. Wahab Et.Al. 2016. Pemeraksanaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *Journale Academiauitmt.Edu.My 5*(2): 219–229.
- Shahirah, N., Binti, A., Rohani, M. & Islam, F.P. 2015. Pengurusan Rasulullah S.A.W. Dalam Mempersaudarakan Masyarakat Di Madinah. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah* Vol. 7, Hlm. 6–7
- Umar, M.H. & Ashaari, M.F. 2019. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 20(1) 2019. *Jurna Islam Dan Masyarakat Kontemporari 20*(1): 206–219.
- Utusan Malaysia. 2019a. Kebimbangan Sultan Terhadap Peranan Masjid
- Utusan Malaysia. 2019b. Sihir Imam : Polis Akan Panggil Mufti , Kariah Masjid, 5–6
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain Et. Al. 2017. Islam Agama Bagi Persekutuan : Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Akademika 87*(3) 87(3): 177–193.
- Zaleha Embong. 2016. No Title'ta'Awun Piagam Madinah Dalam Pembangunan Komuniti Majmuk. Universiti Sains Malaysia.
- Zohdi, M. & Et.Al. 2014. Peranan Dan Sumbangan Jakim Dalam Dialog Antara Agama. *International Journal Of Islamic Thought 6*: 26–36.

PRESTASI MASJID-MASJID DI NEGERI KELANTAN BERDASARKAN STANDARD PENARAFAN MASJID MALAYSIA (SPMM)

MUHAMMAD HANA PIZI BIN ABDULLAH

Imam Besar Negeri Kelantan

WAHEEDA AZWA BINTI HUSSEIN

Pensyarah

Universiti Sains Malaysia

Kubang kerian, Kelantan

Abstrak

Masjid adalah sebuah institusi yang utama bagi umat Islam. Di zaman Rasulullah S.A.W. selain daripada menjadi pusat ibadat khusus, masjid juga berperanan sebagai pusat keilmuan, kekeluargaan, kemasyarakatan, pentadbiran, kehakiman dan lain-lain. Di era moden ini, institusi masjid mestilah sesuai dan seiring dengan perkembangan semasa. Justeru, penarafan adalah salah satu kaedah pengukuran dan penilaian yang sesuai bagi mengenal pasti kedudukan institusi ini. Kajian ini bertujuan untuk menilai prestasi masjid-masjid di negeri Kelantan berdasarkan keputusan hasil daripada penarafan yang telah dibuat menggunakan Standard Penarafan Masjid Malaysia. Kajian yang menggunakan kaedah analisa data ini adalah meliputi keseluruhan masjid di negeri Kelantan yang telah dilaksanakan pada tahun 2023. Kajian ini mendapati, prestasi keseluruhan masjid di negeri Kelantan, majoritinya adalah masih berada di tahap memuaskan dan sederhana iaitu satu dan dua Bintang.

Kata Kunci: MAIK, Kelantan, masjid, penarafan

1. PENDAHULUAN

Masjid adalah sebuah institusi yang mempunyai status yang tinggi dan mulia. Allah S.W.T. sendiri menegaskan di dalam surah al-Jin ayat 18 yang bererti:

“Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah semata-mata (untuk beribadah kepadaNya) maka janganlah kamu menyembah sesiapa pun di dalamnya Bersama-sama Allah”.

(Surah al-Jin:18)

Masjid merupakan nadi kepada masyarakat bagi setiap aktiviti umat Islam yang berbentuk kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi, siasah, riadah dan sebagainya. Menurut Ab Halim Tamuri (2021) semasa awal perkembangan Islam, institusi masjid telah menjadi pusat dan tempat yang utama dalam sistem negara. Segala perancangan pembangunan umat Islam yang bersifat fizikal mahupun spiritual bermula di masjid.

Justeru, masjid mestilah memainkan peranannya yang sebenar sebagai institusi utama umat Islam. Menurut Mohd Ridhuan Remly et.al. (2019) pihak pengurusan masjid mestilah mengadakan aktiviti pengimarahannya yang pelbagai selaras dengan kedudukannya sebagai pusat aktiviti sosial masyarakat.

Tadbir urus masjid merupakan satu aspek pengurusan hal ehwal Islam dan agenda pembangunan ummah. Tadbir urus masjid yang cekap mampu melahirkan masjid-masjid yang unggul di Kelantan di samping mempertingkatkan lagi pengurusan dan pengimarahannya masjid-masjid tersebut. Menurut Sahlawati Abu Bakar et al. (2022) Pentadbiran masjid pada masa kini memerlukan kepada ilmu dan kepakaran pengurusan. Oleh itu pentadbir masjid mestilah beramampuan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan zaman dan memerlukan ilmu serta kepakaran pentadbiran.

Lebih daripada itu, masjid dianggap sebagai tempat rasmi dalam menyampaikan mesej Islam kerana masjid merupakan tempat yang strategik untuk melaksanakan aktiviti dakwah. (Imaaduddin Abdul Halim, Ahmad Termizi Ab Lateh, Adlan Saidin (2020).

Seiring dengan perkembangan zaman, dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, agensi-agensi kerajaan, swasta termasuk sektor korporat dan konglomerat dalam memastikan pentadbiran dan pengurusan mereka sentiasa di dalam keadaan terbaik telah menerapkan amalan-amalan pengurusan terbaik seperti amalan 5'S, EKSA dan melaksanakan audit dan penarafan seperti ISO dan sebagainya. Menurut Narimah dan Saodah (2002), audit adalah kaedah yang digunakan oleh organisasi bagi meninjau keadaan persekitaran luaran dan dalaman organisasi yang bertujuan untuk menentukan isu-isu yang berkemungkinan menjadi krisis.

Menurut Azizan binti Zamhari (2017) kajian dalam aspek pengauditan merupakan satu bahagian yang perlu diberi keutamaan kerana perubahan kualiti pengurusan kepada tahap yang lebih baik adalah banyak bergantung kepada aspek tersebut. Demikian juga dengan institusi masjid yang mulia agar ia relevan dan berjalan sesuai dengan zaman ini maka salah satu yang diperlukan ialah penarafan agar para pengurus dan pentadbir masjid mengetahui kelebihan yang ada pada masjid mereka lalu dipertingkatkan dan mengetahui kekurangannya lalu dibuat penambahbaikan.

Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) merupakan satu kaedah untuk menilai fungsi dan peranan masjid-masjid di seluruh Malaysia. Kaedah ini dibangunkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk digunapakai di peringkat negeri dan Persekutuan bagi memperkasakan fungsi dan peranan masjid. (Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM), JAKIM 2021)

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai prestasi masjid-masjid di negeri Kelantan berdasarkan keputusan hasil daripada penarafan menggunakan Standard Penarafan Masjid Malaysia yang telah dilaksanakan pada tahun 2023. Kajian yang menggunakan kaedah analisa data ini adalah meliputi keseluruhan masjid di negeri Kelantan.

2. LATARBELAKANG

Standard Penarafan Masjid Malaysia yang telah dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejak tahun 2010. Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) dibangunkan untuk menyediakan metodologi penggredan yang komprehensif terhadap masjid-masjid seluruh Malaysia serta menjadi rujukan utama dan panduan kepada pasukan penilai dalam membuat penilain seragam terhadap masjid. (Muhammad Firdaus Bin Muhammad Sabri1 & Haliyana Binti Tonot, 2017)

Profesor Dr Mohd aderi Che Noh, dari Universiti Sains Islam Malaysia telah dilantik oleh pihak JAKIM untuk mengetuai pasukan bagi membina Modul standard Penarafan Masjid Malaysia. (JAKIM 2021)

Pada tahun 2014, pihak JAKIM telah memperkenalkan Anugerah Masjid Malaysia yang pertama kali diadakan. Setiap negeri dikehendaki mencalonkan sebuah Masjid Daerah dan dua buah Masjid Kariah atau Masjid Mukim. (hasil daripada temubual dengan Ketua Fasilitator SPMM (Prof Dr Mohd Aderi Che Noh, temubual personal, 03 Jun, 2024)

Anugerah Masjid Malaysia diteruskan sehingga kini dengan penyertaan daripada pihak negeri dan diurusetikan oleh JAKIM.. Anugerah Masjid Malaysia yang dilaksanakan tersebut adalah menggunakan Standard Penarafan Masjid Malaysia tersebut. Penilaian dilaksanakan oleh sebuah pasukan penilai yang diketuai oleh YBhg. Prof Dr Mohd Aderi Che Noh telah dilantik oleh pihak JAKIM yang terdiri daripada pakar-pakar yang biasa menjalankan audit dan penarafan. (hasil daripada temubual dengan Ketua Fasilitator SPMM (Prof Dr Mohd Aderi Che Noh, temubual personal, 03 Jun, 2024)

Diperingkat negeri Kelantan, SPMM telah digunakan oleh pihak MAIK di bawah Program Pemilihan Masjid Terbaik Peringkat Jajahan dan Negeri Kelantan dan mendapat kerjasama yang baik daripada semua pihak yang terlibat. Oleh itu, program ini diteruskan dan ditambah baik dengan menggunakan kaedah Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) ini untuk menjayakan program penarafan masjid-masjid di seluruh negeri Kelantan.

3. STANDARD PENARAFAN MASJID MALAYSIA (SPMM)

Berdasarkan buku panduan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM), (2021), Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) yang dibangunkan itu, adalah sebagaimana berikut:

3.1. Rasional Pelaksanaan

- i. Mengukur tahap fungsi dan peranan masjid secara holistik merangkumi aspek pengurusan, pengimarah, kemudahan prasarana dan persekitaran
- ii. Sebagian satu indikator penting terhadap pencapaian pengurusan masjid
- iii. Menjadi sistem penggerak dalam merancang pembangunan masjid
- iv. sebagai mekanisme yang seragam dalam menentukan pengukuran prestasi masjid

3.2. Strategi Pelaksanaan

- i. Pra Penilaian
- ii. Penilaian
- iii. Pasca Penilaian
- iv. Penarafan

3.3. Kaedah Penilaian

BIL	KAEDAH	ITEM	CIRI	SKOR
1	Pengurusan	32	178	144 (35%)
2	Pengimarahannya	32	207	148(35%)
3	Kemudahan Prasarana	12	127	56(20%)
4	Persekitaran	8	65	34(10%)

3.4. Kaedah Penilaian Komponen Pengurusan

- i. Menganalisis dokumen Perancangan strategi masjid :
 - senarai AJK, senarai program, sijil pengiktirafan, laporan kewangan
- ii. Mengadakan interaksi dengan pihak pengurusan masjid:
 - Pengerusi / Nazir, Setiausaha / Bendahari / Biro
- iii. Pemerhatian:
 - Maklumat hebahan di papan kenyataan, maklumat media elektronik

3.5. Kaedah Penilaian Komponen Pengimarahannya

- i. Analisis Dokumen
 - Jadual bertugas imam dan bilal, jadual program keilmuan, risalah agama, rekod khairat kematian
- ii. Pemerhatian :
 - kehadiran jemaah
- iii. Temubual:
 - Jawatankuasa masjid, jemaah masjid

3.6. Kaedah Penilaian Komponan Kemudahan Prasarana

- i. Pemerhatian Berstruktur:
 - Peralatan Ibadah, kemudahan pentadbiran, kemudahan keilmuan, kemudahan kebajikan
- ii. Pemeriksaan Pematuhan:
 - Kemudahan berfungsi dengan baik

3.7. Kaedah Penilaian Komponan Persekitaran

- i. Pemeriksaan pematuhan:
 - Peralatan berfungsi dengan baik, kebersihan dan keceriaan
- ii. Pemerhatian berstruktur
 - Kemudahan keselamatan
- iii. Temubual
 - Jawatankuasa Masjid, Jemaah

3.8. Komponen Penilaian

BIL	KAEDAH	KOMPONAN
1	Pengurusan	<ol style="list-style-type: none">i. Organisasi- 17 itemii. Kewangan-10 itemiii. Rakan Strategik- 1 itemiv. Dakwah Luar- 1 itemv. Ahli Kariah- 1 itemvi. Wakaf- 1 itemvii. Inovasi- 1 item
2	Pengimarahannya	<ol style="list-style-type: none">i. Solat- 3 itemii. Aktiviti Tahunan- 7 itemiii. Khidmat komuniti- 10 itemiv. Program Ilmu- 12 item
3	Kemudahan Prasarana	<ol style="list-style-type: none">i. Tempat- 1 itemii. Kemudahan Pentadbiran- 1 itemiii. Kemudahan Ilmu- 1 itemiv. Kemudahan Kebajikan- 5 itemv. Kemudahan Am- 3 item

		vi. Kemudahan OKU/Uzur- 1 item
4	Persekitaran	i- Kebersihan- 3 item ii- Keceriaan- 3 item iii- Keselamatan- 2 item

3.9. Tafsiran Penarafan

Tafsiran penarafan adalah berdasarkan pemberian bintang mengikut kriteria yang telah disediakan oleh SPMM iaitu;

- i) Bintang 1 (LEMAH) : Markah 01%-40%
- ii) Bintang 2 (SEDERHANA) : Markah 41%-69.9%
- iii) Bintang 3 (BAIK) : Markah 70%-79.9%
- iv) Bintang 4 (SANGAT BAIK): Markah 80%-89.9%
- v) Bintang 5 (CEMERLANG) : Markah 90%-100%

4. PELAKSANAAN PENARAFAN MASJID NEGERI KELANTAN

Keputusan untuk melaksanakan penarafan seluruh masjid negeri Kelantan telah dibincang dan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawantankuasa Hal Ehwal Masjid Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bilangan 1 tahun 2023 yang telah diadakan pada 05 Februari 2023. Keputusan ini akan dilaksanakan berdasarkan beberapa ketetapan yang dipersetujui.

4.1. Strategi Perlaksanaan

MAIK menubuhkan 10 pasukan penilai yang dianggotai oleh 3 ahli penilai yang diketuai oleh Pegawai Penyelarasan Masjid Jajahan (PPMJ) di setiap pasukan. Bidang tugas pegawai penilai ini adalah bertanggungjawab membuat penilaian selama tempoh tiga (3) bulan dan memastikan setiap minggu menyediakan pelaporan berkaitan penilaian yang telah dibuat di masjid-masjid ini berdasarkan kriteria yang telah disediakan.

MAIK telah melantik Professor Dr Mohd Aderi bin Che Noh, Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM, sebagai Pakar Rujuk bagi program penarafan masjid-masjid negeri Kelantan.

Pihak MAIK membuat pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH) bermula 1 Februari 2023. Tempoh perkhidmatan adalah dari 1 Februari 2023 sehingga 30 April 2023.

Strategi pelaksanaan penarafan masjid ini akan menggunakan kaedah SPMM dengan sedikit pindaan terhadap modul SPMM bagi menyesuaikan keperluan budaya dan masyarakat setempat di Kelantan. Pindaan ini telah mendapat persetujuan Prof Dr Mohd Aderi Che Noh sendiri. Pelaksanaannya berdasarkan beberapa fasa seperti berikut;

Fasa Pertama - Pengenalan SPMM

- i) Surat makluman dikeluarkan kepada semua masjid berkaitan pengenalan SPMM dan pelaksanaan program yang bermula pada bulan Februari 2023 sehingga April 2023.
- ii) Bengkel pengenalan kepada Sistem Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) kepada pasukan penilai SPMM yang dikendalikan oleh Professor Dr Mohd Aderi bin Che Noh, Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM.

Fasa Kedua - Pra Penilaian

- i) Mengadakan taklimat khas kepada masjid-masjid di seluruh negeri Kelantan berkenaan pengenalan dan garis panduan kepada penggunaan SPMM yang melibatkan sebanyak 610 buah masjid yang melibatkan Imam Tua masjid-masjid berkenaan.
- ii) Dalam taklimat ini pihak masjid diberikan borang SPMM untuk membuat penilaian awal berdasarkan masjid masing-masing.

Fasa Ketiga (Penilaian)

- i) Pada fasa ini, pihak masjid akan membuat penilaian pada masjid masing-masing berdasarkan borang yang dibekalkan kepada pihak masjid semasa di majlis taklimat. Borang penilaian hendaklah diserahkan kepada pihak MAIK untuk tujuan penilaian markah.
- ii) Lawatan dan Latihan Simulasi Penarafan Masjid kepada pasukan penilai di Masjid-masjid terpilih. di luar Negeri Kelantan.

Fasa Keempat (Pasca Penilaian)

- i) Pasukan penilai seramai 10 pasukan melaksanakan penilaian di setiap masjid yang terlibat iaitu 4 kategori masjid:
 - A) Masjid Bandar Jajahan
 - B) Masjid Kategori 'A'
 - C) Masjid Mukim Besar
 - D) Masjid Mukim Kecil
- ii) Setiap minggu pihak MAIK akan membuat perjumpaan dengan pasukan penilai ini untuk mendapatkan pelaporan berkaitan penilaian yang telah dibuat dan perkara-perkara berbangkit.
- iii) Proses penilaian akan berjalan selama 3 bulan bermula pada **Februari 2023 hingga April 2023.**

4.2. Perancangan Aktiviti Selepas Penarafan

Bagi memastikan keberkesanan program ini dalam meningkat dan memperkasakan masjid-masjid di negeri Kelantan, MAIK telah mengatur beberapa Langkah dan strategi akan dilaksanakan sebagai kesinambungan daripada program penarafan ini seperti berikut:

Masjid 1-3 Bintang

- Kursus dan Latihan berkaitan pengurusan akan dilaksanakan melalui Akademi Latihan Al-Muhammadi (ALMi) bagi meningkatkan lagi tahap kecekapan pengurusan masjid berkenaan
- Laporan berkaitan keperluan prasarana dan pembangunan fizikal masjid akan diangkat ke bahagian pembangunan bagi tujuan menaiktaraf masjid
- Memantau dair semasa ke semasa keperluan dan perkembangan masjid
- Mengadakan program di masjid berkenaan bagi tujuan membantu pengimarah masjid
- Menjadi mentee kepada masjid 5 bintang lain dalam daerah/jajahan yang sama
- Mengadakan program masjid angkat dengan agensi/institusi/badan yang berkaitan untuk membantu masjid lebih aktif dan maju pada masa hadapan

Masjid 4-5 Bintang

- Menjadi masjid penanda aras di peringkat daerah dan jajahan untuk dilawati dan dikunjungi pihak luar
- Menjadi masjid mentor kepada masjid mukim lain yang mendapat bintang kebawah
- Menyediakan pelan jangka masa Panjang untuk mengekalkan status masjid 5 bintang
- Akan dicalonkan untuk pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan, jika ada
- Boleh dicadangkan untuk naik taraf ke masjid berstatus Kategori A (dari masjid mukim besar) atau mukim besar (dari sub mukim)

4.3. Keputusan

Keputusan penarafan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawantankuasa Hal Ehwal Masjid Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bilangan 1 tahun 2023 yang telah diadakan pada 05 Februari 2023 sebagaimana berikut:

- Masjid 5 Bintang- 5 Buah (Markah 90% Keatas)
- Masjid 4 Bintang- 21 Buah (80%-89.99%)
- Masjid 3 Bintang- 194 Buah. (70%-70.99%)
- Masjid 2 Bintang- 318 Buah (41%-69.99%)
- Masjid 1 Bintang- 71 Buah (01%-40%)

5. ANALISA DAN CADANGAN

Berdasarkan keputusan penarafan yang dibuat itu didapati terdapat 26 buah masjid berada pada kedudukan cemerlang dan sangat baik iaitu lima (5) dan empat (4) bintang. Masjid-masjid berkenaan memperoleh nilai 80% dan ke atas. Masjid yang Berjaya berada di dalam kategori ini adalah sebanyak 4.25% Sahaja.

Berdasarkan perancangan pihak MAIK, masjid-masjid ini akan dijadikan penanda aras bagi masjid-masjid di negeri Kelantan. Ia juga akan menjadi mentor yang akan membantu masjid-masjid lain bagi meningkatkan keupayaan mereka ke arah yang lebih baik. Perancangan ini harus dilaksanakan agar matlamat meningkatkan keupayaan masjid dan memperkasakan peranannya dapat dicapai.

Keputusan penarafan ini juga mendapati sebanyak 194 buah masjid berada pada tahap kedudukan baik iaitu 194 buah atau 31.75%. Usaha-usaha perlu dilakukan oleh pihak masjid dan MAIK bagi mengangkat Masjid-masjid yang berada pada kedudukan ini kepada kedudukan amat baik dan cemerlang.

Daripada hasil penarafan ini mendapati majoriti masjid di negeri Kelantan masih berada pada kedudukan Sederhana dan lemah iaitu satu (1) dan dua (2) Bintang Sahaja. Sebanyak 389 buah atau 63.66% berada di dalam Kumpulan ini. Usaha-usaha yang serius dan bersungguh ke arah meningkatkan kualiti pengurusan, pengimarahannya, kemudahan prasarana dan persekitaran harus dilakukan segera.

6. PENUTUP

Pelaksanaan program penarafan adalah sangat diperlukan oleh institusi masjid bagi memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik dan ditadbir secara teratur dan professional. Sesebuah masjid yang cemerlang akan dapat memainkan peranannya dengan baik dan berkesan.

Pelaksanaan program penarafan yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) terhadap semua masjid di negeri Kelantan diharapkan berjaya meningkat dan memperkasakan institusi masjid di negeri Kelantan. Ia memerlukan kepada kesungguhan dan komitmen semua pihak yang terlibat dan berkepentingan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Ab. Halim Tamuri (2021) *Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat*, Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management Vol. 1, No. 1, June 2021 eISSN :2682-8804

Azizan Zamhari (2017) *Pelaksanaan Proses Pengauditan Kualiti Dan Tahap Keakuratan Berdasarkan Sembilan Domain: Satu Kajian Kes Di Jabatan Pendidikan Negeri Selangor*, JURNAL KEPIMPINAN PENDIDIKAN April 2017, Bil. 4, Isu 2, <http://e-journal.um.edu.my/publish/JuPiDi/>

Imaaduddin Abdul Halim, Ahmad Termizi Ab Lateh & Adlan Saidin (2020) *Penilaian Awal Terhadap Model Audit Keselamatan Masjid Di Kulim, Kedah Malaysia: Satu Tinjauan*, ASIAN PEOPLE JOURNAL 2020, VOL.3 (1), 162-169 e-ISSN:2600-8971 <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.176> <https://journal.unisza.edu.my/apj>

Minit Mesyuarat Jawatankuasa hal ehwal masjid bilangan 1 tahun 2023 pada 5 Februari 2023.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa hal ehwal masjid bilangan tahun 2023

Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Othman & Siti Azimah Sabaruddin (2019) *Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimarahannya Institusi Masjid: Kajian Kes Di Masjid Cemerlang Di Malaysia*, Journal of Management & Muamalah, Vol. 9, No.1, 2019 eISSN 2180-1681

Muhammad Firdaus Muhammad Sabri & Haliyana Tonot, (2017) *Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid Yang Diberi Pengiktirafan Bintang*, Journal of Business Innovation Jurnal Inovasi Perniagaan Volume 2 No. 1 / 2017: 25-41

Narimah Ismail dan Saodah Wak, (2002), *Kursus Komunikasi Organisasi*, Bentong: PTS Publications and Distributor Sdn. Bhd.
Standard Penarafan Masjid Malaysia (2021) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd Majid, Saifulah Samsudin dan Mohamad Sofuan Mohamad Saleh (2022) *Nilai Integriti Dalam Tadbir Urus Masjid*, Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management Vol. 2, No. 2, December 2022 eISSN : 2682-8804

Prof Dr Mohd Aderi Che Noh, temubual personal, 03 Jun, 2024

MASJID MUHAMMADI: SEJARAH, PERANAN DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PENGAJIAN ISLAM (1867M - 2024M)

Mohamad Irfan Salleh

Pegawai Penerbitan

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Abstrak

Makalah ini membincangkan tentang Masjid Muhammadi Kota Bharu dari perspektif sejarah, peranan, dan sumbangannya terhadap pengajian Islam di negeri Kelantan dari tahun 1867 hingga 2024. Kajian ini bertujuan untuk meneliti fasa-fasa perubahan dan perkembangan halaqah pengajian Islam di Masjid Muhammadi serta struktur binaannya sepanjang 157 tahun. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah lapangan dan kajian perpustakaan, kajian ini mendapati bahawa Masjid Muhammadi telah mengalami banyak perubahan signifikan. Meskipun menghadapi pelbagai transformasi fizikal dan metodologi pengajian, Masjid Muhammadi terus kekal relevan sebagai pusat pendidikan dan pengajian Islam. Masjid ini berjaya beradaptasi dengan perkembangan zaman tanpa mengorbankan tujuan asalnya sebagai pusat penyebaran ilmu Islam, menjadikannya sebuah institusi yang penting dan berpengaruh dalam masyarakat Kelantan. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa Masjid Muhammadi memainkan peranan yang kritikal dalam memelihara dan memperkukuhkan tradisi pengajian Islam di Kelantan.

Kata Kunci: Masjid Muhammadi, Sejarah, Binaan dan Halaqah Ilmu

PENDAHULUAN

Dalam bahasa Arab, kalimah "masjid" berasal dari akar kalimah "سجد" (sajada) yang bermaksud sujud atau tunduk. Dengan demikian, "masjid" secara harfiah bermaksud tempat untuk sujud¹. Manakala dalam istilah syarak, masjid adalah tempat khusus yang dibina untuk beribadah kepada Allah SWT. Masjid digunakan untuk solat berjemaah, pendidikan agama, dan aktiviti sosial lain yang berkaitan dengan keislaman. Masjid juga sering kali menjadi pusat komuniti Muslim di sesuatu kawasan². Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۗ
فَعَسَىٰ أَوْلِيَاكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*³

Masjid berfungsi sebagai pusat ibadah dan keagamaan, tempat umat Islam melaksanakan solat berjemaah, bacaan al-Quran, zikir, ceramah agama, dan kelas-kelas

¹ Ibn Manzur, *Lisan al-Arab* (Beirut: Dar Sadir, 1990), 254.

² Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din* (Cairo: Al-Maktaba Al-Tawfiqiya, 1992), 1:120.

³ Surah At-Taubah, 9:18

pengajian yang memperkukuhkan akidah dan nilai-nilai Islam⁴. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ أَوْ رَاَحَ، أَعَدَّ اللَّهُ لَهُ نُزُلًا فِي الْجَنَّةِ كُلَّمَا غَدَا أَوْ رَاَحَ

Maksudnya: "Barangsiapa yang pergi ke masjid pada waktu pagi dan petang, Allah menyediakan baginya suatu tempat tinggal di syurga pada setiap pagi dan petang⁵."

Sejarah menunjukkan bahawa masjid juga sebagai pusat pendidikan, seperti Masjid Nabawi di Madinah yang berfungsi sebagai tempat pembelajaran dan penubuhan universiti seperti Al-Azhar di Mesir dan Zaytuna di Tunisia⁶. Dalam aspek sosial dan kebajikan, masjid mengumpulkan zakat, sedekah, dan bantuan kepada golongan yang memerlukan, serta menjadi tempat acara sosial seperti perkahwinan dan kenduri, menjadikannya institusi penting dalam membina kesejahteraan masyarakat⁷.

Perkembangan fungsi masjid ini juga dapat dilihat di Kelantan, yang dikenali sebagai Negeri Serambi Mekah. Di Kelantan, Masjid Muhammadi Kota Bharu - yang telah terbina sejak tahun 1867 - memainkan peranan penting dalam pendidikan halaqah ilmu. Masjid ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat pendidikan di mana pelbagai aktiviti keilmuan dijalankan. Masjid Muhammadi menjadi tempat pengajian dan perbincangan ilmiah, terus menyumbang kepada perkembangan tamadun Islam di rantau ini, selari dengan fungsi masjid dalam sejarah Islam.

⁴ Haji Abdul Malik Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar* (Kuala Lumpur: Pustaka Nasional, 1980), 25.

⁵ Muslim bin Al-Hajāj Al-Naisābūrī, *Sohīh Muslim*, No: 669 (Beirut: Dār Ihyā' Al-Turāth Al-`Arabī), 1: 463

⁶ Ahmad Shalaby, *Sejarah dan Kebudayaan Islam* (Jakarta: Pustaka Al-Husna Baru, 1997), 43

⁷ Syaikh Muhammad Mutawalli Al-Sya'rawi, *Khutbah Al-Jumu'ah wa Dawruha fī Al-Islāmī* (Kaheerah: Dar Al-Fikr, 1985), 102.

PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN MASJID MUHAMMADI (1867M – 2024M)

Berdasarkan catatan sumber-sumber yang tersedia dan sejauh yang dapat diidentifikasi, Masjid Muhammadi – dikenali dengan nama lamanya, Masjid Besar Kota Bharu - yang terletak di tapaknya sekarang, telah dibina pada tahun 1867 Masihi, menggantikan bangunan lama yang telah runtuh akibat banjir⁸. Peringkat awalnya, Masjid Muhammadi merupakan sebuah masjid kayu yang dirombak pindah dari tapak asalnya di “Sungai Budor Seberangan Paloh” sebelum didirikan semula di lokasi sekarang pada tahun 1867 Masihi⁹. Selepas digunakan selama 55 tahun, pada tahun 1922, masjid ini terpaksa digantikan dengan sebuah bangunan batu yang baharu.

Cadangan untuk pembinaan masjid baru ini dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada hari Khamis, 25 Januari 1917 Masihi. Cadangan ini kemudian diangkat sembah untuk mendapat ampuni perkenan Tuanku Sultan Muhammad IV, yang memerintah pada masa itu. Namun, pelaksanaan projek mega ini tertangguh disebabkan oleh kekurangan dana.

Proses pembinaan akhirnya dimulakan dengan kerja-kerja menggali lubang cerucuk "tiang seri" pada hari Ahad, 14 Mei 1922 Masihi, manakala istiadat perletakan batu asas diadakan pada hari Isnin, 21 Ogos 1922 Masihi oleh almarhum Sultan Ismail¹⁰. Proses ini menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam kalangan masyarakat Kelantan untuk melihat terbinanya sebuah masjid yang dapat menjadi pusat ibadah dan aktiviti komuniti.

⁸ Saad Shukri Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971), 87.

⁹ Ismail Che Daud, *Masjid Muhammadi: Sejarah Pembinaan dan Pentadbiran Awal*, dalam *Buku Peringatan 150 Tahun Masjid Muhammadi (1867 – 2017)*, ed. Raja Norafida Raja Idris (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2021), 13.

¹⁰ Raja Norafida Raja Idris, *Buku Peringatan 150 Tahun Masjid Muhammadi (1867 – 2017)*, (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2021), 84

Setelah hampir satu dekad, bangunan baharu ini akhirnya siap dibina pada hari Jumaat, 31 Julai 1931 bertepatan dengan 16 Rabiul Awal 1350 Hijrah. Bagi membiayai kos pembinaan bangunan baharu yang boleh menampung sejumlah 2,400 orang jemaah ini, sejumlah RM360,000.00¹¹ telah dibelanjakan oleh pihak MAIK dengan menggunakan tabung kutipan zakat fitrah¹².

Perasmian masjid baru ini telah disempurnakan oleh KDYMM Sultan Ismail Ibn Almarhum Sultan Muhammad IV, menandakan satu detik bersejarah dalam pembangunan Islam di Kelantan. Bangunan masjid ini mempunyai keluasan 10,600 kaki persegi dan dilengkapi dengan empat menara yang setiap satunya berukuran 70 kaki (21 meter) tinggi, memberikan pemandangan yang mengagumkan dan simbolik kepada kekuatan dan kemegahan Islam.

Masjid Muhammadi terus berkembang dari sudut infrastrukturnya. Pada tahun 1959, bangunan tambahan dibina di sebelah kanan bangunan utama untuk menampung jumlah jemaah yang semakin meningkat. Pembangunan ini menunjukkan kesedaran pihak pengurusan masjid tentang keperluan untuk menyediakan ruang yang lebih luas dan selesa bagi para jemaah. Kemudian, pada tahun 1968, satu lagi tambahan dibina di sebelah kiri bangunan utama dengan keluasan yang sama seperti bangunan yang dibina pada tahun 1959¹³. Penambahan-penambahan ini adalah untuk memastikan masjid

¹¹ Saad Shukri Haji Muda, Op cit., 136.

¹² Perlu dinyatakan disini satu kontroversi perbezaan pendapat berkenaan penggunaan tabung zakat fitrah untuk membiayai pembinaan ini. Terdapat fatwa oleh Jamaah Ulama MAIK yang berpandangan bahawa wang hasil daripada kutipan zakat fitrah boleh digunakan untuk membiayai pembinaan masjid. Sebaliknya, mufti negeri Kelantan pada ketika itu, iaitu Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad menentang fatwa ini dengan alasan bahawa wang zakat fitrah adalah menjadi hak milik orang-orang miskin. Adalah dipercayai bahawa kes perbezaan pandangan ini telah menyebabkan beliau meletakkan jawatan mufti pada akhir Jun 1916. Lihat: Ilyas Muhammad, *Inteligensia Melayu Kelantan* (Kota Bharu: Muhammad Nawi Bookstore, 1977), 32.

¹³ Raja Norafida Raja Idris, Op cit., 84.

dapat menampung lebih ramai jemaah dan terus berfungsi sebagai pusat ibadah utama di Kota Bharu.

Perkembangan infrastruktur Masjid Muhammadi tidak terhenti di situ. Memasuki tahun 2024, masjid ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden untuk meningkatkan keselesaan dan kemudahan para jemaah. Ruangan dewan berhawa dingin disediakan untuk keselesaan semasa solat Jumaat dan majlis-majlis keagamaan yang lain. Tandas yang selesa juga disediakan untuk kemudahan pengunjung, memastikan kebersihan dan keselesaan sentiasa terjaga. Dataran beralas “batu tapak gajah” pula digunakan sebagai tempat jamuan dan program luar masjid, menjadikan masjid ini sebagai pusat untuk pelbagai aktiviti komuniti.

Selain itu, seluruh kawasan Masjid Muhammadi kini dibekalkan dengan WiFi percuma, menjadikannya lebih mesra pengunjung dan relevan dengan keperluan zaman moden. Kemudahan ini memudahkan para jemaah dan pengunjung untuk mengakses maklumat dan berkomunikasi, sekaligus meningkatkan daya tarik masjid sebagai pusat komuniti yang komprehensif. Keseluruhan evolusi dan pembangunan Masjid Muhammadi ini mencerminkan komitmen masyarakat Kelantan dalam memartabatkan institusi masjid sebagai pusat ibadah, pendidikan, dan kegiatan sosial.

PERANAN TERHADAP PERKEMBANGAN PENGAJIAN ISLAM

Masjid Muhammadi bukan sekadar terkenal dengan sejarah dan keindahan struktur binaannya, tetapi juga dengan peranannya sebagai pusat pengajian Islam di negeri Kelantan sejak abad ke-19. Bukti keunggulan ini dapat dilihat melalui kelahiran ramai ulama terkemuka daripada “Halaqah” Masjid Muhammadi seperti Haji Abdul Samad bin

Muhammad Salleh (Tuan Tabal) (1840-1891), Haji Wan Ali Kutan (1820-an – 1913), Haji Yaakub Haji Abdul Halim (Tuan Padang) dan lain-lain¹⁴.

Bagi melihat peranan Masjid Muhammadi terhadap perkembangan pengajian Islam di negeri Kelantan secara menyeluruh, penulis membahagikan perbincangan ini kepada empat era utama: era awal penubuhan (1867), era penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1915), pasca Perang Dunia Kedua (1937), dan era baharu (abad ke-21).

Era Awal Penubuhan (1867M)

Pada era ini, pengajian di Masjid Muhammadi dijalankan secara tradisional sebagaimana pengajian di pondok-pondok di negeri Kelantan pada ketika itu. Masjid Muhammadi berfungsi sebagai pusat kepada halaqah-halaqah ilmu, di mana para ulama dan guru agama mengajar pelbagai ilmu Islam secara informal kepada masyarakat setempat. Pendekatan ini mirip dengan sistem pengajian pondok yang menekankan hafalan dan pemahaman teks-teks agama klasik.

Era Penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1915M)

Pada 24 Disember 1915M bersamaan 17 Safar 1334H, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) ditubuhkan melalui satu perisytiharan oleh

¹⁴ Abdul Razak Mahmud, Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867 -1987), dalam *Buku Peringatan 150 Tahun Masjid Muhammadi (1867 – 2017)*, ed. Raja Norafida Raja Idris (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2021), 2.

KDYMM Sultan Muhammad Ke IV¹⁵. Penubuhan MAIK menandakan era baharu bagi Masjid Muhammadi yang memasuki “zaman keemasan” dalam halaqah pengajian Islam di Kota Bharu. MAIK, sebagai institusi utama dalam hal ehwal agama Islam di Kelantan, mula mengatur dan menyusun pengajian di Masjid Muhammadi secara lebih sistematik dan tersusun.

Pada era ini, Masjid Muhammadi menjadi tempat pengajian yang lebih bersistematik dan menjadi tumpuan utama penuntut Ilmu dengan kehadiran alim ulama dalam pelbagai bidang keilmuan Islam yang mengajar di sini. Tokoh-tokoh terkenal seperti Haji Muhammad Yusuf Kenali (1870M – 1933M), Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad (1870M – 1920M), Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad (1874M – 1939M), Haji Ahmad Mannan (1884M – 1938M), dan Haji Omar Nuruddin Sungai Keladi (1867M – 1946M) dan lain-lain memberikan sumbangan besar dalam memperkayakan ilmu di Masjid Muhammadi¹⁶.

Selain itu, MAIK juga mengambil langkah dengan memperkenalkan silibus pengajian yang tersusun untuk kurikulum pengajian di Masjid Muhammadi. Pada bulan April 1932M, MAIK mengeluarkan sebuah risalah bertajuk “*Ringkasan Peraturan dan Peredaran*” yang setebal 20 muka surat. Risalah ini penuh dengan butiran peringkat pengajian, teks wajib yang diperakukan, jumlah jam pengajian, dan lain-lain secara sistematik¹⁷. Langkah ini adalah untuk menjadikan pengajian di Masjid Muhammadi lebih terstruktur dan berkesan dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat.

¹⁵ Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid, et al., *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* (Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012), 21

¹⁶ Abdul Razak Mahmud, Op. cit., 3

¹⁷ ibid

Pasca Perang Dunia Kedua (1937)

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Islam di negeri Kelantan. Beberapa tahun sebelum Perang Dunia Kedua tercetus, MAIK telah menubuhkan Madrasah Muhammadiyah (Arabiyah). Penubuhan madrasah ini merupakan lanjutan daripada “al-Madrasah al-Muhammadiyah al-Kalantaniyyah”, atau ringkasnya, Madrasah Muhammadiyah aliran Melayu¹⁸ yang ditubuhkan pada 5 Ogos 1917¹⁹. Tujuan utama penubuhan Madrasah Muhammadiyah (Arabiyah) adalah untuk menyediakan pengajian yang lebih bersistematik dengan menggunakan sistem ujian bagi kenaikan kelas, menjadikannya lebih teratur dan berkesan dalam penyampaian dan penguasaan ilmu agama.

Pada peringkat awal, madrasah ini menumpang di bangunan pejabat MAIK. Namun, pada tahun 1942, ia dipindahkan ke Jalan Merbau, Kota Bharu dan dikenali dengan nama baharu, Madrasah Arabiyah Jame’ Merbau Al-Ismaili. Penubuhan Madrasah Muhammadiyah ini menjadi titik tolak kepada perubahan besar dalam halaqah pengajian Islam di Masjid Muhammadi. Fungsi asal pengajian halaqah di Masjid Muhammadi sedikit demi sedikit diambil alih oleh Madrasah Muhammadiyah.

Perubahan ini berlanjutan sehingga pada tahun 1956, Madrasah Arabiyah Jame’ Merbau Al-Ismaili – sebelumnya dikenali dengan Madrasah

¹⁸ Penyata Majlis Tahun 1917 ada menyatakan, “Maka pelajaran yang ada di dalam Madrasah Muhammadiyah diajar sekarang ini dari ilmu agama dengan perkataan Melayu dan coba dengan sedikit-sedikit pelajaran Arab”.

¹⁹ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Soal Jawab Mengenai Sistem Lama dan Baru Persekolahan Agama Dalam Negeri Kelantan*, (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971), 3

Muhammadiyah – ditukar nama kepada Maahad Muhammadi. Penjenamaan semula ini mencerminkan peningkatan status dan peranannya dalam menyediakan pendidikan agama yang berkualiti dan bersistematik. Dengan adanya Maahad Muhammadi, Masjid Muhammadi beralih fungsi menjadi tempat kegiatan sembahyang berjemaah dan kelas al-Quran bagi penduduk sekitar sahaja.

Era Baharu (Abad Ke-21)

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, setelah halaqah pengajian Islam di Masjid Muhammadi dipindahkan ke Madrasah Arabiyyah Jame' Merbau Al-Ismaili, berakhirlah satu era penting dalam pengajian halaqah di Masjid Muhammadi. Namun, tidak lama selepas itu, pengajian ini dimulakan semula dengan bentuk, kaedah, suasana, sukatan pengajian, dan guru-guru yang berbeza. Pengajian ini kemudiannya dikenali dalam bentuk "kuliah", seperti kuliah subuh, kuliah maghrib, kuliah dhuha, dan seumpamanya.

Beberapa tokoh ulama Kelantan yang muncul pada dekad 40-an dan 50-an, khususnya yang tinggal di sekitar bandar Kota Bharu, seperti Haji Nik Abdul Rahman Khatib (1911 - 1968), Haji Ismail Pontianak (1882 - 1950), Haji Abdul Rahman Sungai Budor (1910 - 1960), dan Haji Muhammad Nor Ibrahim - yang kemudiannya menjadi Mufti Kelantan (1905 - 1987) dilaporkan pernah terlibat dalam menyampaikan kuliah-kuliah ini²⁰. Mereka memainkan peranan penting dalam memastikan tradisi pengajian Islam di Masjid Muhammadi terus hidup dan relevan dengan masyarakat.

²⁰ Abdul Razak Mahmud, *Op. cit.*, 57

Memasuki abad ke-21, tradisi pengajian secara “kuliah” diteruskan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya. Antara tenaga pengkuliah yang meneruskan perjuangan pengajian Islam di Masjid Muhammadi ialah Sahibus Samahah Dato' Kaya Perba Haji Mohamad Shukri (Mufti Negeri Kelantan), Sahibul Fadhilah Dato' Haji Nik Abdul Kadir bin Haji Nik Mohamad (Timbalan Mufti Kelantan), Ustaz Dato' Hj. Wan Hassan (Ahli Jamaah Ulama MAIK), Syeikh Wazir Che Awang Al-Makki, Maulana Hussin Abdul Qadir Yusufi, Tuan Guru Haji Abdul Rahim @ Baba Rahim, dan lain-lain. Kehadiran mereka memastikan bahawa Masjid Muhammadi terus berfungsi sebagai pusat ilmu yang dihormati dan menjadi antara rujukan utama dalam pengajian Islam di Kelantan.

Ini membuktikan bahawa kegiatan pengajian Islam di Masjid Muhammadi tidak pernah sunyi sejak awal penubuhannya, meskipun corak pengajiannya telah berubah sedikit demi sedikit dari semasa ke semasa. Perubahan ini mencerminkan adaptasi masjid terhadap keperluan dan keadaan semasa, tanpa mengorbankan tujuan utamanya sebagai pusat penyebaran ilmu Islam. Melalui usaha gigih para ulama dan sokongan padu masyarakat, Masjid Muhammadi terus memainkan peranan penting dalam mendidik umat Islam dan memperkukuhkan nilai-nilai agama di negeri Kelantan.

PENUTUP

Kesimpulannya, Masjid Muhammadi telah melalui evolusi yang signifikan dalam struktur binaan serta pengajian Islam sejak tahun 1867 hingga 2024. Perubahan dan adaptasi yang dilakukan menunjukkan komitmen masyarakat Kelantan dalam memastikan masjid

ini terus relevan dan berfungsi sebagai pusat penyebaran ilmu Islam. Dengan sejarah yang kaya dan peranan yang terus berkembang, Masjid Muhammadi kekal sebagai mercu tanda penting bagi pendidikan agama di Kelantan, menjadi inspirasi dan teladan bagi pembangunan masjid dan pusat pengajian Islam di seluruh negara.

RUJUKAN

- Ahmad Shalaby. (1997). *Sejarah dan Kebudayaan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna Baru.
- Al-Ghazali. (1992). *Ihya' Ulum al-Din* (Vol. 1, p. 120). Cairo: Al-Maktaba Al-Tawfiqiya.
- Haji Abdul Malik Karim Amrullah. (1980). *Tafsir Al-Azhar*. Kuala Lumpur: Pustaka Nasional.
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ilyas Muhammad. (1977). *Inteligensia Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Muhammad Nawi Bookstore.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (1971). *Soal jawab mengenai sistem lama dan baru persekolahan agama dalam negeri Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid, et al. (2012). *Puri Kencana: Kecemerlangan satu abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Muslim bin Al-Hajjāj Al-Naisābūrī. (n.d.). *Sohīh Muslim*. Beirut: Dār Ihyā' Al-Turāth Al-`Arabī.
- Raja Norafida Raja Idris. (2021). *Buku peringatan 150 tahun Masjid Muhammadi (1867 – 2017)*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Saad Shukri Haji Muda. (1971). *Detik-detik sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Syaikh Muhammad Mutawalli Al-Sya'rawi. (1985). *Khutbah Al-Jumu'ah wa Dawruha fi Al-Mujtama' Al-Islāmī*. Kaherah: Dar Al-Fikr.

LAMPIRAN



Gambar 1 : Masjid Besar 1905 [Sumber: Monograf Warisan Kelantan VII 1984]



Gambar 2: Masjid Muhammadi 1940 [Sumber: Pusat Rawatan Islam Darul Naim]



Gambar 3: Masjid Muhammadi 2024 [Sumber: Unit Media, Masjid Muhammadi Kota Bharu]

JADUAL KULIAH TAHUN 2024:

Kuliah Maghrib			
Hari	Minggu	Pengkuliah	Silibus
Ahad	1 & 3	Ustaz Riduan bin Haji Said	Mustika Hadis
	2 & 4	Ustaz Hj. Latfi bin Awang Man	Tajul Arus
Isnin	1 & 3	Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad	Khas
	2 & 4	Ustaz Nik Mohd Afif Azhan bin Nik Mohd Naidi	Anak Kunci Syurga
Selasa	1 & 3	Ustaz Dr. Azhar bin Abdullah	Soal Jawab Hudud
	2 & 4	Ustaz Nik Abdul Rahman Zaki	Tafsir al-Quran
Rabu	1 & 3	Ustaz Sanusi bin Derani	Ziarah ke Alam Barzakh
	2 & 4	Dr. Hj. Mohd Zin bin Mohmood	Jalan Menuju Allah
Jumaat	1 & 3	Ustaz Azri Hisyam bin Abd. Rahman	Minhajul Abidin
	2 & 4	Ustaz Ridhuan bin Abd Halim	Penawar Bagi Hati
Sabtu	Mingguan	Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad	Tadabbur Ayat Quran

Kelas Tafaqquh Fiddin		
(Pengajian setiap hari jam 8.00 – 10.00 pagi)		
Hari	Pengkuliah	Silibus
Ahad	Tuan Guru Sheikh Wazir Che Awang al-Kalantani al-Makki	Kitab Daf'u Syubhat
		Kitab Ihya' Ulumuddin
Isnin	Tuan Guru Maulana Hussin Abdul Qadir Yusufi	Kitab Aunul Makbud
		Kitab Fathul Bari Sahih Bukhari
Selasa	Tuan Guru Sheikh Wazir Che Awang al-Kalantani al-Makki	Kitab Sahih Muslim
		Kitab Nuzharul Nazor
Rabu	Tuan Guru Dato' Wan Hassan bin Wan Mohamad	Kitab Tafsir Jalalain
		Kitab Bulughul Maram

Khamis	Tuan Guru Dato' Nik Abdul Kadir bin Nik Mohamad	Kitab Tafsir Ibn Kathir
Jumaat	Tuan Guru Sheikh Wazir Che Awang al-Kalantani al-Makki	Kitab Iqna'
		Kitab Fathul Wahab
Sabtu	Tuan Guru Sheikh Wazir Che Awang al-Kalantani al-Makki	Kitab Muwatto'
		Kitab Mahalli

Kelas Pengajian Jumaat (Pengajian setiap hari jumaat selepas waktu asar)		
Hari	Pengkuliah	Silibus
Jumaat	Tuan Guru Haji Abdul Rahim bin Omar @ Baba Rahim	Kitab Hikam
		Kitab Aqidatul Najin

Kuliah Mingguan Muslimat (Pengajian setiap hari sabtu jam 9.00 - 10.00 pagi)			
Hari	Minggu	Pengkuliah	Silibus
Sabtu	Pertama & Kedua	Ustazah Mariam Omar	Kitab Sairus Salikin
	Ketiga & Keempat	Ustazah Maisuri Ismail	Kitab Fiqh al-Hadith

SEJARAH HIDUP IMAM AL-GHAZALI DAN PENGEMBARAAN ILMU:

SATU SOROTAN

AHMAD MUJAHIDEEN BIN HAJI YUSOFF

Pegawai Kokurikulum, Maahad Tahfiz al-Quran

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Abstrak

Para ulama telah memainkan peranan dan memberikan sumbangan yang besar dalam proses pengembangan dan penyebaran ilmu kepada umat manusia. Imam al-Ghazali merupakan seorang tokoh ulama yang sangat masyhur dan dihormati kerana melalui pengembaraan ilmu yang hebat sehingga dapat menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan menjadi sumber rujukan pelbagai pihak. Namun begitu, sejarah hidup dan pengembaraan ilmu beliau yang hebat dan mengagumkan ini masih kurang didedahkan kepada umum. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengulas tentang sejarah hidup Imam al-Ghazali dan pengembaraan ilmu beliau. Artikel kualitatif ini menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisan data yang melibatkan kaedah kepustakaan yang terdiri daripada bahan-bahan bercetak, manakala perisian N-Vivo 2.0 digunakan dalam proses penganalisan data. Artikel ini memerihalkan bahawa sejarah hidup Imam al-Ghazali yang bermula di kampung halaman beliau di Thus, Iran dan menempuhi pengembaraan ilmu ke serata tempat sehingga menjadikan beliau seorang tokoh ilmuan Islam yang disegani. Berdasarkan kepada perihal tersebut, ternyata Imam al-Ghazali merupakan seorang tokoh cendekiawan dan pemikir Islam yang menguasai berbagai-bagai bidang ilmu yang menjadi sumber rujukan banyak pihak.

Kata kunci: al-Ghazali, sejarah hidup, ilmu

1.0 PENDAHULUAN

Ulama adalah pewaris tugas dan peranan sekalian nabi dan rasul dalam menyampaikan ilmu Islam kepada seluruh umat manusia. Perkara ini ada dinyatakan dalam sebuah hadis sahih yang mana Nabi Muhammad saw bersabda (Abu Dawud, 1413H: 655):

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

Maksudnya: "... Dan sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris sekalian nabi..."

Di tangan ulama menjadi penentu kepada kemajuan dan kemunduran bangsa di muka bumi ini, terang dan gelapnya bangsa, baik dan buruknya masyarakat. Namun jika sebaliknya para ulama itu tidak berfungsi dan berperanan dengan baik, maka akan buruk dan binasalah umat berkenaan. Oleh itu, peranan para ulama dalam perkembangan Islam tidak dapat disanggah dan dipertikaikan. Hal ini kerana semua bentuk kesungguhan dan usaha mereka dalam mencari dan menuntut ilmu serta mendidik telah membawa kepada satu perubahan yang positif kepada masyarakat (Ahmad Mujahideen Haji Yusoff, 2019: 2).

Para ulama dan pemikir Islam terdahulu tidak sedikit meninggalkan khazanah ilmu dan pemikiran mereka. Kesan daripada keilmuan dan kewibawaan mereka itu dapat dirasai sehingga sekarang. Tidak hanya dari segi pemikiran, ilmu yang mereka tinggalkan telah memberikan pengaruh dan kesan yang mendalam dalam diri umat Islam, bahkan juga kepada bukan Islam. Demikian halnya ilmunan dan pemikir Islam, Imam al-Ghazali.

Imam al-Ghazali adalah nama yang terkenal dalam kalangan umat Islam dan bukan Islam. Seorang tokoh terkemuka yang menyebarkan pengaruh dan ideanya ke seluruh dunia Islam dan Barat. Pengaruh Imam al-Ghazali dalam dunia Islam amat mendalam dan luas sekali. Hasil karyanya dibaca dan dikaji di Timur dan Barat sama ada dalam kalangan bangsa Arab atau bukan Arab. Bahkan pengkaji-pengkaji bukan Islam turut meneliti hasil karyanya dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa (Abdul Salam Hj. Yusoff, 2002: 42).

Ironinya, kisah dan jalan hidup Imam al-Ghazali masih terasa asing. Kebanyakan orang Islam masih tidak mengenalinya dengan sepatutnya. Imam al-Ghazali merupakan seorang cendekiawan Islam dan tokoh ilmunan yang sangat dikagumi dan disegani. Melalui pengembaraan ilmu, beliau dapat menguasai pelbagai bidang ilmu yang memberikan manfaat yang besar dalam

penyebaran ilmu. Oleh itu, beliau tidak meninggalkan harta yang bertimbun-timbun untuk dijadikan rebutan tetapi peninggalan beliau merupakan khazanah ilmu yang tidak dapat dinilai dengan sebarang material.

Imam al-Ghazali juga merupakan salah seorang pemikir besar Islam. Sepanjang hidup, beliau telah menghabiskan masa hidup dengan pengembaraan menuntut ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu. Nama Imam al-Ghazali sangat masyhur dalam kalangan umat Islam dan amat jarang sekali pelajar-pelajar agama Islam yang tidak mengenali tokoh hebat ini, bahkan beliau disanjung tinggi orang Islam dan bukan Islam (Abd al-Rahman al-Badawi, 1977: 9).

Selain itu, Imam al-Ghazali adalah seorang pemikir kemanusiaan secara umumnya. Beliau juga merupakan seorang yang cerdas minda dan mempunyai pelbagai kelebihan serta keunggulan dalam pelbagai aspek. Pada zaman tersebut, beliau menguasai sebahagian besar ilmu agama. Ilmu yang dikuasai beliau termasuklah fiqh, usul fiqh, ilmu kalam, mantiq, falsafah, tasawuf, akhlak dan lain-lain (Rina Rosia, 2018: 93).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini berbentuk kualitatif yang merupakan sebuah kajian kepustakaan yang melibatkan proses pengumpulan data daripada bahan-bahan bercetak dan menggunakan perisian N-Vivo 2.0 dalam proses penganalisan data untuk mendapatkan hasil dapatan yang sepatutnya daripada artikel ini.

3.0 SEJARAH HIDUP IMAM AL-GHAZALI

Nama lengkap Imam al-Ghazali ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (Muhammad Jalal Syaraf & Ali Abd al-Mut'i Muhammad, 1978: 361) yang dilahirkan di Thus, salah sebuah kota di Khurasan (Iran) (Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi, 2006: 323) pada pertengahan abad kelima hijriyyah (450H/1058M) (Sufyan Mubarak, 2020: 55). Nama sebenar beliau hanyalah Muhammad. Beliau telah berkahwin sebelum umurnya mencecah 20 tahun dan telah dikurniakan empat orang anak, tiga perempuan dan seorang lelaki (Mohd Fauzi Hamat, 2005: 14). Beliau dikenali sebagai Abu Hamid kerana mempunyai anak lelaki yang

bernama Hamid yang meninggal dunia ketika masih bayi (Abdul Azis Awang Kechik & Mohd Hasbie As-Shiddique Ahmad, 2017: 903).

Imam al-Ghazali dikenali sebagai Hujjatul Islam kerana pandangan dan wawasan beliau yang luas dalam pelbagai disiplin ilmu agama (Yusuf al-Qardhawi, 1997: 9). Beliau juga dikenali sebagai al-Imam al-Salafi, al-Syafi'e dan al-Naisyaburi (Osman Bakar, 1997: 196). Imam al-Ghazali bermazhab akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah al-Asya'iriyah dan bermazhab fiqh al-Syafi'iyah (Busyairi Madjidi, 1997: 79).

Namun terdapat perbezaan pendapat tentang nama Imam al-Ghazali. Menurut satu pendapat, "Ghazali" diambil daripada perkataan "Ghazalah" iaitu nama kampung kelahiran Imam al-Ghazali. Istilah ini kadangkala disebut "al-Ghazzali". Istilah ini berasal dari perkataan "Ghazzal" yang bermaksud pintal benang kerana pekerjaan ayah Imam al-Ghazali ialah seorang pemintal benang (Sudarsono SH, 2010: 62). Hal ini dijadikan sandaran kebanyakan ahli sejarah yang merupakan pendapat Ibn al-Athir dengan bacaan *tasydid* iaitu penyandaran nama kepada pekerjaan bapa Imam al-Ghazali ('Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki, 1999: 192).

Namun di Barat, Imam al-Ghazali mendapat gelaran dan lebih dikenali sebagai "Algazel" (Azmi Aziz & Wan Ramli Wan Muhammad, 2006: 20). Misalnya Bertrand Russel, seorang cendekiawan Barat ada menyebut "Algazel" dalam bukunya (Bertrand Russel, 1946: 477). Bahkan dalam kalangan para orientalis, Imam al-Ghazali adalah paling terkemuka dalam penulisan menurut W. M. Gairdner, Margaret Smith, Donaldson, Farsi, Lazaruth-Yafeh, Macdonald dan lain-lain (Abdul Salam Hj. Yussof, 2002: 47).

Berkenaan keluarga Imam al-Ghazali, tidak banyak maklumat yang dijumpai. Namun ada yang menyatakan bahawa keluarga Imam al-Ghazali adalah berketurunan Parsi. Ayah beliau seorang yang miskin dan menyebabkan tidak mempunyai peluang untuk menuntut ilmu ketika usia mudanya (Syamsul Anwar, 2015: 53). Walaupun hidup dalam serba kekurangan, ayah Imam al-Ghazali adalah seorang yang soleh, rajin mengikuti pengajian bersama para ulama yang sesuai dengan kemampuannya dan sangat menyenangkan mereka serta sering memberikan sesuatu dari hasil jerih payahnya sebagai menghargai dan menghormati mereka. Bahkan ayah beliau sentiasa berdoa agar anaknya kelak menjadi seorang ulama. Namun hajatnya tidak kesampaian kerana ajalnya tidak memberi kesempatan kepadanya untuk menyaksikan kehebatan anaknya sebagaimana doanya (Ahmad Hanafi, 1996: 135).

Ayah Imam al-Ghazali meninggal dunia ketika Imam al-Ghazali masih kecil. Sebelum meninggal dunia, ayah beliau telah menitipkan Imam al-Ghazali kepada seorang guru sufi untuk mendapat tunjuk ajar dan bimbingan dalam kehidupan. Ayah Imam al-Ghazali adalah seorang wara' yang hanya makan dari usaha tangannya sendiri. Pekerjaannya ialah sebagai pemintal dan penjual benang (Shafique Ali Khan, 2005: 15).

Ayah beliau wafat ketika Imam al-Ghazali dan saudara kandungnya Ahmad masih dalam usia kanak-kanak. Ketika hampir wafat, ayah beliau berwasiat kepada salah seorang kawan rapatnya daripada ahli sufi untuk mendidik dan membesarkan kedua-dua anak beliau tersebut. Ayah Imam al-Ghazali berkata kepada kawannya, "Saya sangat menyesal dahulu kerana tidak belajar. Oleh itu, saya berharap agar keinginan itu wujud pada kedua-dua anak saya ini. Maka didiklah kedua-duanya dan gunakanlah sedikit harta yang saya tinggalkan ini untuk mengurus keperluan mereka" (Supriyadi Dedi, 2019: 144).

4.0 PENGEMBARAAN ILMU

Imam al-Ghazali mengisi waktu-waktu lapang beliau dengan mendatangi tokoh-tokoh agama dan para ahli fiqh di majlis-majlis mereka untuk mendengarkan pengajarannya. Beliau pertama sekali belajar agama di Thus sehingga berusia 15 tahun (Abd al-Karim Uthman, t. th.: 17). Kemudian al-Ghazali meneruskan pengajian ilmu di Jurjan, dan akhirnya di Naisabur (Sufyan Mubarak, 2020: 55).

Ramai ulama yang pernah mendidik Imam al-Ghazali dan antara guru yang pernah mendidik beliau dalam ilmu fiqh ialah Abu Hamid Ahmad bin Muhammad al-Razkani al-Thusi, Abu al-Qasim al-Ismaili dan yang terakhir ialah Imam al-Haramain al-Juwaini. Guru-guru Imam al-Ghazali dalam bidang hadis ialah Muhammad bin Ahmad bin Abdullah al-Hafs al-Marwazi, al-Hakim Abu al-Fatah Nasr bin Ali al-Hakimi al-Thusi, Abdullah bin Muhammad bin Ahmad al-Khawari, Muhammad bin Yahya al-Suja' al-Zauzani, Nasr bin Ibrahim al-Maqdisi dan terakhir ialah Umar bin Abi al-Hassan al-Ru'asi al-Dahsatani. Manakala guru-guru Imam al-Ghazali dalam bidang tasawuf pula seperti al-Fadhl bin Muhammad bin Ali al-Faramdi al-Thusi dan Yusuf al-Nassaj. Ketika Imam al-Ghazali berada di Jurjan, beliau telah berguru dengan Syeikh Ismail bin

Saadah al-Ismail. Tempoh pengajian ketika beliau berada di Jurjan ialah selama lima tahun (Abdul Azis Awang Kechik & Mohd Hasbie As-Shiddieque Ahmad, 2017: 903).

Di masa kanak-kanak, Imam al-Ghazali belajar dengan Ahmad bin Muhammad al-Razkani di Thus, kemudian belajar dengan Abi Nasr al-Isma'ili di Jurjan dan akhirnya beliau kembali ke Thus lagi ('Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki, 1999: 195). Ilmu pengetahuan yang ada di Thus tidak cukup bagi Imam al-Ghazali. Oleh itu, beliau kemudiannya pergi ke Naisabur yang merupakan salah satu dari kota perkembangan ilmu pengetahuan yang terkenal pada zaman itu. Di sini beliau belajar ilmu-ilmu yang popular pada masa itu seperti fiqh mazhab, ilmu kalam, usul fiqh, falsafah, mantiq, dan ilmu-ilmu agama yang lainnya daripada Imam al-Haramain al-Juwaini, seorang ahli teologi Asya'irah yang paling terkenal pada masa itu (Supriyadi Dedi, 2019: 145). Pengajian beliau di bawah bimbingan gurunya Imam al-Haramain al-Juwaini sedikit sebanyak telah berjaya mendedahkan beliau tentang ilmu falsafah (Mohd Fauzi Hamat, 2005: 15).

Oleh kerana kecerdasan yang dimiliki, semua ilmu tersebut dapat dikuasai dalam waktu yang singkat. Bahkan Imam al-Ghazali sempat menampilkan karya perdananya dalam bidang ilmu fiqh iaitu *Mankhul min Ta'liqat al-Usul*. Dengan demikian, semakin lengkaplah ilmu yang diterima beliau selama berada di Naisabur. Boleh dikatakan saat itu Imam al-Ghazali telah menonjol kehebatan dalam menguasai pelbagai disiplin ilmu pengetahuan (Ahmad Zaini, 2016: 151).

Kemudian setelah guru beliau Imam al-Haramain al-Juwaini wafat pada tahun 478H, Imam al-Ghazali berpindah ke Mu'askar dan mempunyai hubungan yang baik dengan Nizam al-Mulk, Perdana Menteri Sultan Bani Saljuk yang kemudian melantik beliau menjadi pengetua di Sekolah Nizamiyah, Baghdad. Pelantikan beliau ini didasarkan kepada reputasi ilmiah beliau yang begitu hebat. Di Baghdad, nama Imam al-Ghazali semakin popular dan kelompok pengajian beliau semakin meluas (Sirajuddin Zar, 2019: 160). Beliau menjawat jawatan tersebut selama lima tahun pada tahun 1091 M sehingga 1095 M (Azmi Aziz & Wan Ramli Wan Muhammad, 2006: 21).

Imam al-Ghazali pernah menderita sakit selama enam bulan. Kemudian beliau meninggalkan semua jawatan yang disandangnya di Baghdad dan mengembara ke Damaskus. Pada tahun 490H, beliau pergi ke Palestin dan kemudiannya berangkat ke Mekah dan Madinah untuk menunaikan ibadah haji dan berziarah ke makam Rasulullah saw (Azmi Aziz & Wan Ramli Wan Muhammad, 2006: 161).

Selesai menunaikan ibadah haji, Imam al-Ghazali pergi ke Syam dan menetap di sana untuk seketika waktu. Setelah itu, beliau pergi ke Baitul Maqdis dan Mesir. Kemudian beliau kembali ke Thus untuk menulis karya-karya. Menurut Ibnu Khallikan, Imam al-Ghazali diminta untuk kembali ke Naisabur dan mengajar kembali di Sekolah Nizamiyah. Namun beliau sekali lagi meninggalkan sekolah tersebut dan kembali ke rumah beliau di Thus dengan menyebarkan ilmu pengetahuan dan menghabiskan waktu untuk berbuat kebajikan (Abu al-Wafa al-Ghanimi al-Taftazani, 2003: 153). Keadaan tersebut berlangsung selama sepuluh tahun dan pada masa itu Imam al-Ghazali telah menghasilkan karya-karya yang terkenal seperti *Ihya' Ulum al-Din* (Azmi Aziz & Wan Ramli Wan Muhammad, 2006: 21).

Kitab *Ihya' Ulum al-Din* merupakan sebuah karya yang sangat sinonim dengan Imam al-Ghazali dan telah mendapat banyak pujian daripada para ulama. Ibnu Taimiyah berpendapat bahawa *Ihya' Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali secara amnya adalah sebuah kitab yang ditulis dengan baik dan menggunakan gaya yang menarik (Sayyid Abul A'la Maududi, 2009: 60). Ibn Jawzi mengakui bahawa keberkesanan *Ihya' Ulum al-Din* dan sumbangannya amat berharga kepada pemikiran Islam (Ahmad Zaki Haji Ibrahim, 1988: 105).

Imam al-Ghazali sangat berjasa kepada Islam dan umat Islam kerana beliau mampu mencipta keseimbangan keagamaan. Bahkan Philip K. Hitti seorang orientalis Barat menempatkan Imam al-Ghazali di kedudukan kedua selepas Nabi Muhammad saw dalam bidang pemikiran dan peletakan dasar-dasar ajaran Islam. Begitu juga dengan Zwemmer seorang ahli penyelidikan Protesten mempunyai kesan bahawa sesudah Nabi Muhammad saw, telah datang dua orang individu yang hebat untuk menambahkan lagi kewibawaan Islam iaitu Imam al-Bukhari dalam bidang hadis dan Imam al-Ghazali dalam bidang sufisme (Syofrianisda dan M. Arrafie Abduh: 71).

Ramai ilmuan Islam yang memuji dan menyanjungi Imam al-Ghazali. Antara pujian terhadap Imam al-Ghazali seperti kenyataan al-Yafi'i: "Kalau wujud nabi selepas Nabi Muhammad saw, pasti orang itu ialah Imam al-Ghazali". Imam al-Nawawi pula pernah berkata: "Hampir-hampir kitab *Ihya' Ulum al-Din* mengambil tempat al-Qur'an". Kata al-Subki: "Tidak tahu ada orang selepas Imam al-Ghazali yang sama sepertinya terutama dari segi kadar memiliki ilmu. Pasti tidak ada orang yang akan datang sepertinya". (Ahmad al-Syarbasi, t. th.:124). Bahkan ramai tokoh ilmuan yang amat cenderung dan menghormati Imam al-Ghazali seperti Syah

Waliyullah al-Dahlawi, Uthman Fodio, Hasan al-Banna dan Syed Muhamad Naquib al-Attas (Aboebakar Acheh, 1976: 175).

Imam al-Ghazali memiliki daya ingatan yang kuat dan bijak berhujah. Beliau digelar dengan Hujjatul Islam kerana kemampuan tersebut. Beliau sangat dihormati kerana berjaya menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Imam al-Ghazali sangat mencintai ilmu pengetahuan sehingga sanggup meninggalkan segala kemewahan hidup untuk bermusafir dan mengembara serta meninggalkan kesenangan hidup demi mencari ilmu pengetahuan. Sebelum memulai pengembaraan, beliau telah mempelajari karya sufi ternama seperti al-Junaid dan Bayazid Busthami. Beliau terkenal sebagai ahli falsafah Islam yang telah mengharumkan nama Islam di Eropah melalui hasil karya beliau yang sangat bermutu tinggi (Nasution Ahmad Bangun, 2015: 164).

Imam al-Ghazali mengabdikan diri untuk menimba ilmu pengetahuan selama berpuluh-puluh tahun lamanya dan mendapat kebenaran yang hakiki pada akhir hayatnya. Dinukilkan daripada Ahmad (saudara Imam al-Ghazali) pada subuh hari Isnin, saudaraku Abu Hamid berwudhuk dan solat, lalu beliau berkata, “Bawa kemari kain kafan saya.”. Lalu beliau mengambil dan menciumnya serta meletakkannya di kedua matanya dan berkata, “Saya patuh dan taat untuk menemui Malaikat Maut”. Kemudian beliau meluruskan kakinya dan menghadap kiblat. Beliau meninggal dunia sebelum langit menguning (menjelang pagi hari) (Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi, 2006: 325).

Imam al-Ghazali telah menghembuskan nafas terakhir di kampung beliau iaitu Thus pada hari Isnin, 14 Jamadil Akhir tahun 505H bersamaan 19 Disember 1111M ketika berusia 55 tahun (‘Abd al-Wahhab bin ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi al-Subki, 1999: 201). Jenazah Imam al-Ghazali disemadikan di sebelah timur perkuburan al-Thabaran berhampiran dengan kubur seorang penyair terkenal iaitu Firdausi (Abdul Azis Awang Kechik & Mohd Hasbie As-Shiddieque Ahmad, 2017: 904).

6.0 PENUTUP

Menelusuri sejarah hidup dan perjalanan dalam menuntut ilmu serta menyebarkannya kepada masyarakat telah memberikan kita pelajaran bahawa orang-orang Islam zaman dahulu adalah

merupakan ilmuwan yang diakui keilmuan dan kewibawaan mereka. Kepakaran mereka ini merupakan permata dalam bidang keilmuan Islam itu sendiri. Imam al-Ghazali adalah merupakan ilmuan dan pemikir Islam yang tidak asing dalam dunia ilmu dan falsafah. Perjalanan hidup dan pengembaraan ilmu beliau masih disebut-sebut sehingga kini kerana beliau di antara ilmuwan dan pemikir dalam ilmu agama atau ilmu umum yang memainkan banyak peranan dan memberi sumbangan yang besar dalam tamadun Islam dan tamadun Eropah pada waktu dahulu. Keilmuan dan kehebatan beliau juga telah diakui oleh orang bukan Islam sehingga mereka juga mengambil ilmu dan pelajaran daripada tokoh ilmuan hebat ini.

Jika kita imbas kembali lembaran sejarah Islam, nama Imam al-Ghazali memang terkenal. Beliau merupakan seorang tokoh terkenal yang mencapai kemuncak ilmu dan nama beliau meniti di bibir masyarakat seluruh dunia termasuk di dunia Barat. Imam al-Ghazali merupakan seorang ulama yang masyhur khususnya dalam kalangan mereka yang mengkaji karangan *Ihya' Ulum al-Din*, *Minhaj al-'Abidin*, dan *Bidayah al-Hidayah*. Jika diperhalusi kisah hidup dan perjalanan keilmuan beliau, semua orang akan mengagumi kebolehan, kesungguhan dan kecekalan Imam al-Ghazali dalam memperjuangkan agama dan ilmu. Oleh kerana ilmu beliau yang tinggi, maka tidak hairanlah beliau digelar Hujjatul Islam. Kecintaan yang mendalam terhadap ilmu menyebabkan kehebatan beliau dalam menguasai pelbagai cabang ilmu. Beliau bukan sahaja mahir dalam ilmu agama seperti fiqh, malah ilmu-ilmu lain seperti ilmu kalam dan falsafah. Oleh kerana kehebatannya, Imam al-Ghazali dianggap sebagai seorang ulama yang disegani. Kaum muslimin yang belum mengenali beliau dapat mengetahui sejarah hidup dan pengembaraan ilmu sehingga setiap kaum muslimin yang mengikutinya, hendaklah mengambil hikmah dan pengajaran daripadanya.

RUJUKAN

- Abd al-Karim Uthman. (t. th.). *Sirah al-Ghazali*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Abd al-Rahman al-Badawi. (1977). *Muallafat al-Ghazali*, Kuwait: Dar al-Qalam.
- Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki. (1999). *Tabaqat al-Syafi 'yyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abdul Azis Awang Kechik & Mohd Hasbie As-Shiddieque Ahmad. (2017). *Takhrij dan Analisis Hadith-Hadith Mengenai Kelebihan Menuntut Ilmu: Kajian Terhadap Kitab Ihya' Ulum al-Din Karya Imam al-Ghazali*, Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017).
- Abdul Salam Hj. Yussof. (2002). *Pujian dan Kritikan Terhadap Imam al-Ghazali*, Jurnal Pengajian Umum, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, bil. 6, 2002.
- Abobekar Acheh. (1976). *Sejarah Filsafat Islam*, Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Abu al-Wafa al-Ghanimi al-Taftazani. (2003). *Sufi dari Zaman ke Zaman: Suatu Pengantar tentang Tasawuf*. Diterjemahkan oleh Ahmad Rofi' Utsmani dari Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islam. Bandung: Pustaka Pelajar.
- Abu Dawud Sulayman al-Ash'ath al-Sajistani. (1413H). *Sunan Abi Dawud*, Kitab Awwal Kitab al-'Ilm, Bab Fi Fadhl al-'Ilm, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. Ditahqiq oleh Muhammad Nasir al-Din al-Albani.
- Ahmad al-Syarbasi. (t. th.). *Al-Ghazali wa al-Tasawuf al-Islami*. Kaherah: Darul Hilal.
- Ahmad Hanafi. (1996). *Pengantar Filsafat Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Ahmad Zaki Haji Ibrahim. (1988). *Al-Imam al-Ghazali: Pengaruh dan Penglibatannya dengan Orang Lain*, Seminar al-Imam al-Ghazali dan Sumbangannya, 23-25 September 1988.
- Ahmad Mujahideen Haji Yusoff. (2019). *Metodologi Penulisan dan Takhrij Hadis dalam Kitab Bersiri "40 Hadis Membudayakan al-Sunnah"*, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Ahmad Zaini. (2016). *Pemikiran Tasawuf Imam al-Ghazali*, Esoterik: Jurnal Akhlak dan Tasawuf, vol. 2, no. 1.
- Azmi Aziz & Wan Ramli Wan Muhammad. (2006). *Tokoh Falsafah Dunia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bertrand Russel. (1946). *History of Western Philosophy*, London: Simon and Schuster, Inc.

- Busyairi Madjidi. (1997). *Konsep Pendidikan Para Filosof Muslim*, Yogyakarta: Percetakan al-Amin.
- Mohd Fauzi Hamat. (2005). *Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi. (2006). *Siyar A'lam al-Nubala'*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad Jalal Syaraf & Ali Abd al-Mut'i Muhammad. (1978). *Al-Fikr al-Siyasi fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Jami'at.
- Nasution Ahmad Bangun. (2015). *Akhlak Tasawuf: Pengenalan, Pemahaman, dan Pengaplikasiannya (Disertai Tokoh-tokoh Sufi)*, Jakarta: PT Raja Graindo Persada.
- Osman Bakar. (1997). *Hieraki Ilmu: Membangun Rangka Fikir Islamisasi Ilmu*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Rina Rosia. (2018). *Pemikiran Tasawuf Imam al-Ghazali dalam Pendidikan Islam*, Jurnal Inspirasi, vol. 1, no. 3 Januari-Jun 2018.
- Sayyid Abul A'la Maududi. (2009). *A Short History of the Revivalist Movement in Islam*, New Delhi: Human Welfare Trust Publication.
- Shafique Ali Khan. (2005). *Filsafat Pendidikan al-Ghazali*, cet. 1, Bandung: Pustaka Setia.
- Sirajuddin Zar. (2019). *Filsafat Islam: Filosof dan Filsafatnya*, Jakarta: PT Raja Graindo Persada.
- Sudarsono SH. (2010). *Filsafat Islam*, cet. 3, Jakarta: Rineka Cipta.
- Sufyan Mubarak. (2020). *Riwayat Hidup dan Pemikiran al-Ghazali*, Jurnal Qisthosia, Jurnal Syariah dan Hukum, vol. 1, no. 1, Jun 2020.
- Supriyadi Dedi. (2019). *Pengantar Filsafat Islam*, cet. 4, Bandung: Pustaka Setia.
- Syamsul Anwar. (2015). *Pemikiran Usul Fiqih al-Ghazali*, Yogyakarta: Suara Muhammdiyah.
- Syofrianisda & M. Arrafie Abduh. (2017). *Pengaruh Tasawuf al-Ghazali dalam Islam dan Kristen*, Jurnal Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Indonesia, vol. 25, no.1, Januari-Jun 2017.
- Yusuf al-Qardhawi. (1997). *Pro-Kontra Pemikiran al-Ghazali*, cet. 1, Surabaya: Risalah Gusti.

ENHANCING THE FUNCTION OF MASJID IN KELANTAN

Ameer Azezy bin Tuan Abdullah¹

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Abstract

This article explains the importance of masjid in Islam with a specific survey in Kelantan. Based on the method of observation, interviews and written documents, the author found that the Islamic Religious Council of Kelantan (MAIK) as the main body that looks after the masjid in Kelantan has organized various activities in each masjid as well as created an effective evaluation to every masjid in Kelantan. A training academy has been established to improve the skills of masjid officials. The author also suggests a few steps to strengthen the function of masjids in Kelantan.

Keywords: masjid, function, activities, evaluation, academy.

Abstrak

Artikel ini menjelaskan kepentingan masjid dalam Islam dengan tinjauan khusus di negeri Kelantan. Berdasarkan kaedah pemerhatian, temu bual dan kajian daripada dokumen bertulis, penulis mendapati bahawa Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) sebagai badan utama yang menjaga institusi masjid bertanggungjawab menjaga hal ehwal masjid di negeri Kelantan dan telah menyusun pelbagai aktiviti di setiap masjid serta mewujudkan penilaian tersendiri kepada setiap masjid di Kelantan. Sebuah akademi latihan telah diwujudkan untuk mempertingkatkan kemahiran para pegawai masjid. Penulis turut mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi memperkasa fungsi masjid di Kelantan.

Kata kunci: masjid, fungsi, aktiviti, penilaian, akademi

Introduction

The mosque or masjid (مسجد) is a place for prostration in prayer as the house of Allah SWT. It comes from Arabic word *sajada* (سجد) meaning prostrate. Masjid also means a building erected or used or caused to be used for holding the Jumaat prayer.² The masjid is a centre of worship, a centre for the study of the Quran and Sunnah, and a centre where jurists teach Islamic law.³ The guests who visit this house of Allah are those who are willing to be servants of Allah the All-Merciful and making promises to follow all His commandments and avoiding all that He forbids. In Kelantan the Council of the Religion of Islam and Malay Custom

¹ This author is working as Chief Zakat Officer at Council of Religion of Islam and Malay Customs Kelantan.

² *Laws of The State of Kelantan, Enactment 4, Council of The Religion of Islam and Malay Custom, Kelantan Enactment 1994, Part 1-Preliminary, Section 2, Interpretation* (2011). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, p.12.

³ Muhammad Uthman el-Muhammady (2020), *Masjid dalam Islam: Sejarah, Peran dan Kedudukan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, p.2.

Kelantan (MAIK) has been the sole trustee for all mosques or masjids since more than one hundred and eleven years ago.⁴

It is at masjid, that the Muslims strengthen their *iman* (faith) five times daily that they will steadfastly hold onto Islam without questioning the authority of Allah and will not share Him with other beings. As we know it is at this house of Allah too, that those men secure and strengthen their personalities to face the challenges of the world which are always threatening their aqidah as well as their worship and morals when they perform *solah* in the congregation. This is in line with the word of Allah SWT in Surah al-Ankabut verse 45:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Meaning: “For prayer fends away indecency and evil.”⁵

In the days of our beloved Prophet SAW, the masjid was not only used as a place for the ibadah of *solah*. It also functions as a place for administering matters about Muslims and becoming a place to solve various problems in life. The Prophet SAW also gave instructions and orders in the masjid, besides receiving a group of people who came to meet him SAW.

Masjid has become the place where the companions of the Prophet SAW gathered to perform *solah* in the congregation as well as listen to lectures from the Prophet SAW about the teachings of Islam. Masjid should not become a frozen institution, just to perform *solah* but the Muslims must understand that masjid comes with big essential functions more than performing *solah*.

Islam combines ibadah with all activities in the life of human beings. All masjids in those previous days were made as complex for the centre of administration which embraced all aspects from matters of education, economy, health, defence and international relations.⁶ Indeed masjid is given high recognition in Islam as Allah states in Surah al-Taubah verse 108:

⁴ Ameer Azezy bin Tuan Abdullah (2022), *Activate the Function of the Masjid in Kelantan* in Pengasuh Vol.676. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, p. 60.

⁵ Abdullah Basmeih & Dato’ Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim (2007), *Tafsir Ar-Rahman Interpretation of the Meaning of the Quran (30 Parts)*. Kuala Lumpur: Department of Islamic Development Malaysia, p. 758.

⁶ Ameer Azezy bin Tuan Abdullah (2022), *op.cit*, p.59.

لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ رَبِّهِ رِجَالٌ مُّجْتَبُونَ أَنْ
يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

Meaning: “There is a mosque (masjid) whose foundation was laid from the first day on piety; it is more worthy of the standing forth (for prayer) therein. In it are men who love to be purified; and Allah loveth those who make themselves pure.”

While in Surah al-Hajj verse 40 Allah SWT says:

يَوْمَسَاجِدٍ يُذَكَّرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا

Meaning: “And mosques (masjids), in which the name of Allah is commemorated in abundant measure.”

Abu Hurairah r.a. narrated that the Messenger of Allah SAW said:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا وَأَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا

Meaning: “The place that Allah loves the most is the mosque, and the place that Allah hates the most is the market.”⁷

Referring to the meaning of this hadith, Imam al-Nawawi stated that this is because mosques or masjids are houses of obedience built on taqwa or piety. It is also the place where Allah’s mercy descends. The market or place of public transactions often involves the vices of fraud, oppression, usury, false swearing, breach of promise, neglect of zikrullah etc.⁸

Development of Masjid under MAIK

⁷ Abu al-Hasan Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naysaburi (2002), *Sahih Muslim*, “Bab Fadhli al-Julus fi Musallahu ba’da al-Subh wa Fadhli al-Masajid” hadith no. 671. Mansurah: Dar Ibn Rajab. p.321

⁸ Abdullaah Jalil (2020), *Empat Puluh Hadith Kemuliaan Masjid & Adab-adabnya*. Nilai: Wisdom Publication, p.4.

As Muslim, we should always strive to get closer to the masjid and learn about its important functions to train ourselves to become a great balanced community.

One of the objectives of MAIK in its early inception was to develop the masjids besides several other objectives mentioned such as providing religious (Arabic) and Malay schools, translating religious scriptures to Malay language, conducting businesses, providing assistance to the poor and indigents and others.⁹ There was no information on the early history of mosque-*surau* establishment in Kelantan, but by referring to the Masjid Kampung Laut which was said to be one of the earliest mosques ever built in the state of Kelantan, Ustaz Abdul Razak Mahmud (2018) believes that the mosque institution has had a long history in this state.

In 2024 Kelantan has more than 610 mosques or masjids under 10 districts. In line with the increased population as well as the significant level of progress achieved in Kelantan from time to time, the number of masjids and surau also expanded. We have 1 state mosque, 20 district and town mosques as well as more than 600 *mukim* mosques all over Kelantan.¹⁰ Let us remind ourselves of the advice given by beloved Prophet SAW, as narrated by Imam al-Bukhari and Muslim from Abu Hurairah r.a., he stated that among those who receive protection of Allah in the hereafter are those people whose hearts are attached to the masjid or mosque. The Prophet SAW said:

وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ

Meaning: “A man whose heart is attached to the mosques.”¹¹

After reviewing the progress made by the mosques or masjids which were the centre of civilization, we Muslims should change our negative concepts concerning the function and roles of masjid.

⁹ Abdul Razak Mahmud (2018), *MAIK Its Role In The Field of Religion, Education and Publication in Kelantan until 1990*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, p.61

¹⁰ *Ibid*, p.64-65.

¹¹ Meaning who offers the five compulsories congregational *solah* (prayers) in the mosques. See Zainud-Din Ahmad bin Abdul Latif Az-Zubadi (1996), *Summarized Sahih al-Bukhari Arabic-English*, translated by Dr. Muhammad Muhsin Khan, in *The Book of Adhan (The Call to Solah)*. Riyadh: Maktaba Dar al-Salam. p.224.

We must take a new approach that going to masjid is not only to perform *solah* but also to acquire knowledge from various Muslim scholars as well as to strengthen the ties of *ukhuwwah* or brotherhood among Muslims.

One thing that we should be proud of is that MAIK has taken proactive steps to improve the quality of mosques or masjids in Kelantan by conducting a masjid evaluation approach using the Malaysian Masjid Rating System (SPMM) since 2023. Those masjids who meet the requirements will be recognized as Five Stars achievers as they deserve and become an example as well as a mentor to other masjids. Until today, Kelantan is the only state that implements a Masjid Rating System involving all masjids throughout the state.

ALAMI as Training Centre

Al-Muhammadi Training Academy (ALAMI) was established in 2023 under the management of the Mosque Administration Division MAIK to improve the role of all imams and mosque officials in Kelantan so that each of their tasks and responsibilities could be carried out efficiently. Continuous training for mosque or masjid officials is required to improve their competency, hard skills and soft skills to overcome all obstacles and challenges.

On 18th February 2024, an official certificate presentation ceremony of the National Dual Training System (SLDN) for ALAMI was held at Perdana Hotel Kota Bharu. Ts. Haji Azman Ibrahim, Director of the Commissioning Division from the Department of Skills Development Malaysia (JPK) presented the official Certificate of Commissioning to the Honourable Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz, Chairman of Council of the Religion of Islam and Malay Custom Kelantan. Official training will then be conducted by industry and skills training institutes.

With its strategic location at Sultan Ismail Petra Islamic Jubilee Complex, it is hoped that ALAMI will be able to improve the performance of all masjid officials in Kelantan.

Ways to Enhance the Function of Masjid

The following are the author's views on how the institution of the mosque can be enhanced:

1. Strengthen the Committee Structure

The function of the mosque or masjid to promote the culture of knowledge, as well as worship among Muslims, comes from the robust governance of the masjid. In this context, the success or failure of a masjid starts with the appointment of the mosque committee. A good calibre and dynamic committee will be able to plan, manage and govern well. As the main key to the success of this committee is the sense of responsibility on the entrusted matters. If there is a need, committee members should be sent to attend short-term courses or seminars to improve their understanding and skills in managing their respective tasks.

2. Always hold quality meetings

The masjid should become a conducive and meaningful meeting venue. Not only meetings between committee members but discussions between the committee and prayer congregations could also be held. For example, the Imam as the head of the masjid must play an active role in solving any problem that arises. Please appreciate every comment, suggestion or point of view from people who deal with us and always be open to receiving criticisms from anyone. The masjid team should try once in a while to hold a meeting session outside of their mukim, for example, they may have a special meeting at government administrative centres such as the State Islamic Religious Department, Municipal Council, any university or college and others.

3. Making the masjid a center of knowledge and virtue

The mosque or masjid needs to be an institution of knowledge for the Muslim community. This knowledge culture needs to be expanded not only by holding religious classes but also by organizing knowledge seminars, school subjects' tuition, basic fardu kifayah skills such as slaughtering and bathing corpses, Islamic affairs forums, lectures and knowledge discourses. The mosque should also be able to become a counselling centre to help solve the problems faced by Muslims community.

In addition, the mosque can also be developed as a welfare centre for those in need. The economic situation of the poor and less able especially among *asnaf*(zakat recipients)

needs to be taken seriously by masjid administrators. Every financial problem faced by family members of the community members such as less money for school expenses, medical needs and hardships of orphans should be on their agenda of meeting to be resolved. The masjid team must have a database of every congregant. Committee members may assist in identifying the poor and the disabled in their respective areas.

4. To apply the latest information technology

